

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2002	(Halaman 17)
Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2002	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2002	(Halaman 34)
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) (No. 2) 2002	(Halaman 55)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) (No. 2) 2002	(Halaman 67)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

Yang Berhormat	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 11 November 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional setakat ini; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah kelewatan pengeluaran pinjaman oleh PTPTN.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Julai 2002 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menawarkan pinjaman pendidikan kepada seramai 379,587 pelajar di institusi pendidikan tinggi yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.49 bilion. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan amat prihatin terhadap masalah kelewatan pembayaran pinjaman yang dihadapi oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Bagi mengatasi masalah tersebut, PTPTN telah mengambil beberapa langkah berikut:

- (i) mengkreditkan terus wang pinjaman kepada akaun pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA dalam tempoh 14 hari selepas pelajar mendaftar diri;
- (ii) memperkemaskan urusan pengagihan surat tawaran dan dokumen perjanjian di mana kakitangan PTPTN berada di setiap IPT semasa minggu pendaftaran pelajar;
- (iii) menggunakan borang OMR bagi membantu mempercepatkan urusan pemprosesan setiap permohonan;
- (iv) membangunkan sistem pengkomputeran PTPTN supaya selaras dengan pertambahan pesat bilangan pelajar IPTA, IPTS; dan
- (v) mengadakan kerjasama dengan beberapa buah bank bagi mempercepatkan urusan pembayaran pinjaman kepada pelajar.
Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan pelajar di IPTS yang mendapat pinjaman tersebut dan apakah biasanya tempoh yang diperlukan sebelum sesuatu pinjaman dapat diluluskan atau ditolak kerana maklumlah kita pun tak boleh luluskan semua, tetapi tempoh yang ditetapkan bolehkah tempoh ini dipendekkan lagi supaya mereka tahu kalau tak dapat daripada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mungkin mereka boleh dapat pinjaman daripada punca-punca yang lain.

Saya membangkitkan hal ini terutamanya kerana saya tidak nampak bilangan pelajar Melayu misalnya yang masuk ke IPTS masih kurang. Yang masuk biasanya dalam institusi IPTS yang tertentu sahaja yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Tetapi

pada keseluruhannya saya nampak masih kurang. Adakah dengan memberi pinjaman yang seperti ini bilangan akan bertambah. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Hari ini Yang Berhormat serius, saya beri jawapan yang serius kepada Yang Berhormat, terima kasih. Pertama sekali mengenai dengan bilangan pelajar seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, sebenarnya kalau saya ambil dari urutan daripada tahun 1997 IPTA kita beri sebanyak 10,685, manakala IPTS hanya 167. Tahun 1998 - 16,958 untuk IPTA dan 680 untuk IPTS. Jadi, selanjutnya sehingga tahun 2001 - IPTA kita beri 81,810, IPTS - 28,311, dan tahun 2002, sehingga 30 Julai 2002 - 51,473 IPTA dan 2,029 IPTS.

Mengenai dengan pemberitahu kepada penuntut-penuntut yang tidak dapat, ini khususnya bagi IPTS. Sebenarnya Yang Berhormat, kita prihatin dan begitu amat kesali daripada segi kelewatan yang telah berlaku pada masa yang lampau. Sebab itu tadi jawapan saya telah dinyatakan langkah-langkah yang kita telah ambil dengan tujuan, harapan memperbaiki daripada segi kelewatan pembayaran wang kepada penuntut-penuntut yang telah memohon. Bagi sesetengah yang kita tahu, masalahnya ialah sesetengah penuntut-penuntut tadi apabila dia menulis borang tadi kebanyakan bahan-bahan ini tidak mencukupi. Itu satu.

Keduanya, apabila mereka buat pinjaman pula, katalah perjanjian hanya tiga tahun dan katakanlah dia masuk tahun empat, sepatutnya dia perlu pohon semula tetapi dia tidak pohon. Jadi, dia berharap ianya berjalan terus - sekali dia dapat, dia jalan terus, dia kena semak baliklah.

Mengenai dengan pemberitahu kepada penuntut-penuntut yang tidak dapat, ini saya rasa satu cadangan yang baik untuk saya kemukakan kepada pihak PTPTN. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara masalah yang turut dihadapi ialah pengeluaran bukan sahaja pinjaman tersebut tetapi pengeluaran pendahuluan. Ini dihadapi khususnya bagi pelajar-pelajar yang jauh seperti dari Sabah dan Sarawak di mana ongkos yang tinggi itu diperlukan untuk berjalan dan bertolak dari kawasan. Masalah ini masih berterusan. Apakah tindakan pihak kementerian untuk mempercepatkan pengeluaran pendahuluan tersebut kerana tanpa pendahuluan yang mana RM1,500 saya ingat bagi pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak, ibu bapa tidak mampu untuk mengeluarkan wang permulaan untuk ongkos perjalanan dan bayaran pertama di asrama ataupun bayaran yuran.

Bolehkah pihak kementerian khususnya memastikan supaya apabila tawaran itu dikeluarkan untuk tempat universiti, maka tawaran pinjaman itu juga sekali gus dikeluarkan bagi pelajar-pelajar di luar bandar khasnya daripada yang jauh seperti Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini kita rasa sepatutnya kita keluarkan dengan serta-merta, dengan secepat mungkin asalkan mereka dapat menunjukkan tawaran permohonan mereka. Bila Yang Berhormat bangkitkan mengatakan penuntut Sabah, saya rasa kita patut aplikasi ini kita beri kepada semua penuntut, bukan sahaja kepada Sabah dan Sarawak. Malah penuntut dari Semenanjung yang hendak ke Sabah dan Sarawak yang ini juga kita harus fikirkan, kapal terbang mereka adalah juga ditanggung dalam soal ini.

Jadi saya berharap ini dapat kita lakukan sekiranya pelajar-pelajar tadi dapat bekerjasama dengan pihak kita. Umpamanya wang pinjaman pendidikan tidak dapat dikeluarkan kepada pelajar atas sebab-sebab, pertama, dia buat permohonan itu lewat. Bukan kita hendak letakkan semua masalah itu kepada pelajar, tidak. Tetapi apabila mereka sudah dapat, mereka semestinya hantarkan surat tawaran itu dengan serta-merta kepada pihak kita khususnya yang mereka dapat IPTA. Jadi, dengan surat tawaran masuk ke universiti itu, saya kira itu sudah memadai. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat lain dapat menasihati kepada bakal-bakal penuntut yang akan ke IPTA khususnya. Terima kasih.

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) sama ada tapak Institut Teknologi Udara dan Hospital Kinrara Puchong akan terus diswastakan. Jika ya, nyatakan syarat-syarat penswastakan; dan
- (b) jika tidak, sila nyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menaik taraf institut dan hospital berkenaan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedua-dua projek tersebut telah dikeluarkan dari senarai penswastakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, ketika ini Institusi Teknologi Udara sedang dipertingkatkan untuk dijadikan pusat latihan pengurusan logistik TUDM. Sebuah hospital yang baru akan dibina di Jalan Genting Klang, Setapak bagi menggantikan Hospital Kinrara di Puchong melalui peruntukan pembangunan kerajaan. Sementara menunggu projek hospital baru siap dibina, Hospital Kinrara masih lagi digunakan bagi tujuan perubatan anggota tentera dan orang awam.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cadangan untuk memindahkan Hospital Kinrara Puchong ke kawasan lain itu, bilakah tarikh yang sebenarnya dan selepas itu tapak Hospital Kinrara akan dirancang sebagai apakah kegunaannya?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Seperti yang saya sebutkan, hospital ini kita pindah sebaik sahaja hospital yang baru siap. Kerana kita tahu bahawa keperluan pada hari ini hospital yang sedia ada amat diperlukan oleh anggota tentera dan pihak awam di kawasan tersebut. Kalau kita hendak pindah lagi tak siap, prasarana tidak mencukupi, tidak sesuai. Kita akan pindah sebaik mungkin bilamana keadaan sudah selesai. Ini di peringkat kita berunding dengan pihak Kementerian Kewangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada Hospital Kinrara Puchong itu akan dipindah, sebabnya dipindah adalah kerana projek *incinerator* di tapak berkenaan dan juga Timbalan Menteri tidak menjawab soalan daripada Serdang di manakah hospital itu akan dipindahkan, di mana alamatnya dan bila? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, tanya alamat macam mana ini. *[Ketawa]* Mengenai dengan pembinaan hospital di Jalan Klang akan dilaksanakan di bawah peruntukan seperti yang saya sebutkan, manakala tapak Hospital Kinrara akan diserahkan kembali kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan apabila hospital di Jalan Genting Klang, Setapak telah beroperasi sepenuhnya.

3. **Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyak jumlah keluasan bukit bukau di negara ini yang termusnah akibat pembangunan terancang dan tidak terancang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kementerian tidak mempunyai maklumat keluasan bukit bukau di negara ini yang termusnah akibat pembangunan terancang dan tidak terancang.

Maklumat-maklumat ini mungkin terdapat secara *scattered*, dengan izin, bagaimanapun kementerian melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelarasan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau sedang berusaha mendapatkan maklumat daripada semua kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelarasan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau telah menyediakan garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi untuk membantu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan ketika merancang dan melaksanakan serta langkah-langkah yang perlu

diambil bagi menangani masalah alam sekitar semasa melaksanakan pembangunan di kawasan tanah tinggi.

Kementerian akan memberi *input* teknikal kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mengenai aspek pengurusan alam sekitar supaya pembangunan yang dilaksanakan tidak memusnahkan bukit bukau di negara kita.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Timbalan Menteri, kebelakangan ini, terdapat satu *trend* di mana para pemaju suka membuat bangunan-bangunan di atas bukit. Gunung-ganang dan bukit bukau adalah merupakan pasak dunia 'waljibala altadah', al-Quran menyebut demikian.

Jadi, kegiatan menggugat kedudukan semula jadi bukit bukau dan gunung-ganang seperti mendirikan kasino, kondominium dan lain-lain binaan yang terpaksa mengubah struktur aslinya sudah tentu akan menyumbang kepada penambahan suhu dunia.

Dan segalanya ini soalnya, adakah kementerian sedar tentang kemusnahan bukit bukau dan gunung-ganang di negara kita yang makin serius dan seolah-olah tidak ada kawalan yang tertentu dan bebas kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mendirikannya. Minta penjelasan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita amat sedar tentang perkara ini dan juga perkembangan yang boleh menjejaskan kedudukan alam sekitar serta kesannya kepada keadaan suhu akibat daripada *ozon layer* yang semakin nipis, sebab itulah apabila perkembangan ini, di akhir-akhir ini dikesan, maka kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk menetapkan satu garis panduan pembangunan di kawasan bukit-bukit dan pulau-pulau. Jadi, antara garis panduan tersebut ialah mengklasifikasikan kawasan tinggi kepada empat kelas, bergantung kepada kecerunan.

Bagi kawasan tanah tinggi yang mempunyai kecerunan kurang daripada 25 darjah, dikategorikan sebagai kelas satu dan dua, projek pembangunan dibenarkan dengan mematuhi sepenuhnya garis panduan pembangunan di kawasan bukit 1977 dan garis panduan kawalan hakisan dan kelodakan 1996.

Bagi kawasan tinggi yang diklasifikasikan sebagai kelas tiga, yang mempunyai kecerunan di antara 26 hingga 35 darjah, projek pembangunan hanya boleh dipertimbangkan setelah mengambil kira hasil kajian EIA. Dan bagi kawasan yang mempunyai kecerunan lebih daripada 35 darjah, diklasifikasikan sebagai kelas empat, tiada pembangunan dibenarkan. Manakala bagi projek pertanian pula, tiada projek pertanian dibenarkan di atas kawasan tanah tinggi yang bercerun lebih 25 darjah. Manakala kawasan yang cerun kurang daripada 25 darjah dikenakan beberapa syarat, seperti:-

- (i) tidak menggunakan jentera berat;
- (ii) membina kolam perangkap mendap yang dapat mematuhi pelepasan pepejal terampai; dan
- (iii) panduan pertanian di kawasan bukit curam 1993 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian hendaklah dipatuhi dan garis panduan kawalan hakisan dan kelodak 1996 yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar juga hendaklah dipatuhi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut tinjauan saya, kebanyakan masalah berkenaan dengan kawalan alam sekitar ataupun pemantauan berkenaan dengan pencemaran alam sekitar adalah disebabkan kerana kekurangan penguatkuasaan yang efektif dan berkesan, walaupun kerajaan mempunyai hasrat untuk menjaga alam sekitar dan dasar pun ada, garis panduan pun ada, tetapi kekurangan penguatkuasaan disebabkan kekurangan kakitangan yang mencukupi khususnya di peringkat daerah.

Jadi, saya ingin tahu adakah rancangan untuk mempertingkatkan prestasi khususnya dari segi menambahkan kakitangan kementerian Yang Berhormat. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita menyedari di antara salah satu sebab yang menyebabkan masalah-masalah seperti yang kita hadapi hari ini berlaku ialah, kerana masalah penguatkuasaan kita dan kerana itu adalah disebabkan antaranya kekurangan kakitangan.

Buat masa ini, Jabatan Alam Sekitar hanya mempunyai kakitangan sejumlah lebih kurang 600 orang di seluruh negara. Bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian telah pun mengemukakan permohonan tambahan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah mendapat kelulusan tambahan kakitangan sebanyak lebih kurang 800 orang. Kita harap dengan tambahan ini, mereka akan dapat melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, sementara kita menunggu tambahan kakitangan, kita telah melaksanakan satu program penurunan kuasa kepada beberapa agensi seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba, Jabatan Polis dan sebagainya untuk bersama-sama membantu Jabatan Alam Sekitar bagi mengawasi kegiatan-kegiatan yang dianggap melanggar peraturan. Terima kasih.

4. **Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) bagaimanakah prestasi penyusunan semula syarikat-syarikat tersenarai di BSKL yang diletakkan di bawah PN4; dan
- (b) adakah kerajaan bersedia untuk melanjutkan tempoh kepada mana-mana syarikat yang masih gagal membuat penyusunan semula dalam tempoh yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, apa dia PN4 ya. Kaunter yang diklasifikasikan sebagai PN4 membabitkan syarikat yang gagal menemui keperluan kewangan minimum yang ditetapkan, termasuk mempunyai dana pemegang saham negatif, mempunyai penanggung yang dilantik atau tidak lagi mempunyai daya maju.

Setakat 31 Oktober 2002, terdapat 97 buah syarikat tersenarai diletakkan di bawah Nota Amalan PN4, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berbanding 115 syarikat sejak PN4 tersebut dikuatkuasakan mulai 15 Februari 2001.

Ini bermakna, sebanyak 18 buah Syarikat PN4 telah berjaya disusun semula untuk mengatasi masalah kewangan masing-masing dan seterusnya tidak lagi diklasifikasikan syarikat di bawah PN4.

Sebanyak 82 daripada 97 buah syarikat telah diklasifikasikan sebagai Syarikat PN4 sebelum atau pada 31 Disember 2001 dan syarikat berkenaan telah diberi lanjutan masa sehingga 31 Disember 2002 untuk memperolehi kelulusan terhadap cadangan penyusunan semula daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) atau pihak-pihak berkuasa yang lain.

Sekiranya syarikat-syarikat ini gagal untuk berbuat demikian, prosedur untuk mengeluarkan daripada penyenaraian BSKL, boleh diambil ke atas mereka. Sementara itu sebanyak 15 buah syarikat lagi telah diklasifikasikan sebagai Syarikat PN4 selepas 31 Disember 2001 dan mereka mempunyai tempoh masa selama 12 bulan daripada tarikh mereka diklasifikasikan di bawah PN4 untuk menyusun semula kedudukan kewangan masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 30 daripada 82 syarikat yang diklasifikasikan PN4 sebelum atau pada 31 Disember 2001 masih belum lagi mengumumkan cadangan penyusunan semula syarikat masing-masing kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan untuk pertimbangan.

Kesemua 30 buah syarikat tersebut menghadapi risiko untuk dikeluarkan daripada penyenaian BSKL selepas 31 Disember 2002, sekiranya cadangan penyusunan semula tidak dapat diberikan pertimbangan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sebelum 31 Disember 2002.

Syarikat yang diklasifikasikan di bawah PN4 sebelum atau pada 31 Disember 2001 telah pun diberi lanjutan masa yang mencukupi sehingga 31 Disember 2002 untuk mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan ke atas cadangan penyusunan semula syarikat masing-masing dan tempoh tersebut tidak akan dilanjutkan lagi.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu daripada pihak Timbalan Menteri tentang lanjutan tempoh masa ini. Saya terbaca dalam akhbar tempatan baru-baru ini yang mengatakan bahawa lanjutan masa ini akan diberikan lagi barangkali sehingga akhir tahun depan mungkin.

Saya melihat dari segi kepentingan minoriti *shareholders*, dengan izin, kepentingan pemegang saham minoriti, saya tidak fikir banyak masalah bagi Syarikat-syarikat PN4 ini untuk mendapatkan, dengan izin, *white knight*, ertinya untuk mendapatkan membuat penyusunan semula dengan cepat. Tetapi kalau tempoh masa ini terus dilanjutkan, syarikat-syarikat ini tidak memberi perhatian yang begitu serius untuk menyusun semula. Mereka mungkin meminta harga yang mahal, sehingga tidak memungkinkan sebarang penyelesaian dibuat ke atas syarikat-syarikat tersebut. Jadi, saya ingin tahu barangkali sejauh mana lagi agaknya, lanjutan masa ini akan diberikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam pembentangan Bajet 2002, kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh penyusunan semula Syarikat PN4 dari Februari 2002 hingga 31 Disember 2002, *that is final*, dengan izin.

Oleh kerana keadaan ekonomi dunia meleset dan ekonomi negara kita juga turut terjejas, kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi syarikat di bawah PN4 masa yang secukupnya untuk membuat penyusunan semula dan kita juga mengambil kira pelabur-pelabur minoriti ataupun *minority shareholders*, dengan izin, ke dalam syarikat-syarikat tersebut, seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Selepas 1 Januari 2003, syarikat di bawah PN4 belum juga berbuat demikian, ia akan dinyahsenaraikan. Kita telah memberi masa yang secukupnya untuk syarikat tersebut memulihkan keadaan. Sekiranya mereka tidak berjaya, mereka terpaksa menerima hakikat dinyahsenaraikan. Tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah, syarikat PN4 yang dikeluarkan dari penyenaian akan kekal sebagai syarikat awam tetapi saham mereka tidak boleh diniagakan di BSKL. Walaupun tidak lagi disenaraikan, mereka kekal sebagai entiti dan boleh menjalankan kegiatan perniagaan seperti biasa dan pemegang saham masih mempunyai hak.

Langkah menggugurkan syarikat berkenaan daripada senarai BSKL ialah untuk memastikan setiap syarikat yang disenaraikan mempunyai mutu minimum yang dipatuhi dan kerajaan berharap ia dapat melindungi pelabur daripada terjebak dalam syarikat-syarikat yang bermasalah.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada kementerian sedar bahawa ada di kalangan syarikat-syarikat yang diletakkan dalam *Practice Note 4* ini baru disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur buat dua, tiga, tahun sahaja. Walaupun singkat masanya, sudah diletakkan di bawah PN4 ini. Jadi, saya ingin tahu sama ada, ada kelemahan daripada segi menentukan syarat-syarat untuk menyenaraikan syarikat-syarikat di BSKL? Sama ada kerajaan atau kementerian bercadang

untuk mengetatkan lagi syarat-syarat untuk menyenaraikan syarikat di dalam BSKL? Sama ada tindakan undang-undang akan diambil terhadap syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah PN4 ini yang memberi maklumat-maklumat yang kurang tepat semasa syarikat itu memohon untuk disenaraikan di BSKL?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa syarat-syaratnya tidak longgar, ia sudah ketat dah. Jadi apa yang kita harapkan ialah seperti mana apa Yang Berhormat katakan tadi, supaya apabila mereka hendak mengisytiharkan IPO, semua syarat yang kita tetapkan itu dipatuhi. Sekiranya syarat-syarat itu tidak dipatuhi, maka tindakan boleh diambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita tengok syarat-syarat sekarang, syarikat yang di bawah PN4 ialah *trading industrial* dengan izin, - 69 semuanya, *construction* – 19, *finance* – 5 dan yang lain-lain – 4. Jadi kita berharap nanti supaya dapat kita melihat balik agar apabila hendak diisytiharkan IPO, semua syarat itu nanti akan dipatuhi oleh syarikat berkenaan, kalau tidak, tindakan akan diambil.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan) tidak hadir].

6. **Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan cadangan balas yang diterima ekoran dari cadangan persempadanan baru kawasan pilihan raya yang baru dan apakah kriteria-kriteria yang dapat diterima oleh SPR bagi menangani permasalahan yang dibangkitkan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah pada waktu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menerima sebanyak 370 permohonan cadangan balas daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada kerajaan negeri. Kumpulan 100 orang pemilih dan individu sepanjang tempoh Pameran Rang Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihan Raya yang bermula dari 8 Ogos 2002 hingga 8 September 2002.

Kebanyakan cadangan-cadangan balas yang dikemukakan adalah berkaitan dengan cadangan untuk mengekalkan bahagian-bahagian pilihan raya yang sedia ada. Pengubahsuaian daerah-daerah mengundi dan sempadan bahagian pilihan raya serta penambahan kerusi bagi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, SPR kini sedang dalam proses mengadakan siasatan tempatan untuk mendengar rayuan dan cadangan-cadangan balas yang layak mengikut syarat yang ditetapkan di Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan iaitu Permohonan Daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan dan Kumpulan 100 Orang Pemilih.

Bagi permohonan individu, SPR akan meneliti dan membuat pertimbangan ke atas cadangan-cadangan sama ada cadangan yang dikemukakan boleh diterima atau sebaliknya. Kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh SPR ini ialah keseimbangan jumlah pemilik mengikut kategori bahagian-bahagian pilihan raya seperti bandar raya, bandar, suku bandar dan luar bandar. Di samping itu, SPR juga memastikan bahawa di mana yang boleh, bahagian-bahagian pilihan raya hendaklah berada dalam kawasan pentadbiran daerah yang sama dan garis persempadanan ini tidak menjejaskan hubungan tempatan. Dalam urusan-urusan tersebut, SPR mengambil kira faktor sosioekonomi tempatan, luas kawasan, perhubungan komunikasi dan kepentingan pengundi semasa pilihan raya.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini SPR telah mengadakan pemilihan untuk mendaftar pemilih-pemilih baru yang mana pemilih ini berdaftar mengikut alamat di kad pengenalan masing-masing. Ini sudah tentu akan dapat menentukan kepentingan dan hak pengundi bagi satu-satu kawasan tersebut. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan

diambil oleh pihak SPR untuk menentukan pengundi-pengundi yang berdaftar dan telah digazetkan di satu-satu tempat itu bagi menentukan bahawa hanya pengundi-pengundi yang benar-benar mempunyai hak dan kepentingan untuk satu-satu tempat itu sahaja mengundi di kawasan yang ditentukan, kerana ada banyak berlaku pengundi-pengundi hantu dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu berhubung dengan penyusunan semula ini, apakah langkah-langkah yang diambil? Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, beberapa langkah telah pun diambil kira tentang bagaimana mengenal pasti agar para pengundi betul-betul akan dapat menunaikan tanggungjawab dan hak mereka selaku pengundi di tempat-tempat yang bersesuaian. Dan sebahagian daripada langkah-langkah menentukan supaya mereka juga adalah merupakan pengundi yang berasal daripada tempat itu, maka dengan itu, alamat para pengundi amat penting sekali dan sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ialah supaya pada peringkat pameran, bantahan-bantahan pada peringkat ini sekarang kita berikan tempoh sebulan sehingga tamat. Kalau tidak silap saya pada 30 November ini, iaitu siasatan awal sedang berjalan lancar tamat pada 30 November ini, di mana pihak-pihak yang sepatutnya berhak untuk mengundi bolehlah memperakukan bahawa mereka sebetulnya datang daripada tempat dan asal yang mana mereka berhak untuk mengundi, untuk memastikan supaya mereka tidak akan terjejas hak mereka selaku rakyat yang terlindung dalam Perlembagaan kita.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin tahu mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah, mana menteri lain?

Tuan Saupi bin Daud: ... Pertahanan yang terpaksa menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Betul! Mana menteri lain?

Tuan Saupi bin Daud:sedangkan ramai ramai lagi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, jangan bercakap sambil duduk.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, ini soalan saya khususlah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Saupi bin Daud:mewakillikan kepadakasihan juga saya tengok sahabat saya daripada Kementerian Pertahanan ini, banyak kerja. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, kalau kita lihat bantahan-bantahan yang dibuat di tiga peringkat - bantahan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan satu lagi lebih kurang 100 orang pengundi tempatan.

Pertamanya, kalau 100 orang pengundi tempatan ini adalah merupakan suatu kekuatan terhadap bantahan ataupun maklum balas yang diambil oleh pihak SPR. Bagaimana pula SPR mengklasifikasikan orang-orang yang terlibat dalam bantahan itu kerana SPR sendiri mengatakan bahawa ramai di kalangan pengundi-pengundi ini adalah terdiri daripada pengundi-pengundi hantu ataupun pengundi haram yang perlu dibersihkan dari senarai SPR.

Bermakna, kalau sebelum dia menerima 100 bantahan itu, dia perlu mendapatkan pengesahan daripada kesahihan pengundi itu sebenar dan dalam hal ini juga saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, siapakah di antara anggota-anggota yang dilantik oleh SPR untuk memutuskan suatu bantahan ataupun maklum balas yang telah diterima oleh SPR supaya benda itu tidak dapat dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu? Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Kebiasaannya bila kita ada bantahan,

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Seputeh, janganlah bising sangat, saya hendak menjawab. You hendak dengar jawapan saya.mengenai dengan bantahan kebiasaan yang diamalkan, SPR akan mengambil tanggungjawab ini sepenuhnya dan di peringkat daerah diamanahkan kepada pegawai-pegawai daerah dan bantahan ini juga akan disiasat dan siasatan ini mengikuti landasan yang sedia ada – kesahihan pengundi contohnya.

Ia akan dirujuk menerusi pegawai daerah dan berhubung dengan penghulu, ketua kampung dan pemimpin-pemimpin masyarakat, sama ada penduduk itu adalah merupakan penduduk hantu atau tidak. Kalau didapati bahawa ketua kampung ataupun penghulu setelah berunding, disiasat oleh pegawai-pegawai yang telah diamanahkan oleh SPR untuk menjalankan tanggungjawab ini, didapati tidak benar, maka SPR akan menolak hak mereka selaku pengundi yang sah di kawasan tersebut.

Kita dapati keadaan ini berlaku contohnya di Pendang yang telah dibangkitkan di mana ada di antara mereka pengundi-pengundi hantu. Maka dengan itu, kita perlu untuk menyusul perkara ini di mana mereka dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat tanpa pengetahuan pihak yang berwajib SPR bahawa mereka tidak berhak dan langkah-langkah ini akan diteliti secara mendalam, bukan atas rayuan semata-mata. Selepas itu kita terima, kita sahkan - tidak! Dia akan mengikuti lunas-lunas yang sedia ada, peraturan untuk memastikan supaya rakyat yang berhak akan menentukan kerajaan yang berwajib di negara ini.

7. **Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah pihak kementerian bercadang membekal infrastruktur asas telekomunikasi di luar bandar demi memastikan supaya para penduduk desa dapat mengambil bahagian dalam penggunaan dan penguasaan ICT. Apakah peranan kementerian dalam usaha mengurangkan jurang digital (*digital divide*) khasnya di luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membekalkan infrastruktur asas telekomunikasi di luar bandar dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Kementerian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar merupakan satu daripada kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan ICT di kawasan luar bandar dan merapatkan jurang digital. Antara program yang dilaksanakan ialah:-

- (i) sejak tahun 1998, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengadakan kelas-kelas literasi komputer kepada pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua masyarakat luar bandar melalui Program Pendidikan Literasi Komputer yang dilaksanakan oleh KEMAS dan INFRA. Dan mulai Rancangan Malaysia Kelapan, Program ICT Desa yang lebih terancang diperkenalkan melalui Program Info Desa; dan
- (ii) selain daripada itu, terdapat juga program kemahiran komputer yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti KESEDAR, KEDA, PERDA, KEJORA dan KETENGAH.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM2.376 juta untuk melaksanakan Program Info Desa. Program ini dijangka akan meliputi 70 buah Kampung Program Info Desa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak kementerian atas jawapan yang telah pun diberi khususnya dalam soal perkembangan dan tujuan memperluaskan lagi Program Info Desa. Namun setakat ini, Program Info Desa ini masih terletak di kawasan setengah desa, bukan yang betul-betul desa. Adakah pihak kementerian bercadang memperluaskan program ini

kerana kita berpendapat juga program ini memang amat berkesan untuk mengurangkan jurang digital.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian bercadang memberi peruntukan khas melalui Ahli-ahli Parlimen seperti peruntukan yang sedia ada untuk jalan raya, untuk bekalan air dan seterusnya bekalan elektrik, khusus untuk pembekalan alat-alat komputer untuk tujuan mengurangkan jurang digital. Adakah pihak kementerian bersedia mempertimbangkan ini sebagai satu program baru. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan tadi, kementerian ini merupakan salah satu kementerian tetapi kita juga mesti perlu lihat program-program ICT dan program-program ICT yang diuruskan oleh Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia yang dalam Rancangan Malaysia Kelapan dijangka membelanjakan RM1 bilion untuk membangunkan infrastruktur asas telekomunikasi kawasan luar bandar. Dan untuk menjawab cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bandau, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengkaji cadangan Yang Berhormat untuk memberi peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk membekalkan komputer-komputer di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat besar seperti TNB dan Telekom Malaysia yang telah pun mempunyai asses infrastruktur kepada kawasan-kawasan dalam bandar bagi mengurangkan jurang digital ini. Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Seperti yang saya sebut dalam jawapan tadi, Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia diberi tanggungjawab ini untuk membangunkan infrastruktur asas telekomunikasi di luar bandar dan peruntukan yang diberi untuk kementerian ini ialah RM1 bilion. Selain daripada ini, Kementerian Pendidikan pun diberi banyak peruntukan untuk membekalkan komputer-komputer di sekolah-sekolah luar bandar. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian telah mengenal pasti 23 bandar yang akan terlibat dengan pembinaan hospital dalam RMK-8 dan apakah kriteria yang diguna pakai dalam pemilihan bandar berkenaan; dan
- (b) nyatakan bandar-bandar yang telah dikenal pasti untuk pembinaan hospital tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian memang mengenal pasti bandar-bandar yang terlibat dengan pembinaan hospital dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Jumlah bandar yang terlibat bukanlah 23 tetapi 32. Projek hospital kerajaan adalah terdiri daripada hospital baru dan hospital gantian di kawasan atau daerah yang didapati memerlukannya.

Kerajaan telah, sedang dan akan membina hospital baru di kawasan atau daerah yang belum ada hospital kerajaan. Kerajaan juga membina hospital gantian jika hospital yang sedia ada telah lama, sempit, bangunannya uzur atau rosak dan tidak ekonomik untuk diperbaiki atau dinaiktaraf.

Antara kriteria yang digunapakai dalam pembinaan hospital baru dan hospital gantian ialah:

- (i) keperluan membina sebuah hospital baru di kawasan atau daerah atau bandar yang belum ada hospital

kerajaan. Contohnya hospital baru dibina di Bandar Ampang, Serdang dan Shah Alam di Selangor serta di Kepala Batas di Pulau Pinang. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan setiap daerah mempunyai sebuah hospital kerajaan bagi menyediakan kemudahan perubatan yang terbaik kepada penduduk tempatan,

- (ii) bilangan penduduk sesuatu kawasan atau daerah atau bandar berkenaan adalah besar iaitu sekurang-kurangnya 50,000 orang. Bilangan katil yang disediakan berdasarkan bilangan penduduk. Mengikut norma pembinaan hospital baru yang ada sekarang ialah dua katil bagi setiap 1,000 orang penduduk,
- (iii) jarak hospital baru dari hospital sedia adalah melebihi 10 kilometer. Masalah ini menjadi lebih penting di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang menghadapi masalah infrastruktur dan perhubungan,
- (iv) menyediakan perkhidmatan khusus atau kepakaran tertentu seperti Institusi Jantung Negara, Hospital Psikiatri Tampoi, Hospital Psikiatri Sungai Petani,
- (v) cadangan pembinaan hospital baru atau hospital gantian dikemukakan oleh jabatan kesihatan negeri dengan memberikan alasan atau justifikasi keperluan projek tersebut,
- (vi) mempunyai peruntukan kewangan dan tanah di bawah bajet pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan yang dirancang dan disediakan untuk projek tersebut,
- (vii) bagi hospital gantian, selain daripada kriteria yang saya nyatakan tadi iaitu yang kelima dan keenam di atas, bangunan hospital sedia ada mestilah bangunan lama yang berusia melebihi 30 tahun, berkeadaan uzur, retak, usang dan mengalami kerosakan yang teruk serta sukar diperbaiki atau kos pembaikannya dianggarkan menelan belanja yang besar.

Keperluan membina hospital gantian juga berbangkit kerana pertambahan penduduk yang menyebabkan hospital sedia ada menjadi sempit dan tidak berupaya memberikan perkhidmatan yang baik. Antara hospital gantian yang sedang dibina ialah Hospital Alor Setar dan Hospital Sungai Petani di Kedah, Hospital Pekan di Pahang, Hospital Lahad Datu dan Hospital Keningau di Sabah.

- (b) Hospital-hospital baru dan gantian dibina di Lahad Datu, Keningau, Pitas, Kunak, Kuala Penyu, Nabawan di Sabah, Sungai Petani, Alor Setar di Kedah, Kepala Batas di Pulau Pinang, Ampang, Serdang, Sungai Buloh, Shah Alam di Selangor, Pandan dan Kluang di Johor, Cameron Highland, Pekan dan Temerloh di Pahang, Setiu di Terengganu, Jeli di Kelantan, Dalat, Lawas, Sarikei, Sri Aman dan Belaga di Sarawak, Jempol di Negeri Sembilan, Hospital Psikiatri Sungai Petani di Kedah, Hospital Psikiatri Tampoi di Johor, Jasin di Melaka, Hospital Rehabilitasi dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Saya mengucapkan terima kasih dengan jawapan itu walaupun Terengganu hanya dapat satu dan Kelantan satu hospital baru, tetapi saya melihat kementerian seolah-olah melihat pembangunan fizikal lebih utama kepada hospital-hospital yang sedang ada sekarang ini, sedangkan dari segi mutu ataupun dari segi perkhidmatan yang diberi seolah-olah dinafikan.

Apa yang saya sebut ini ialah kerana sehingga sekarang setiap daerah masih belum mempunyai satu orang doktor pakar. Sebagai contoh di Hulu Terengganu, beberapa kes telah berlaku di mana seorang yang dibawa ke hospital tidak dapat dikesan penyakitnya dan diarah pula setelah dia menjadi lebih teruk dibawa dan akhirnya dirujuk ke Kuala Terengganu, selang dua tiga hari lalu meninggal dunia.

Soalan saya, apakah kementerian bercadang selain meningkatkan mutu ataupun fizikal pembangunan ini untuk memastikan setiap daerah mesti ada satu orang doktor pakar dan saya hendak tahu bilakah cadangan ini kita dapat diselesaikan di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa kita dapat menyediakan pakar-pakar perubatan di setiap daerah. Itulah sebabnya kita telah memulakan program Ijazah Sarjana di universiti-universiti tempatan di mana kita melatih setiap tahun kita mengambil lebih kurang 400 orang doktor untuk dilatih untuk menjadi pakar. Tetapi program ini sedang berjalan dengan lancar tetapi masalahnya kita tidak boleh meningkatkan terlalu banyak pegawai perubatan untuk mengikuti kursus kerana kalau kita berbuat demikian maka kita akan menghadapi kekurangan pegawai-pegawai perubatan.

Jadi itulah sebabnya kita mengehadikan pada masa ini 400 orang pegawai perubatan dan program ini telah pun berjalan dengan lancar selama lebih kurang 6 tahun ini dan ini kita telah pun mengeluarkan beratus-ratus pakar setiap tahun sekarang. Jadi saya rasa dalam masa 5 tahun lagi masalah kekurangan pakar ini dapat diatasi bukan 100% tetapi kita tidak akan menghadapi masalah seperti yang ada sekarang. Mungkin setiap tahun kita ada 400 pakar yang akan keluar dari universiti-universiti tempatan ataupun di luar negara.

Jadi dalam masa lima tahun kita boleh menghasilkan lebih kurang 2,000 pakar. Jadi ini akan memberi lebih kurang lagi sokongan kepada segala kemudahan-kemudahan yang kita sediakan. Tetapi apa Yang Berhormat katakan tadi, iaitu dari segi pembangunan fizikal baik tetapi dari mutu perkhidmatan tidak baik, itu saya rasa itu adalah satu kenyataan yang tidak benar. Memang daripada segi pembangunan fizikal memang baik. Daripada segi pemberian perkhidmatan memang kita berusaha dengan sedaya upaya dengan kekurangan, dengan *constrain* tenaga sumber manusia yang ada, kita cuba memberi mutu perkhidmatan yang terbaik. Itu Ahli Yang Berhormat mesti menghargai segala perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Waalaikumusalam.

Beberapa Ahli: Waalaikumusalam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Barisan Nasional ini memang adil. [*Dewan riuh*] Hebat Kerajaan Barisan Nasional dan kalau ada rakyat yang tidak menyokong Barisan Nasional, saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Baik sangat kerajaan ini. Seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu tadi, di kawasan pembangkang, di Setiu, di Jeli pun dibina hospital baru. Astaghfirullah-hal-azim. Baik betul!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan Yang Amat Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mana hendak lawan..... [*Ketawa*] Ya, ya [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya hendak melahirkan bagaimana kebaikan Barisan Nasional.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...supaya dapatlah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS dan DAP sampaikan kepada rakyat bahawa baiknya Kerajaan Barisan Nasional. Soalan bukan berapa penting sangat tetapi [Ketawa] [Dewan riuh] Bulan puasa Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa.

Binalah seberapa banyak hospital baru untuk kepentingan rakyat dan saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan. Sebenarnya antara negara-negara di dunia yang baik dari segi taraf kesihatan ialah Malaysia. Kita kena akui memang baik. Walaupun saya dengan Menteri Kesihatan ada sedikit masalah - tentang rokok ini, soal itu saya ketepikanlah. [Ketawa] [Dewan riuh] Tetapi tentang anu, memang baik.

Cuma apa rancangan kementerian yang hospital canggih-canggih di bandar-bandar besar itu sila teruskan. Ini Pusat-pusat Kesihatan Kecil, Besar di kampung-kampung ini, yang di hulu-hulu ini, yang di desa-desa, bagaimana perancangan masa depan kementerian untuk mempertingkatkan

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia ada peluang kutuk, dia kutuk. Dia tidak terima kasih itu. Hendak mempertingkatkan mutu perkhidmatan janganlah biarkanlah begitu sahaja. Jangan kementerian memberikan tumpuan hanya kepada bandar-bandar besar dengan membina hospital canggih. Itu perlu, teruskan tetapi keadaannya. Dan juga satu perkara yang lebih penting agaknya ini klinik pergigian.

Saya difahamkan bahawa tahap kerosakan gigi di luar bandar ini lebih tinggi daripada yang di bandar. Jadi bagaimana perancangan? Rasa saya Setiausaha Parlimen pun fahamlah. Tuan Yang di-Pertua pun faham apa yang saya soal. Sila jawab apa yang saya maksudkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kementerian Kesihatan tidak mengira fahaman politik. Kita memberi perkhidmatan kepada semua rakyat Malaysia walaupun apa dan jua fahaman politik mereka.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, hem, hem. Kena dengar, kena dengar dahulu. Tolong..... hem.

Tuan Muhamad bin Sabu: *Bercakap tanpa pembesar suara.*

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, kementerian sedang berusaha untuk memastikan bahawa dalam pada tahun 2020 kita mempunyai sekurang-kurangnya bagi setiap 600 orang penduduk kita ada seorang doktor. Itulah target kita dan kita percaya kalau dengan segala usaha yang kita buat pada masa ini, kita boleh mencapai matlamat tersebut lebih awal daripada tahun 2020 dengan segala usaha-usaha yang telah dilaksanakan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan banyak tumpuan yang kita telah berikan untuk pembinaan hospital-hospital dan ini telah menelan belanja lebih kurang RM7 bilion untuk pembinaan hospital-hospital dan itulah yang saya sebutkan tadi 30 buah hospital.

Kita sedar bahawa kita perlu juga menaikkan taraf semua klinik kesihatan dan juga klinik desa dan tumpuan kursus akan diberikan semasa kajian semula Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan mengambil perhatian dan memberi lebih banyak lagi tumpuan untuk menyediakan perkhidmatan menaikkan taraf perkhidmatan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Berkenaan klinik-klinik pergigian di kawasan luar bandar saya percaya bagi kanak-kanak tidak ada masalah kerana perkhidmatan ini diberikan di setiap sekolah. Buat pada masa ini perkhidmatan diberikan dari perkhidmatan pergigian itu adalah amat baik di sekolah-sekolah. Tetapi bagi orang dewasa bolehlah pergi ke klinik-klinik pergigian berhampiran. Saya rasa perkhidmatan yang ada itu cukuplah.

9. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana usaha-usaha yang dilaksanakan di sekolah-sekolah tempatan untuk mempertingkatkan kefasihan dalam bahasa Inggeris berbanding dengan usaha-usaha yang diamalkan di negara-negara Eropah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Strategi Meningkatkan Prestasi Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah. Saya ulangi, prestasi bahasa Inggeris, maksud saya. Cadangan-cadangan tersebut ialah;

- (i) Program bacaan awal berstruktur. Program ini mula dilaksanakan di 1,970 buah sekolah rendah luar bandar yang telah dikenal pasti. Sekolah-sekolah ini dibekalkan dengan buku-buku bacaan awal berstruktur dan bergred serta gurunya juga diberi pendedahan mengenai penggunaan buku tersebut termasuklah strategi-strategi yang berkaitan dengan kemahiran membaca;
- (ii) penggunaan ICT dalam pengajaran dalam bahasa Inggeris. Program tersebut dilaksanakan di 291 buah sekolah rendah dan 395 buah sekolah menengah dengan menggunakan lima perisian pendidikan bahasa Inggeris;
- (iii) kursus strategi pengajaran bahasa Inggeris. Kursus berkenaan yang berkaitan dengan kemahiran profesional guru dijalankan dengan kerjasama *British Council*;
- (iv) kursus peningkatan profesionalisme dengan izin *striving for success*. Kursus yang dijalankan ini adalah untuk guru-guru bahasa Inggeris luar bandar yang telah bermula tahun 2001 dan seramai 740 orang guru bahasa Inggeris dari seluruh negara telah diberi latihan;
- (v) program penutur jati bahasa Inggeris. Program ini melibatkan penutur jati dari luar negara yang membantu meningkatkan prestasi dan kemahiran bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar. Ini terdiri dengan izin;
 - (a) *district English language coordinator*
 - (b) *practising English teachers*
 - (c) sukarelawan remaja.

Mereka akan membantu menggerakkan latihan dan aktiviti sokongan, membantu meningkatkan profesionalisme guru sekolah rendah dan menengah di daerah yang mereka ditempatkan dan aktiviti-aktiviti lain berkaitan dengan bahasa Inggeris. Ini maksudnya kita bukan ambil guru bahasa Inggeris dari luar, tetapi sebagai konsultan sahaja. Kementerian ini mempunyai keyakinan bahawa usaha-usaha yang dijalankan ini dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris setanding dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh negara-negara lain di dunia termasuk di Eropah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila bagi Yang Berhormat dari Kapar.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ha, oh Kapar, sorry. *[Ketawa]*

Puan P. Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian atas segala usaha yang telah diambil untuk menaikkan taraf kefasihan dalam bahasa Inggeris. Maksud soalan saya adakah pihak kementerian buat satu lawatan sambil belajar ke negara-negara Eropah supaya kita dapat belajar dari pengalaman mereka mempertingkatkan kefasihan dalam bahasa Inggeris, sebab dalam pengalaman saya yang berumur dari 23 tahun dan ke bawah di negara-negara Eropah pada masa ini adalah sangat fasih dalam berbahasa Inggeris berbanding dengan generasi yang lebih tua. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat dari Kapar. Sekurang-kurangnya soalan Yang Berhormat juga memberi peluang kepada saya untuk membuat penjelasan lanjut. Saya terus terang mengatakan bahawa dalam *[Disampuk]* siapa ganggu saya ini. Seputeh inilah, janganlah suka ganggu. Saya harap Seputeh ini dapat kawal diri sedikitlah. *[Ketawa]* Kadangkala saya tengok, apabila saya bercakap saja dia sudah angkat tangan, *ngong, ngeng, ngong, ngeng*, apa benda inilah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Dia belum kahwin lagilah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Belum kahwin lagi. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Shim: Tuan Yang di-Pertua, ini perlu tarik balik. Ini perkataan yang tidak senonoh di Dewan yang mulai ini, tarik balik.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kejap, kejap Yang Berhormat, dia kata apa itu. *[Ketawa]* Dia kata apa, yang kata tidak senonoh itu.

Puan Teresa Kok Suh Shim: *[Bangun]* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Shim: Ini ramai yang cerai dan kahwin lagi ada dua tiga isteri dan ..

[Dewan Riu]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Cukuplah marah, janganlah marah sangat, sikit-sikit sudahlah. Yang Berhormat Setiausaha tolong tarik balik belum kahwin lagi itu. *[Ketawa]* Dia sudah, sudah, belum kahwin itu apa dia, makna kata apa dia.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pada mulanya saya tidak tahu apa benda yang perlu saya tarik, saya belum masuk lagi, sudah suruh tarik. Belum saya masuk jawapan lagi, dia suruh saya tarik. Tarik apa Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu hendak tarik apa.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan belum kahwin lagi itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Belum kahwin lagi, oh, kalau tidak disukai saya tarik balik, saya hendak mencadangkan di sini ialah ucapkan selamat pengantin baru sekiranya Yang Berhormat ada rancangan untuk berkahwin. Itu saja, kalau ada rancangan.

Puan Teresa Kok Suh Shim: Tidak ada kena-mengena.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolonglah, tolonglah, tolonglah. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

[Dewan Riu]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tidak apalah saya tarik baliklah, apa yang Yang Berhormat tidak suka, saya tarik baliklah apa-apa pun.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usahlah dipanjangkan perkara ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Jadi apabila saya buat jawapan lain kali jangan ganggu saya. Jadi, tidak apalah, tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ini mengenai Yang Berhormat bertanya dengan saya Yang Berhormat Kapar, mengenai dengan lawatan sambil belajar memanglah bagi saya perbelanjaan yang amat begitu tinggi tapi saya tahu ada yang setengah-tengah sekolah-sekolah swasta ada melakukan perkara itu.

Tapi bagi pihak kita untuk mengadakan lawatan-lawatan sambil belajar ini saya rasa akan mengambil masa yang panjang untuk merancanginya dan masa yang sama juga perbelanjaan yang begitu besar. Oleh itu saya akan bawa cadangan ini kepada pihak kementerian untuk dipertimbangkan cadangan Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun saya beri jaminan kepada Yang Berhormat buat setakat ini kita dari segi penguasaan bahasa Inggeris di sekolah rendah mahupun sekolah menengah amat begitu baik sekali, kecuali yang kita hadapi sekarang ialah di kawasan-kawasan luar bandar. Ini yang kita hendak lakukan dan saya berharap mintalah semua pihak beri kerjasama kepada kita khususnya ibu bapa dalam perancangan untuk menjayakan program pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran di sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi pertanyaan jawab lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai]

Puan Chong Eng: Peraturan 18(1). Izinkan saya memberi sedikit penjelasan bahawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) saya telah ditolak di dalam kamar yang saya dapati bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengatakan. Nanti kejap Yang Berhormat, Yang Berhormat berkata ini di bawah Peraturan Mesyuarat, di bawah Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Puan Chong Eng: Peraturan Mesyuarat 18(1).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat itu membolehkan Yang Berhormat menghantarkan usul itu kepada saya, bukanlah membolehkan Yang Berhormat bangun bertanya saya dalam Dewan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, kata perkara itu bukan yang tertentu dan perkara bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Itu keputusan saya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit masa sahaja, formula 241 ialah formula 123 yang saya minta untuk berbincang di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak puas hati bawalah perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 43 ya.

Puan Chong Eng: Peraturan Mesyuarat 43 selalunya tidak naik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba hendak membentangkannya. Cukuplah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah, cukuplah. Kita ada dua hari saja lagi dan kita mempunyai 9 perkara Yang Berhormat dan perkara-perkara ini kebanyakan bersangkutan dengan bajet ataupun perbendaharaan, oleh yang demikian kita perlu meluluskan pada hari ini dan esok juga. Oleh yang demikian saya harapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat menolong kita kesemuanya supaya kita menjimatkan masa, boleh kita menghabiskan rang undang-undang ini dan satu usul yang kemudiannya itu supaya boleh dibereskan dalam masa dua hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2002****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 November, 2002].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pohon Yang Berhormat bagi Tambun memulakan ucapan. Ya, Yang Berhormat diberi 20 minit ya.

11.10 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam belanjawan lalu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan belanjawan berimbang pada tahun 2005. Pada tahun 2003 terdapat belanjawan defisit sebanyak RM20 juta. Saya cuba membuat analisis ke atas kenyataan tersebut sekiranya kerajaan mengekalkan belanjawan pada jumlah RM109 bilion pada tahun 2004 dan tahun 2005 bermakna perlu kepada pertambahan kepada hasil sebanyak 11%.

Ini bermakna hasil cukai juga perlu meningkat kepada 11% setahun iaitu 22% bagi tahun tersebut. Tetapi yang lebih realistik saya melihat kepada belanjawan lalu bahawa pada tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya kerajaan akan menambah sebanyak 10%. Sekiranya ini berlaku belanjawan pada tahun 2005 akan berjumlah RM132 bilion, ini perlukan pertambahan hasil pendapatan sebanyak 24% setahun dan hasil cukai perlu meningkat sekurang-kurangnya 24% setahun, bagi dua tahun iaitu 48%. Sehubungan dengan ini ingin membincangkan mengenai dengan apa yang dipanggil dengan izin *income tax non compliance* ataupun - dalam bahasa Malaysia apa? Cukai pendapatan yang tidak berbayar atau tidak mengikut peraturan, lebih kurang begitu.

Tuan Yang di-Pertua, kajian daripada beberapa negara-negara maju mendapati bahawa *non compliance*, cukai pendapatan ini berjumlah 8% daripada GNP. Tidak ada kajian dibuat di negara kita kecuali oleh *Abdulem* pada tahun 2001. Ini berteraskan kepada kajian beliau pada tahun 1995, 1996 dan 1997 maka kita tidak ada statistik yang tepat. Tapi sekiranya kita ambil 8% daripada keluaran negara kasar yang berlaku di beberapa negara maju kita aplikasikan di negara kita, Keluaran Negara Kasar negara kita lebih kurang RM350 bilion. Kalau 8% bermakna RM24 bilion cukai *non-compliance*, yang tidak berbayar ini. Ini berlaku di atas beberapa sebab;

- (i) kerana pihak pembayar cukai tidak mengisytiharkan pendapatan dengan betul;
- (ii) gagal mengisytiharkan cukai;
- (iii) menaikkan perbelanjaan, ini bagi syarikat;
- (iv) dari segi melebihi tuntutan ke atas potongan-potongan yang dibenarkan oleh cukai. Ini juga dilakukan oleh syarikat.

Di samping itu cara tidak begitu lengkap menunjukkan yang banyak lari daripada cukai ini adalah orang-orang yang berumur lebih 50 tahun, lebih lelaki daripada wanita dan individu yang dapat pendapatan lebih daripada RM50,000 setahun.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi kerajaan – anggaran yang dibuat oleh kerajaan di mana cukai tidak berbayar bagi satu-satu tahun. Kalau saya ambil contoh yang berlaku di negara-negara maju. Kalau katalah betul 8% daripada KNK sebanyak RM24 bilion tidak berbayar, bermakna kalau jumlah ini dikutip, maka pendapatan negara kita, kalau pada tahun ini sebanyak RM89 bilion, maka ia akan meningkat kepada RM100 bilion lebih. Bermakna tahun ini boleh dapat sampai kepada perimbangan belanjawan atau bajet berimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memberi perhatian kepada urusan mengutip cukai tidak berbayar ini. Sehubungan dengan

itu, saya lihat perkara ini berlaku di banyak negara, bahawa hasil dalam negeri masih lagi belum mencukupi daripada usaha-usaha yang dijalankan untuk mengutip cukai secara maksimum di negara kita ini. Kedua, kita berharap bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan tegas kepada *employer* yang gagal untuk membayar cukai. Ketiga, kepada individu yang lambat menghantar borang serta membuat bayaran cukai.

Di samping itu, saya berharap pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menggunakan kaedah-kaedah yang terkini untuk mengenal pasti individu-individu yang tidak *compliance*. Di samping itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada sistem *assessment* cukai yang kita buat sekarang ini, dari segi kedudukan mereka yang tidak menghantar borang, kalau mengikut satu kajian yang dibuat oleh 'Abdulem' pada tahun 2001, dari segi mereka yang tidak menghantar balik borang cukai, dari tahun 1995 hingga 1997, daripada 7.7 juta borang yang dikeluarkan, yang diterima semula hanya sebanyak 5.5 juta. Bermakna, yang tidak menghantar balik ialah sebanyak 2.2 juta, iaitu lebih kurang 29.1%. Ini adalah bilangan orang yang kemungkinan tidak *comply* dengan pembayaran cukai. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada dengan sistem cukai baru yang kita laksanakan ini jumlah mereka yang menghantar balik borang cukai akan lebih ramai daripada tahun sebelumnya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan keputusan mahkamah ke atas Lim Kian Huat. Ini dinyatakan dalam *The Star* pada 7 November 2002. Keadaannya di mana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menuntut pembayaran cukai daripada *Sarah Enterprise*, yang dalam *receivership*. Kemudian keputusan mahkamah mengatakan bahawa mana-mana syarikat dalam *receivership*, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak ada *right* untuk memungut cukai tersebut. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai *right* apabila berlaku *winding* syarikat, kerana mengikut dari segi keutamaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri ada keutamaan di situ.

Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat dalam *receivership*, dia masih lagi dalam proses operasi. Pada fahaman saya, selalunya dalam proses operasi, cukai-cukai sepatutnya dibayar. Jadi, sehubungan dengan itu, apakah pilihan kerajaan dalam soal ini, di mana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah kalah dalam kes tersebut. Apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan perkara ini.

Ketiga, negara-negara di dunia sudah menjadi *globalised*. *Inter-connectivity* pelaburan pun bertambah lagi. Manusia tidak lagi beroperasi di negara masing-masing – dia pergi ke negara lain dan sebagainya. Dan di sini timbul isu tentang *double taxation*. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi *double taxation*. Kita mempunyai *treaty* dengan beberapa negara dan berapa banyak negarakah yang mempunyai *double taxation treaty* dengan kita? Apakah strategi-strategi kita mengenai dengan *double taxation treaty* tersebut? Dari segi negara, bagaimanakah yang kita beri keutamaan untuk kita mempunyai *double taxation treaty*?

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan OHQ, kerajaan meluluskan pengecualian cukai kepada OHQ tertentu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, oleh kerana ini satu strategi penting dilakukan oleh kerajaan ke arah untuk merubah sektor ekonomi negara di samping hendak menjadikan negara kita ini sebuah negara *trading*, mengambil peluang daripada pertumbuhan di China, Vietnam dan beberapa tempat lagi yang kita tidak mampu bersaing dalam sektor tertentu, maka negara kita akan menjadi salah satu strategi sebagai *trading nation*, dan OHQ ini mempunyai peranan penting dan kita mahu menarik OHQ ke negara kita. Setelah kerajaan memperkenalkan pengecualian cukai ke atas OHQ, apakah impak tersebut? Berapa banyakkah OHQ yang berpindah?

Di samping itu, selain daripada pengecualian cukai, apakah strategi-strategi lain yang dilakukan oleh kerajaan dan kementerian, atau agensi manakah yang terlibat dalam menarik OHQ ini ke negara kita?

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasa lima, kerajaan telah memberi kelonggaran dari segi takrifan status pemastautin individu di negara kita untuk tujuan

pengecualian cukai. Saya memang bersetuju dengan tindakan kerajaan tersebut kerana kita tahu dalam dunia sekarang ini, sistem kerja telah berubah, terutama bagi orang-orang yang *high-powered* – dia bekerja di banyak tempat, terutama terlibat dengan syarikat *multi-national*, dia akan berpindah tempat bekerja – di Malaysia beberapa hari, Hong Kong, kemudian ke Jepun dan sebagainya. Dalam dunia IT pula, banyak orang yang menjadi konsultan kepada syarikat, kadang-kadang sebagai *contract worker* dan sebagainya. Macam-macam berlaku dalam dunia hari ini. Jadi, kalau kita tidak membuat pindaan kepada sistem kita, ini akan membantutkan usaha untuk kita mendapat orang-orang yang *high-powered* ini untuk berada di negara kita, dan orang *high-powered* ini yang akan menjana pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi keistimewaan yang melibatkan berapa orang yang terlibat dari segi keistimewaan ini. Selepas itu dalam bidang-bidang manakah yang individu-individu tersebut terlibat? Selain daripada itu, adakah kerajaan juga telah mengenal pasti bidang-bidang tertentu yang kita mahu individu menjadi pemastautin negara kita? Umpamanya, saya tidak begitu jelas tentang dasar kerajaan, contohnya dalam bidang IT tertentu, mungkin kita mahu orang daripada Indiakah, Taiwan dan sebagainya, datang dan memberi kemudahan tersebut.

Jadi adakah selain daripada yang ada sekarang, dalam bidang apakah yang kerajaan fikir perlu ada keistimewaan ini diberikan? Sekarang kita terlibat dalam bermacam-macam bidang – bidang *wafer*, bidang IT, *biotech*. Adakah kerajaan telah mengenal pasti bidang-bidang lain selain daripada itu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa matlamat yang diingini itu dapat tercapai?

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju tentang beberapa pindaan kepada Akta Cukai untuk meningkatkan penglibatan syarikat milik Malaysia atau bank Malaysia, untuk terlibat di dalam *offshore financing center*. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerana hari itu kita tidak cukup masa untuk kita mendapat maklumat mengenai Labuan *Offshore Financing Center* ini. Sejauh manakah penglibatan syarikat-syarikat atau bank-bank daripada Malaysia di Labuan *Offshore Financing Center* dan bagaimanakah kedudukan bank-bank Malaysia? Adakah bank-bank Malaysia mampu untuk bersaing dengan bank-bank lain? Dan saya difahamkan bahawa Labuan *Offshore Financing Center* ini bertujuan untuk menjadi sebuah pusat kewangan pesisir yang *specialised* ataupun *niche marketnya* dalam bidang perbankan Islam.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara tersebut. Saya dapati bahawa daripada dokumen-dokumen yang kita perolehi, ada beberapa percanggahan fikiran di antara negara kita dengan negara Arab dari segi produk-produk *Islamic banking* yang kita lahirkan. Umpamanya, tentang PBA yang kita hasilkan dianggap sebagai halal ataupun syariah *compliance*, tetapi bagi orang Arab, ia tidak syariah *compliance*. Kemudian dari segi kaedah *qardhul hassan*, orang Arab kata ini syariah *compliance*. Di negara kita, ada setengah pihak kata syariah *compliance*, setengah pihak kata tidak syariah *compliance*.

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua, bidang *Islamic banking* ini sebagai suatu bidang yang kita boleh menerajui, terutama setelah masyarakat antarabangsa bersetuju menjadikan Malaysia sebagai pusat kepada penetapan *standard* bagi perbankan Islam, sebagaimana dipersetujui Jawatankuasa *Vessel* untuk *Commercial Banking* yang beribu pejabat di Eropah dan bagi *Islamic banking* beribu pejabat di negara kita. Ini memberi peluang kepada kita untuk menerajui bidang tersebut dan saya yakin bidang *Islamic banking* ini akan menjadi satu bidang yang penting pada masa akan datang, oleh kerana kita tahu bahawa sistem *Islamic banking* ini berbeza dengan sistem *commercial banking*. *Commercial banking*, kalau dia bagi *loan*, dia akan dikenakan *charge*. Katalah, *base lending rate* +4 atau lebih kurang dalam 11% atau 12%. Dan selepas itu, bila syarikat gagal untuk membayar balik, dia akan buat *demand*. Kemudian dia masuk dalam *pass due accounts* dan dikenakan pula *memoir interest* atau *pass due interest* - tambah lagi 2%, 3%, sehingga syarikat bankrap. Bermakna akan bertambah – *accumulated* bayaran yang patut dibuat oleh pihak bank, pada hal orang itu tidak ada kemampuan untuk membayar. Dan sistem ini dari segi jangka panjang akan membebankan ekonomi mana-mana negara.

Manakala sistem alternatif ataupun *Islamic banking*, ia berdasarkan kepada konsep kongsi untung rugi, kerana dia bagi *loan*, berapa peratus keuntungan sudah ditetapkan, dia akan bayar. Bermakna ini lebih dinamik, lebih fleksibel lagi dan ia menguntungkan kedua-dua pihak – pemberi pinjam dan juga orang yang menerima pinjaman. Saya percaya sekiranya kita benar-benar begitu bijak dalam menghasilkan dan membangunkan produk-produk dan kita buat pemasaran yang betul dan sebagainya, *Islamic banking* ini di peringkat dunia akan menjadi satu yang *permanent - main feature* dalam sistem perbankan dunia, dan kita sebagai peneraju, kita akan mendapat manfaat. Saya rasa ini salah satu bidang yang kita mempunyai *it is a global product* yang kita boleh tawarkan kepada dunia.

Saya berbalik kepada isu di mana produk yang kita hasilkan yang bercanggah ini. Saya berharap kepada pihak kerajaan, orang-orang Malaysia kita, baik cendekiawan kita, orang perbankan kita, ulama kita, duduk memikirkan produk-produk, menghasilkan produk, kemudian diadakan pula perbincangan dengan orang-orang Arab, kerana duit banyak di sana, bukan di negara kita – bincang dengan orang Arab. Mana-mana yang dia tidak jelas tentang BBA ini dan sebagainya, tidak faham supaya difahamkan kepada mereka. Kalau konsep ini akhirnya tidak dipersetujui oleh masyarakat antarabangsa, kita patut *withdraw* sistem yang masyarakat antarabangsa tidak bersetuju ataupun yang masyarakat umat Islam di dunia tidak bersetuju ia sebagai *Islamic syariah compliance product*, kita *withdraw* supaya kita terus menjadi peneraju dalam bidang tersebut.

Saya berharap bahawa kita mengambil peluang serius dalam soal ini, orang-orang kita, *economist* kita dan sebagainya. Kita pergi global, pergi ke negara Arab, pergi ke Eropah, kita berbincang dengan semua pihak mengenai dengan produk-produk yang hendak dilahirkan. Di samping itu Islamic Bank kita pun canggih kalau orang guna elektronik, kita pun gunalah alat-alat elektronik. Sekarang saya lihat kita ada dua Islamic bank, satu Bank Islam dan satu Bank Muammalat. Manakala bank-bank komersial ada 7,8,10 sekarang ini. Apabila bank-bank komersial memperkenalkan *instrument* Islam, dia lebih canggih lagi daripada Bank Islam dengan Bank Muammalat. Bukan kerana apa, kerana saya percaya individu yang berada di bank-bank berkenaan adalah individu-individu yang keparannya lebih tinggi daripada individu yang berada di Bank Islam kerana kita tahu kerana dunia yang penuh inovatif ini yang penting adalah kemahiran individu dan juga penggunaan teknologi yang tinggi. Jadi saya berharap pihak Bank Islam dan Bank Muammalat melihat bukan sahaja dari segi wang ringgit semata-mata tetapi membuat perbandingan di antara tenaga kerja profesional yang mereka ada dengan tenaga kerja profesional ada di bank-bank lain. Kita tengok apabila Islamic Banking nanti dimasuk oleh Citibank, Chase Manhattan Bank, Bank of America, Chartered Bank, Hong Kong Bank, ini cukup *advanced*. Mereka boleh menghasilkan produk yang lebih cepat dan lebih *advanced* daripada kita di Bank Islam dan Bank Muammalat. Jadi saya amat berharap oleh kerana bidang ini satu bidang yang masih lagi dalam pegangan kita, kita boleh menonjol di peringkat dunia sebagai satu global produk dan kita jangan lepaskan. Katalah dalam bidang sukan, Tuan Yang di-Pertua, sepak takraw hasilnya dari sini. Akhirnya dengan Vietnam pun kita kalah. Jadi kita tidak mahu Islamic Banking yang kita wujudkan dunia telah memberi kepada kita satu kuasa sebagai pusat untuk menetapkan *standard Islamic Banking* kemudian Citibank, Hong Kong Bank, Bank of America semua campur tangan, cerita kita macam sepak takraw juga - dengan Vietnam kalah. Jadi ini saya tidak mahu berlaku, ini satu produk yang kita boleh menguasai, kalau kita cakap hendak menguasai dunia inilah produk dia. Dengan *foreign exchange* dan sebagainya macam-macam sistem yang boleh kita wujudkan melalui Islamic banking,

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Timbalan Menteri menjawablah.

11.35 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya merakamkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari kawasan Kepong dan juga Yang Berhormat dari kawasan Tambun yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-

undang kewangan nombor dua tahun 2002 yang saya telah bentangkan pada hari Khamis yang lalu.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah mengeluarkan beberapa pandangan yang boleh dianggap membina dan kita akan mengambil perhatian supaya dapat kita mempertingkatkan lagi khususnya sistem percukaian yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Kepong pada hari Khamis telah mengesyorkan supaya semasa pegawai-pegawai LHDN menjalankan tugas mereka, harus mereka bersikap lebih mesra dan saya hendak memberitahu Yang Berhormat Kepong bahawa pegawai dari pihak LHDN semasa menjalankan tugas cukup bermesra sekarang dan kita telah dapat *feedback* yang cukup baik mengenai sikap atau perangai pegawai-pegawai pihak LHDN. Oleh kerana ini *tax compliance* telah meningkat dengan begitu menggalakkan. Sehingga tahun lepas kita telah mendapat mengutip cukai yang begitu menggalakkan.

Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya mengapa dan bila pembayar cukai telah mengadakan *excess payment* kepada LHDN dan mengapa pula LHDN tidak membayar *interest* kepada *excess payment* ini? Untuk makluman Yang Berhormat dalam akta cukai pendapatan ini tidak terdapat apa-apa fasal di mana dia membolehkan pihak LHDN untuk membayar faedah kepada segala *excess payment* yang diterima oleh pihak LHDN ini.

Dan Yang Berhormat juga telah bertanya setakat ini sama ada boleh menganggap sistem LHDN ini berjaya selepas perlaksanaannya untuk pembayar cukai syarikat. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa kita amat puas hati dengan pencapaian yang kita telah capai selepas kita melaksanakan sistem STS ini bagi syarikat dan ini adalah merupakan satu faktor yang menerangkan mengapa kita telah berjaya untuk mengutip kutipan pihak LHDN telah meningkat dengan begitu membanggakan.

Yang Berhormat dari Tambun bertanya dengan jumlah negara yang telah menandatangani perjanjian pengelakkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Chan Kong Choy: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya sungguh tertarik dengan ulasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara yang dibangkitkan oleh Kepong. Kita sungguh bangga bahawa pegawai-pegawai yang bertugas seperti yang Timbalan Menteri sebutkan tadi sentiasa menjaga nama baik kerajaan. Sikap yang mesra dengan pelanggan mereka yang membayar cukai. Saya hendak bertanya juga untuk masa yang akan datang adakah kerajaan cuba hendak meningkatkan khidmat kepada pelanggan yang membayar, sama ada menggunakan *internet*, menggunakan IT tidak payah lagi mereka ini muka sendiri memadai dengan dengan mengadakan *website* yang *interactive*? Benda-benda yang IT ini supaya lebih lagi. Dan apa hasrat kerajaan supaya terus tingkatkan khidmat kepada pelanggan, *continue to improve your service to the customers*? Dengan izin. Adakah kerajaan melihat bagaimana hendak meningkatkan lagi usaha-usaha yang baik, nama-nama baik di jabatan yang disebutkan tadi oleh Timbalan Menteri? Minta sedikit penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Pihak LHDN adalah merupakan satu jabatan kerajaan yang telah berjaya untuk menggunakan IT secara meluas dan banyak perkara dan banyak urusan antara pembayar cukai dengan pihak LHDN walaupun telah diuruskan melalui *website* dan *internet* tetapi untuk aktiviti-aktiviti seperti *straight survey* dan juga aktiviti audit di mana selepas kita melaksanakan sistem SDS ramai pegawai dari LHDN akan diberi tugas untuk mengaudit akaun pembayar cukai khususnya di peringkat syarikat di mana tidak dapat dielakkan di mana kita mesti menghantar pegawai untuk mengadakan lawatan kepada pembayar cukai maka di sinilah kita akan meneruskan dengan perkhidmatan kita yang cukup mesra. Di mana urusan boleh dikendalikan melalui *internet* kita akan teruskan.

Yang Berhormat dari Tambun bertanya tentang jumlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri lagi Yang Berhormat, bagi jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peranan kutipan cukai ini penting, kalau kita lihat dalam perbelanjaan kita tahun ini banyak kita boleh bagi atau memberikan kemudahan-kemudahan baru dan peruntukan baru, peruntukan-peruntukan baru kepada rakyat. Ini ialah kerana kita mampu untuk meningkatkan kutipan cukai kita dari segi peningkatan cukai kita sungguh baik sekali kalau kita lihat dengan negara-negara lain. Malaysia boleh banggalah dengan hasil kutipan kalau kita bandingkan negara-negara lain. Kadang-kadang hanya masalah ekonomi negara lain kadang kutipan hasil itu tidak dapat. Orang banyak tidak membayar cukai, mengelak daripada cukai, bermakna kita semua banggalah kerana pegawai-pegawai kita di jabatan hasil dalam negeri ini.

Jadi saya hendak bertanya oleh kerana mereka ini sudah tunjukkan prestasi yang baik, peningkatan hasil yang tinggi supaya rakyat dapat matlamat daripadanya dengan belanjawan baru-baru ini, belanjawan yang sungguh mesra kepada rakyat kerana kutipan ini kalau tidak ada kutipan kalau mereka ini tidak melaksanakan tugas dengan baik, tidak ada *revenue* kepada kerajaan, hendak belanja apa? Sebab itu saya merasakan jangan kita ambil semualah. Pulang balik kepada mereka sedikit, bagi mereka dan tingkatkan latihan mereka, mana yang hendak buat Masters kita hantar, hendak buat Ph.D kita hantar, ada lawatan-lawatan kita hantar tingkatkan kemahiran kita. Adakah kementerian puas hati? Atau kita merasakan elok kita tambah bagi lagi, kemudahan-kemudahan latihan mereka atau *exposure*, letakkan mereka di negara-negara lain berkhidmat di jabatan Hasil Dalam Negeri di negara-negara lain, di barat supaya kita tengok bagaimana menggunakan kemudahan-kemudahan IT yang baru dan tingkatkan keupayaan mereka? Saya minta sedikit pandangan Timbalan Menteri kalau saya usulkanlah, *don't take all* dengan izin, *feedback to them* juga yang menjayakan dan mengukuhkan sistem kewangan negara, kukuhkan sistem pendapatan negara kita, minta pandangan Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih di atas beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat antara beberapa cadangan telah pun diusahakan dan akan diteruskan oleh pihak LHDN dan juga pihak kerajaan supaya dapat kita mempertingkatkan lagi *efficiency* pegawai kita dan seterusnya meningkatkan lagi kutipan cukai ini.

Saya hendak juga minta maaf dari Ahli Yang Berhormat kerana pagi ini saya ada masalah pendengaran. Saya tidak tahu macam mana tidak dengar dengan jelas dari Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak membangkitkan apa-apa boleh meningkatkan suara sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuat sikit, ya.

Dato' Chan Kong Choy: Kuat sikit, ya. Saya susah hendak dengar. Tidak tahu macam mana pagi ini ada masalah pendengaran. Minta maaf, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Jadi Yang Berhormat, kalau hendak bertanya soalan, kuat sikit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak berapa faham, saya bukan daripada MCA, saya UMNO. Bukan ada...

Dato' Chan Kong Choy: Ini masalah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...kadang-kadang takut dalam MCA dia ada satu kumpulan dia tidak dengar, satu kumpulan sahaja dia dengar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, tidak, tidak! Mungkin kutu babikah masuk, Yang Berhormat?

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa? Bentong? Bentong. Hendak beri jalan, Yang Berhormat? Saya pun kena kuat juga, Yang Berhormat. Bentong.

Dato' Chan Kong Choy: Ya, ya, ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Memang kita mengucapkan tahniah kepada kakitangan LHDN kerana memang berkesan dalam mengutip hasil *income tax* ini. Dari segi jawapan daripada Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa dari segi faedah yang lebih dikutip, lebih daripada kutipan itu memang tidak dapat diberi faedah kerana tidak ada peraturan. Bagaimana pula dengan peraturan-peraturan yang sedia ada? Sama ada boleh cadangan diadakan untuk mengehadikan masa untuk memulangkan kutipan-kutipan yang lebih.

Saya ada terima aduan daripada kakitangan dan juga penduduk-penduduk di mana ada orang yang sudah pencen memang tidak ada lagi kutipan *income tax* tetapi selepas tiga tahun pencen kutipan yang LHDN sudah kutip lebih pun tidak bayar balik lagi.

Kemudian tidak ada faedah, satu hal. Masa itu berlanjutan. Dan apakah tindakan kerajaan sekarang untuk mempercepatkan bayaran balik kutipan-kutipan yang lebih itu? Saya rasa ini adalah penting untuk imej kerajaan kerana ramai yang kata kita kutip cepat tetapi hendak bayar balik itu cukup lambat. Bolehkah kerajaan mengambil tindakan segera?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Kadang-kadang saya sendiri dapat rayuan daripada pihak-pihak dan juga orang perseorangan tertentu mengenai pulangan *excess payment* ini adalah lambat. Tetapi bila saya *check* dengan LHDN banyak kes pulangan balik permohonan untuk memulangkan *excess payment* ini boleh dikatakan boleh diselesaikan dalam masa yang ditetapkan iaitu biasanya antara tiga minggu hingga enam minggu. Kes-kes yang didapati di mana pulangan ini lambat biasanya adalah kerana butiran-butiran secara terperinci yang diperlukan oleh pihak LHDN, atau butiran yang lengkap tidak dapat dikemukakan kepada pihak LHDN. Ini adalah merupakan sebab yang utama yang menyebabkan lambat pulangan *excess payment* ini dapat dilaksanakan. Tetapi kalau sekiranya semua butiran yang lengkap dapat dikemukakan kepada LHDN, biasanya tiada masalah langsung. Memang tidak ada masalah. Maka beberapa kes yang saya sendiri menguruskan bila saya menyampaikan mesej ini kepada si pemohon dan selepas ini dapat dilaksanakan, memang *payment* ataupun pulangan ini dapat dilakukan dalam masa yang singkat sekali.

Yang Berhormat bagi Tambun bertanya tentang jumlah negara yang telah menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda atau *double taxation* dengan Malaysia. Jumlah negara tersebut sehingga kini adalah 50 buah negara. Tumpuan diberi kepada negara-negara di mana terdapat pelaburan yang akan memberi faedah kepada kedua-dua negara dan kita akan terus berunding dengan negara-negara yang lain di mana kita berpendapat bahawa dengan menandatangani *agreement* yang tersebut dia akan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak.

Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya tentang beberapa banyak anggaran cukai tidak dibayar dalam satu tahun bagi pembayar cukai yang tidak isytihar pendapatan atau gagal isytihar pendapatan. Buat masa ini pihak LHDN sedang berusaha untuk mengurangkan pengelakan cukai dengan menambahkan kes-kes audit cukai dan penyiasatan. Saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini dengan langkah-langkah seperti *street survey* dan juga langkah-langkah yang berkaitan dengan meningkatkan kesedaran pembayaran cukai antara pembayar cukai, pengelakan cukai boleh dikatakan kian kurang dalam negara ini. Ini adalah merupakan satu perkembangan yang sungguh menggalakkan.

Yang Berhormat juga bertanya dengan

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menyatakan bahawa[Terbatuk-batuk]. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ...orang yang tidak membayar cukai ini kurang.

Dato' Chan Kong Choy: Minta maaf. Boleh Yang Berhormat kuat sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, orang yang tidak bayar cukai sudah kurang, itu maksudnya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Orang yang tidak membayar cukai kalau ikut *statement* Yang Berhormat kata, kurang. Ya? Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, ini berasaskan kepada apa? Saya ambil satu kajian yang dibuat pada tahun 2001 tadi, menggunakan, dengan izin, *income tax gap approach*. Dia menilai pendapatan yang patut dicukai berdasarkan kepada laporan daripada kerajaan, *national incomenya* punya laporan. Dan yang diisytiharkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, berapa cukai mereka perolehi? Berdasarkan kepada itu jumlah yang potensi yang patut dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri cukup banyak. Saya tidak berani hendak sebut sama ada betul atau tidak tetapi cukup banyak. Ini konsisten juga dengan negara-negara maju kerana di negara-negara maju sampai US\$14 bilion dan sebagainya, yang kita di sini pun lebih banyak daripada US\$24 bilion yang saya kata tadi. Saya tidak berani hendak cakap pasal terlampau banyak. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat kata yang tidak bayar cukai itu sikit. Apakah asas kepada *statement* tersebut?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengatakan begitu adalah berasaskan kepada peningkatan kutipan cukai yang kita dapat kutip khususnya dibanding tahun 2000 dengan 2001 di mana peningkatan boleh dikatakan begitu menggalakkan. Misalannya kata pada tahun 2000 kita dapat mengutip lebih kurang RM29 bilion. Saya bercakap berkenaan dengan cukai pendapatan di mana pada 2001 angka ini telah meningkat sehingga RM43 bilion, satu peningkatan yang cukup menggalakkan. Tahun ini angka ini akan terus meningkat. Kalau kita yakin, kita pasti boleh mengutip sehingga satu jumlah yang berjumlah RM45 bilion tahun ini. Saya mengatakan *statement* ini berasaskan peningkatan kutipan yang begitu menggalakkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan tadi, di negara-negara maju pihak kerajaan ada membuat kajian berapakah sepatutnya cukai yang boleh diperolehi dan berapa cukai yang diperolehi akhirnya. Di situ dia dapat lihat *gap* potensi cukai yang tidak diperolehi.

Tadi saya menyatakan berdasarkan kajian yang telah dibuat kalau kita gunakan aplikasi negara-negara maju dengan kita, jumlah yang tidak dikutip atau *the hidden one, the hidden economy*, itu begitu banyak. Kalau saya gunakan tadi pendekatan yang dibuat oleh seorang *lecturer* pada tahun 2001 ini, jumlahnya cukup banyak. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri: Adakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri ada membuat kajian tersebut? Kalau dilihat daripada statistik, cukup banyak. Jadi, adakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri atau kerajaan sendiri ada membuat kajian tersebut supaya kita dapat tahu pada tiap-tiap tahun berapa jumlah yang kita kutip?

Saya bersetuju dengan cakap Yang Berhormat tadi mengenai peningkatan tinggi, tetapi peningkatan itu tidak bermakna bahawa ada orang yang tidak bayar cukai, dan

jumlahnya kemungkinan besar kalau satu kajian dibuat kerana kajian dibuat oleh pensyarah ini mendapati begitu banyak yang tidak dikutip. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai fakta mengenai pertanyaan Yang Berhormat dan saya akan rujuk kepada pihak LHDN supaya saya dapat memberikan satu jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat selepas ini.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang kedudukan cukai persekutuan (*federal tax*) dalam kes di mana sesebuah syarikat dalam proses penerimaan ataupun *receivership*. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Syarikat, sekiranya sesebuah syarikat digolongkan, cukai adalah diberi keutamaan kepada tempat keenam; tetapi bagi syarikat yang dalam proses penerimaan, tiada peruntukan yang khusus dalam perkara ini.

Yang Berhormat juga bertanya sejauh mana penglibatan bank Malaysia di Labuan IOFC dan mampukah bank-bank tersebut ini bersaing. Penglibatan bank Malaysia di Labuan tidak secara besar-besaran dan tumpuan adalah bagi menarik bank daripada negara asing ataupun negara lain. Setakat ini bank Malaysia memang dapat bersaing dengan bank-bank berasal dari negara asing.

Yang Berhormat juga bertanya berkenaan dengan anggaran cukai tidak berbayar atau *tax arrears*. Untuk makluman Yang Berhormat, cukai pendapatan yang tidak berbayar bagi tahun 2001 adalah RM9 bilion, yakni cukai pendapatan. Bagi duti kastam sehingga akhir bulan Ogos tahun ini adalah sebanyak RM250 juta. Ini untuk makluman Yang Berhormat. Maka inilah yang saya dapat berikan penjelasan dan kepada pandangan-pandangan yang lain di mana saya tidak sempat jawab di sini kita akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 – Pindaan:

Dato' Chan Kong Choy: Saya mencadangkan bahawa Fasal 5 dalam teks bahasa kebangsaan rang undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan "*that period*" dengan perkataan "*or that period*". Pindaan ini bertujuan untuk membetulkan kesalahan taipan dalam teks bahasa kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya pindaan sebagaimana yang telah diedarkan dalam Kertas Pindaan terbuka untuk dibahas.

[*Tiada perbincangan*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 5 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang undang-undang.

Fasal 6 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 19 – Pindaan:

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 19 perenggan (a) Rang Undang-undang dipinda dengan memotong *perkataan “the lower of the two rates specified in that paragraph”* dan digantikan dengan perkataan *“the higher of the two rates specified in that paragraph”*.

Pindaan ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada pemegang saham syarikat bagi modal berbayar RM2,500 juta dan ke bawah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang telah diedarkan dalam Kertas Pindaan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 19 seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 20 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23 – Pindaan

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal-fasal 23 perenggan (a), subperenggan (ii) Rang Undang-undang dipinda dengan memotong perkataan *“less than two million five hundred thousand ringgit”* dan digantikan dengan perkataan *“two million five hundred thousand ringgit and less”*.

Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pengurangan cukai korporat yang diberikan dalam pindaan yang dimaksudkan dalam Fasal 23 Rang Undang-undang terpakai juga bagi syarikat yang mempunyai modal berbayar RM2,500,00.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang telah diedarkan dalam Kertas Pindaan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 23 seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 24 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Huraian - Pindaan

Dato' Chan Kong Choy: Saya mencadangkan bahawa perenggan 13 dan perenggan 15 dalam Huraian di bawah tajuk pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 digantikan perkataan *“less than two million five hundred thousand ringgit”* dengan perkataan *“two million five hundred thousand ringgit and less”*.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya pindaan sebagaimana yang telah diedarkan dalam Kertas Pindaan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Huraian seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2002 dibaca kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Chan Kong Choy: Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Akta Kastam 1967, Akta 235 bagi melaksanakan dan menguatkuasakan cadangan yang telah diumumkan dalam Bajet 2003 iaitu keperluan untuk menjalani latihan dan lulus peperiksaan yang ditetapkan sebagai prasyarat untuk dilantik sebagai ejen Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam Rang Undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 3 fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyentuh mengenai permulaan tarikh kuat kuasa pindaan Akta iaitu mulai 1 Januari 2003.

Fasal 2 adalah berkaitan dengan pindaan terhadap Seksyen 90 bagi menetapkan keperluan menghadiri kursus serta lulus peperiksaan sebelum seseorang itu boleh dilantik sebagai ejen untuk berurusan dengan Jabatan Kastam.

Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi membolehkan Ketua Pengarah mengecualikan keperluan tersebut jika sekiranya seseorang itu didapati mempunyai pengetahuan yang mencukupi berhubung dengan Kastam.

Dan Fasal 3 adalah pindaan kepada Seksyen 91. Seksyen tersebut menganggap seseorang yang menguruskan urusan import atau eksport barangan melalui jalan raya sebagai agen Kastam. Fasal 3 ini mengecualikan ejen ini daripada keperluan untuk menghadiri kursus dan lulus peperiksaan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

12.08 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk terlibat dalam perbahasan ringkas mengenai Akta untuk meminda Akta Kastam 1997 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan untuk mewajibkan ejen-ejen cukai untuk mengikuti kursus yang ditentukan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan cukai dan syarat-syaratnya adalah suatu cadangan untuk diluluskan ini yang secara umumnya boleh dianggap sebagai baik.

Tetapi sebagaimana kita maklum dunia sekarang ini sudah banyak berubah, akhir-akhir ini pergolakan-pergolakan banyak melibatkan kita dan akhir-akhir ini juga negara kita nampaknya mengambil iktibar daripada pergolakan-pergolakan itu sehinggakan akhir-akhir ini ada suatu semangat baru untuk menekankan kepada semangat dan pengetahuan mengenai patriotisme pula, iaitu dianggarkan bahawa tidak cukup sekadar dasar-dasar yang sudah dilaksanakan, propaganda-propaganda dan sebagainya yang sudah dijalankan, program-program melalui Biro Tatanegara dan yang lain-lainnya yang telah dilakukan, difikirkan sekarang bahawa perlu masyarakat kita daripada kecil lagi diasuh dalam bidang-bidang bukan sahaja pengetahuan tetapi amalan mengenai cintakan kepada negara iaitu patriotisme.

Jadi, nampaknya pengetahuan mengenai kastam dan hal-hal cukai sahaja kalau dalam konteks yang terakhir ini sudah tidak memadai lagi. Jadi, saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya mengambil kira pergolakan-pergolakan terakhir ini dan jangan sekadar hanya menumpukan kepada bakal ejen-ejen cukai itu hanya untuk tahu bidang-bidang yang khusus mengenai percukaian sahaja tetapi hendaklah juga menambah tekanan dalam peperiksaan ini kepada bidang-bidang yang lainnya khususnya memahami dasar-dasar negara yang terakhir dan semangat cintakan negara kita yang kita sayangi ini.

Kita tidak mahu orang-orang yang tidak faham tentang dasar-dasar negara kita ini. Malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri nampaknya tidak begitu faham tentang dasar-dasar negara kita yang terakhir ini. Sebagai contohnya, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri mengeluarkan kenyataan di Terengganu bahawa Kelantan dan Terengganu mempunyai FDI yang paling rendah dalam negara kita.

Tetapi kalau kita ikuti ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, sudah disebutkan bahawa FDI bukan lagi menjadi tumpuan kepada dasar ekonomi negara. Yang menjadi Dasar Ekonomi Negara sekarang ini ialah pelaburan dalam negara. Jadi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengatakan tentang FDI di sana sini kurang dan lemah maka itu adalah sebenarnya mengikut apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri sebagai dasar baru negara kita, tidak lagi menumpukan kepada FDI atau pelaburan daripada luar negara kita.

Jadi, ini saya fikir perlu ditekankan kepada bakal-bakal, ejen-ejen cukai negara kita supaya mereka mengetahui pergolakan terakhir dan ada unsur-unsur patriotisme dalam mereka dan bukan sekadar hanya mengetahui secara khusus mengenai hal-hal berkaitan dengan Jabatan Kastam ataupun isu-isu cukai sahaja.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun dan selepas Tambun, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat bagi Kepong hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Kepong boleh berucap.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ha, Yang Berhormat bagi Kepong, lepas itu ada lagi tu.

12.12 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh mengenai dengan akta ini dan beberapa

persoalan yang ingin saya bangkitkan mengenai dengan Kastam, saya ingin terlebih dahulu memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kemudahan yang diperolehi oleh pihak Kastam.

Di Lumut ada bot kastam dan beberapa minggu lalu, saya naik bot tersebut pergi ke Pangkor, balik jam 12 malam lebih, sekerat jalan, ia rosak dan saya tengok bot itu pun bukanlah canggih sangat. Jadi, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana Kastam ini mempunyai tanggungjawab besar jadi bot macam itu tidak sepatutnya – setengah jam saya di tengah laut itu kerana bot rosak dan bot begitu lama.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, konsep ejen, siapakah maksud ejen, adakah *forwarding agency* ataupun ada orang menjadi ejen kepada – kerana ini tidak jelas di dalam akta ini, tidak dijelaskan, siapakah yang dimaksudkan ejen, *forwarding agency*kah yang menjadi agen kepada pengimport, pengeksport berurusan dengan Kastam ataupun Kastam sendiri akan wujud ejen pula. Yang ini tidak jelas di dalam akta tersebut.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Kastam telah memperkenalkan e-eksais bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat yang mengeluarkan kenderaan bermotor ini untuk berurusan dengan pihak Kastam agar proses yang melibatkan urusan Kastam ini cepat dilaksanakan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan e-eksais yang diperkenalkan ini, sejauh mana e-eksais ini telah dapat mencapai matlamat dan, adakah e-eksais ini semata-mata untuk kenderaan bermotor. Sekiranya ini dilaksanakan dengan pihak yang pengilang mengeluarkan kenderaan bermotor ini didapati efisien, adakah sistem ini akan diperluaskan kepada pihak lain, sistem ini menggunakan internet sebagai pembayaran, ada proses-proses yang dilakukan melalui *on-line*, yang memudahkan pihak pengilang.

Kita tahu dalam dunia ekonomi, kecekapan adalah faktor penting ataupun faktor kritikal di dalam mana-mana negara ke arah untuk mencapai daya saing. Dan, sekiranya pengilang dapat selesai cepat dengan Kastam maka barang yang hendak dihantar ke luar negara, ke destinasi-destinasi tertentu di luar negara ini akan sampai mengikut masa yang telah ditetapkan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, pihak kastam ada memberi amaran kepada pengusaha kilang. Ini mengenai dengan kilang yang gagal untuk mempamerkan lesen cukai perkhidmatan dan cukai jualan mereka. Pihak kastam telah memberi tempoh sehingga 30 Ogos yang lalu untuk melaksanakan perkara ini dan ada pembawa lesen dan sebagainya. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri bagaimana kedudukan sekarang ini?

Adakah pihak pengusaha kilang telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak kastam dan kita sebagai Ahli Parlimen amat prihatin kepada perkara ini kerana kita mahu dalam dunia hari ini semua pengusaha, bukan sahaja pengusaha, semua orang; orang politik, pegawai kerajaan, swasta dan semuanya mesti mengikut dan patuh kepada peraturan-peraturan kerana kita pegang kepada prinsip individu-individu mesti mempunyai disiplin yang tinggi dan disiplin itulah merupakan asas kepada kekuatan negara kita.

Ketiga, mengenai dengan Skim Sistem Pelepasan Terpilih (SSPT) yang telah diperkenalkan oleh pihak kastam. Saya difahamkan digunakan untuk kawasan-kawasan tertentu oleh pihak kastam termasuk pengilang-pengilang di gudang berlesen zon perindustrian bebas dan sebagainya dan telah dilaksanakan mengikut kawasan-kawasan, macam mana kedudukan dengan skim ini sekarang? Adakah telah digunakan sepenuhnya dan kesan daripada itu?

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai dengan beberapa perintah yang telah diluluskan pada tahun ini. Pertama melibatkan perintah yang diluluskan bertujuan untuk memenuhi komitmen negara di bawah *International Convention On The Harmonize Commodity* dengan izin, yang

telah memberi deskripsi dan juga sistem *coding* di atas perkara tersebut. Macam mana kedudukannya Tuan Yang di-Pertua?

Kemudian, perintah duti kastam untuk memenuhi komitmen Malaysia kepada WTO di bawah Perjanjian Teknologi Maklumat supaya menghapuskan duti import ke atas produk teknologi maklumat. Sehubungan dengan itu saya hendak panjangkan sedikit isu tersebut. Mengenai dengan teknologi maklumat ini, dengan adanya penghapusan duti import ini biasanya dalam industri lain kita mengadakan sistem kita melindungi industri tempatan tetapi dalam konteks ini oleh kerana atas keperluan WTO dan kelulusan WTO maka industri ini jadi satu industri yang terbuka maka kerajaan terpaksa patuh dan mengadakan perintah untuk mengecualikan daripada duti import.

Jadi sehubungan dengan itu, oleh kerana kita mempunyai *embassy* kita, kita hendak terlibat dalam persaingan dunia ini, macam manakah kesannya daripada kes duti import ini ke atas industri MSC di negara kita ini? Adakah daya saing kita berganding dengan apa yang diadakan oleh dunia antarabangsa itu dapat kita capai? Kita tahu bahawa dalam banyak kes yang kita baca bahawa satu-satu syarikat luar negara, syarikat Amerika dan sebagainya secara berkelompok dan berbelanja trilion US Dollars untuk mencipta produk-produk IT ini manakala di negara kita dari segi MSC, kita belanja pun tidak banyak berapa bilion sahaja. Dengan perbelanjaan itu pun kita semua sudah bising kata kerajaan menghabiskan wang dan sebagainya. Dengan jumlah perbelanjaan kita yang sedikit itu beberapa bilion berbanding dengan trilion US Dollars yang dibelanjakan oleh orang lain dengan tidak adanya duti import, bagaimanakah kedudukan industri kita?

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perintah duti kastam tentang untuk melaksanakan Skim *ASEAN Integrated System Preferences* ini yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara negara ASEAN asal dengan negara-negara yang memasuki ASEAN kemudian seperti Vietnam, Cambodia, Laos dan Myanmar. Kita tahu bahawa ASEAN dalam proses untuk melaksanakan *ASEAN Free Trade Area*, ada CEPT yang telah dipersetujui bagi negara-negara ASEAN yang asal diberi sehingga tahun 2003 dan pada tahun 2010 akan dilaksanakan pengecualian cukai sepenuhnya atau 0% hingga 5% manakala bagi negara-negara yang baru masuk di Kampuchea, Laos, Myanmar dan Vietnam ini mereka dibenarkan untuk menanggungkan memasuki CEPT tersebut untuk peringkat demi peringkat.

Mengenai dengan perkara ini, ada kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita dari segi automobil. Walaupun kita ada CEPT yang akan dilaksanakan bagi negara kita tahun 2005 ke atas automobil tetapi kerajaan akan membenarkan cukai-cukai tertentu dan adakah ini selaras dengan semangat *ASEAN Free Trade Area* dan persetujuan CEPT yang telah dibuat beberapa lama dahulu. Saya tidak ingat tahun berapa tetapi lebih kurang sepuluh tahun lalu, negara ASEAN telah bersetuju untuk mengadakan *ASEAN Free Trade Area* serta mengadakan CEPT untuk produk-produk tertentu dan sekarang ini apabila pelaksanaan hendak dibuat, kita akan mengenakan cukai, adakah ini selaras dengan keputusan yang dibuat oleh ASEAN. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong. Selepas Kepong Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ini ada lagi [*Sambil menunjukkan ke arah Yang Berhormat bagi Kuala Pilah*]

12.22 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil sedikit masa sahaja untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini yang semata-mata untuk menetapkan keperluan menghadiri kursus mengenai perkara yang berhubungan dengan ejen kastam dan lulus peperiksaan sebelum seseorang itu dapat diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak bertanya Yang Berhormat apakah kelayakan atau kelulusan sekarang bagi seseorang ejen? Adakah kelulusan ijazah universiti atau di dalam bidang *accountancy* ataupun kelayakan yang lain sebelum boleh diterima untuk dilatih sebagai ejen. Di dalam rang undang-undang ini juga kita dapati

bahawa ada pengecualian, *Director General may waive the requirement. if he is satisfy that the person has sufficient knowledge of matters relating to custom* dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

Di sini saya memang setuju kalau kita hendak melatih semua ejen supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan betul dan meningkatkan kutipan cukai oleh pihak Kastam. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu misalnya pada tahun lepas pihak Kastam sudah mengutip RM18 bilion dan tahun ini dijangka akan mengutip RM23 bilion. Ini merupakan badan yang kedua terbesar yang dapat mengutip selain daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan kalau kita hendak nampak peningkatan kepada RM25 bilion, ada satu sasaran yang ditetapkan dan dianggarkan akan mencapai RM23 bilion sahaja dan saya berharap ini dapat ditingkatkan lagi dan ini pun bukan sahaja kita hendak ejen-ejen yang cekap, yang baik, yang mengikut peraturan dan prosedur yang tertentu bahkan juga sebaliknya kita hendak menyaksikan prosedur-prosedur Kastam itu dikemaskinikan, dipertingkatkan dan juga diseragamkan sijil ini.

Misalnya saya nampak ada satu konsep baru, konsep persijilan tiga dalam satu bagi memudahkan pengimport dan pengeksport dan saya pun belum tahu sama ada konsep atau prosedur tiga dalam satu ini sudah dilaksanakan di semua peringkat dan kononnya ia memerlukan pengimport dan pengeksport untuk mengisi tiga borang, tiga prosedur lama. Sebelum ini mereka perlu mengisi borang Kastam 1 untuk urusan import, borang Kastam 2 untuk eksport dan borang Kastam 8 untuk urusan pindah barang tetapi selepas tahun ini saya berharap ini boleh diseragamkan lagi, dicepatkan lagi dan inilah yang diharapkan oleh pihak kami supaya bukan sahaja kita ada ejen Kastam yang baik bahkan juga pegawai-pegawai Kastam yang cekap dan prosedur yang kemas.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kalau kita boleh memantaskan peranan Kastam dan meningkatkan beberapa peratus mungkin 60% atau 40% berbanding dengan sekarang terutamanya di dalam mengisi borang, maka kita boleh menjadikan Kastam kita lebih cekap dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun hendak bangkitkan satu perkara iaitu mengenai etika pegawai-pegawai Kastam dan disyaki bahawa ada sesetengah itu ada menyeleweng juga. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa ada segelintirnya yang sengaja meminda pengelasan cukai. Ini memang merupakan satu perbuatan yang tidak baik dan akan menjejaskan kutipan cukai kita dan saya tidak tahu kawalan oleh pihak Kastam untuk mengelakkan daripada berlakunya pindaan pengelasan cukai ini dengan sengaja dapat dikurangkan atau dapat dihapuskan sama sekali.

Nampaknya Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Halim Mutalib sudah mengatakan bahawa kalau disabit dengan perbuatan ini, kakitangannya akan dibuang kerja tetapi walau bagaimanapun saya berharap pihak Kastam dapat menyiasat dengan sedalam-dalamnya untuk mengetahui setakat mana dan bilangan kakitangan yang terlibat dengan perbuatan tersebut supaya kita sama-sama boleh menyaksikan Kastam kita benar-benar setia dan mesra.

Itu yang disebutkan oleh pihak Ketua Pengarahnya, dia hendak pegawai Kastamnya setia dan mesra dan kalau semua berjalan dengan baik tanpa kecurangan dan sebagainya, memang satu langkah yang baik ke arah Kastam yang setia dan mesra.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Pilah ingin berucap. Tidak panjangkah?

Datuk Napsiah binti Omar: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila.

12.30 tgh.

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya bangun untuk menyokong pindaan ini. Tentulah satu pindaan yang baik dibuat oleh kerajaan dan tentulah sudah difikirkan dengan sebaik-baiknya. Walau

bagaimanapun, bersama dengan rakan saya tadi, ada beberapa soalan juga yang saya ingin mengemukakan kepada Timbalan Menteri.

Pertamanya, disebut di sini dengan izin, *any person who intends to be an agent*. Jadi, seperti mana sahabat kita ada sebut tadi, saya juga hendak bertanya, '*any person*' itu, adakah seseorang yang baru lepas sekolah boleh mengikuti kursus ini ataupun menjadi seorang ejen. Maklumlah hari ini ramai yang menganggur dan mungkin kalau ini sesiapa sahaja, bolehkah kita mencadangkan supaya anak-anak yang keluar dari sekolah untuk menjadi ejen kalau dia telah mengikuti kursus yang akan diwujudkan ini.

Saya juga ingin menyatakan sama ada kursus-kursus ini akan dikendalikan oleh Director General sendiri atau bolehkah kursus-kursus ini dilakukan ataupun dilantik oleh beberapa ejen yang lain pula ataupun institut yang lain untuk mengendalikan kursus ini kerana ini merupakan satu lagi bidang pekerjaan yang boleh juga dilakukan oleh institut yang lain. Mungkin kalau diiktiraf sesuatu institut itu untuk mengendalikan kursus ini, mungkin ini juga akan meringankan kerja-kerja bahagian Kastam kerana saya faham Kastam ini memanglah untuk mencari lebih banyak lagi pendapatan bagi negara kita dan kalau misalnya boleh diagihkan kepada institut lain untuk menjalankan kursus ini, apakah kriteria-kriterianya, apakah kursus-kursus ini boleh dijalankan, berapa lama dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau kursus-kursus ini berjalan, haruslah juga dihantar pegawai-pegawai yang boleh menjawab Q&A di sesi soal jawab ini supaya dia mahir dan dia betul-betul mengetahuinya kerana kalau tidak ejen yang kita beri kursus ini akan menjadi 'setengah masak', dengan izin. Jadi, dia tidak mengetahui dengan semasak-masaknya cara-cara bagaimana hendak menjadi seorang ejen.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui adakah juga pihak Kastam akan menentukan pembayaran kepada ejen ini. Berapa persenkah, misalnya daripada pendapatan yang akan pergi kepada ejen dan apakah sepatutnya pembayarannya. Kepada mereka yang mengambil kursus ini juga, saya rasa elok juga ditentukan berapakah pembayarannya.

Misalnya dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, misalnya kursus-kursus bagi pengarah-pengarah syarikat yang diagihkan kepada beberapa institusi untuk menjalankannya, ditetapkan juga harga pembayaran ini oleh kementerian supaya saya rasa tidak ada percanggahan ataupun salah gunakan kuasa yang diberi kepada institut itu untuk menjalankan kursus-kursus ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diminta tadi, pendek sahaja soalan saya, maka saya tamatkan di sini sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya telah buat keputusan. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat tidak bangun. Timbalan Menteri boleh jawab.

12.37 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya merakamkan ribuan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan.

Yang Berhormat bagi Tumpat mencadangkan supaya mengambil kira pergolakan akhir-akhir ini bila kita merangka kursus kita bagi ejen-ejen Kastam dan hanya melibatkan cukai sahaja. Perkara ini kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat bagi Tambun bertanya tentang definisi 'ejen'. Ejen Kastam adalah mana-mana orang atau syarikat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam untuk berurusan dengan Jabatan Kastam berhubung dengan import dan juga eksport. Ini juga termasuk *forwarding agent*.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga bertanya tentang kelulusan bagi seseorang yang ingin menjadi ejen. Pada masa ini, kelayakan kelulusan adalah modal berbayar atau

premis tetap dan juga mesti mendapat surat pelantikan pelanggan sebelum seseorang atau syarikat dapat mengemukakan permohonan kepada pihak Kastam supaya dijadikan ejen. Buat masa ini, tidak ada kelulusan akademik atau kemahiran diperlukan. Maka, dengan pindaan ini, kita harap bahawa kita dapat meningkatkan tahap profesionalisme ejen Kastam ini.

Oleh kerana kursus ini ataupun latihan ini adalah merupakan satu perkara yang baru, maka kita bercadang bahawa pada mulanya, kursus ejen ini akan dikendalikan oleh akademik Kastam Diraja Malaysia. Kursus ini dijangka akan bermula pada awal tahun hadapan dan dirancang sebanyak empat kali setahun dan tempoh kursus adalah selama tiga minggu di mana bayarannya akan ditetapkan tidak lama lagi oleh Jawatankuasa Latihan Jabatan Kastam. Selepas mereka telah menghadiri kursus yang saya sebutkan tadi, sijil akan dikeluarkan kepada mereka yang menghadiri kursus dengan jayanya.

Mereka yang dikehendaki untuk menghadiri kursus ini termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat yang memohon kelulusan ejen dan juga pekerja-pekerja syarikat yang berkenaan, khususnya pekerja yang memegang jawatan yang penting dalam syarikat tersebut tetapi bagi ejen-ejen yang mempunyai kelulusan sebelum kuat kuasa peruntukan ini, diberi kelonggaran selama tempoh setahun bagi menghadiri kursus berkenaan. Ini adalah berkenaan dengan kursus.

Apabila kursus ini berjalan dengan lancar dan permohonannya sangat menggalakkan dan lebih ramai hendak menjadi ejen untuk menyertai kursus ini, bila permintaan meningkat, kita akan pertimbangkan supaya juga dibenarkan institusi lain untuk menjalankan kursus ini.

Yang Berhormat bagi Tambun menyentuh tentang apa akan terjadi kalau seseorang ejen cukai perkhidmatan gagal mempamerkan lesen cukai perkhidmatan mereka. Di bawah peruntukan Akta Cukai Perkhidmatan, surat amaran akan dikeluarkan kepada ejen tersebut, sekiranya gagal patuh arahan tindakan mahkamah akan diambil di bawah Seksyen 34, Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Perkara tentang bot-bot kastam tidak canggih juga dibangkitkan. Untuk makluman Dewan ini Jabatan Kastam sedang berusaha memperolehi bot-bot yang lebih cepat yang dilengkapi dengan peralatan yang lebih canggih.

Yang Berhormat bagi Tambun juga bertanya tentang implikasi Perintah Duti Kastam untuk memenuhi komitmen negara kepada WTO. Penurunan cukai import untuk memenuhi komitmen negara kepada WTO memang ada kesan kepada kutipan hasil daripada sumber duti import. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, hasil negara terutamanya daripada Kastam dan juga LHDN tidak terjejas.

Yang Berhormat bagi Kepong bertanya tentang kutipan atau pungutan hasil Jabatan Kastam pada beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 2000, jumlah yang dapat dipungut oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia adalah sebanyak RM16.03 bilion. Bagi tahun 2001 ialah RM17.71 bilion dan pada tahun ini sehingga bulan Oktober adalah sebanyak RM12.03 juta. Dengan sistem e-eksais, setakat ini hanya pengilang kenderaan bermotor yang telah menggunakan sistem e-eksais. Di antara syarikat terlibat ialah Proton, Perodua dan juga UMW Toyota. Sistem ini telah berjaya mengurangkan tempoh masa memproses bayaran duti eksais daripada empat hingga lima hari kepada serta-merta ataupun *immediate*. Jabatan Kastam telah meminta pengilang eksais lain untuk juga menyertai sistem e-eksais ini.

Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 2) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dijemput.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2002.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda dan mewujudkan peruntukan baru dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta 151 bagi melaksanakan dan menguatkuasakan cadangan yang telah diumumkan dalam Bajet 2003 iaitu mewujudkan peruntukan baru bagi membenarkan tuntutan pulang balik cukai perkhidmatan ke atas hutang lapuk di samping mengemaskinikan peruntukan undang-undang mengenai perkhidmatan yang dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai tujuh fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyentuh mengenai permulaan tarikh kuat kuasa (Pindaan) Akta 151 iaitu mulai 1 Januari 2003;

Fasal 2 dan 3 untuk membatalkan definisi perkhidmatan yang dieksport bagi tujuan mengemaskinikan akta di mana perkhidmatan berkenaan akan dipindahkan ke dalam peraturan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975;

Fasal 5 untuk mewujudkan seksyen baru 21B dan 21C ke dalam Akta 151 bagi membenarkan pulang balik cukai perkhidmatan yang telah dibayar jika sekiranya cukai berkenaan tidak dapat dipungut daripada pihak pelanggan dan telah diakaunkan sebagai hutang lapuk;

Fasal 4, 6 dan 7 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit berikutan dengan kewujudan seksyen baru 21B dan 21C mengenai hutang lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batu.

12.49 tgh.

Tuan Ng Lip Yong [Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk membahaskan pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan ini adalah sesuai dan adil oleh sebab buat masa ini apabila pihak pembekal perkhidmatan menginvoiskan pelanggan, cukai perkhidmatan dikenakan. Walaupun kadangkala pelanggan tidak bayar atau bayar lewat, pembekal kena bayar bagi pihak pelanggan. Dengan pindaan ini, ini bermakna pembekal boleh ambil balik cukai yang telah dibayar. Ini akan mengatasi masalah tentang hutang lapuk.

Di sini juga saya ingin meminta penjelasan dari kementerian tentang cara-cara pemantauan kutipan cukai perkhidmatan. Sebagai pelanggan, bila kita makan di dalam restoran, tempat seperti itu kita membayar cukai perkhidmatan, tetapi dalam *invoice* atau bil kita tidak tahu akaun cukai perkhidmatan restoran itu. Biasanya kita tidak tahu sama ada cukai yang kita bayar benar-benarkah sampai kepada kerajaan. Saya tidak tahu apa cara pemantauan kementerian lakukan berkenaan dengan perkara ini.

Saya ada satu cadangan, beberapa tahun dahulu bila saya membuat lawatan di Taiwan saya melihat bila kita masuk ke restoran, mereka menggunakan resit yang dikeluarkan oleh kerajaan dan setiap resit ada siri nombor dan di hujung bulan dia ada cabutan bertuah. Oleh sebab itu, semua pelanggan meminta resit tersebut dan dalam resit itu kita masukkan beberapa cukai perkhidmatan yang dibayar. So, dengan cara itu, mungkin kita menentukan semua cukai perkhidmatan sampai ke kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bentangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong segankah tidak mahu berucap. Baru lepas, Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

12.52 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Ada juga Yang Berhormat bagi Kepong tidak mahu bercakap, kena buat tawaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun macam Yang Berhormat bagi Batu juga, sedikit sahaja perkara yang berbangkit di dalam cukai perkhidmatan ini, terutama sekali berhubung dengan orang yang memberi atau profesional yang memberi perkhidmatan, banyak masalah yang masih dihadapi oleh pihak-pihak yang memberi perkhidmatan yang mana terutamanya apabila pihak yang profesional dan apabila membuka bil untuk dibayar tetapi kadang-kadang bil ini tidak dibayar, tetapi dalam hakikatnya cukai ini perlu dibayar pada pihak kerajaan. Ini telah mendatangkan satu masalah dan mekanisme yang wujud pada masa sekarang ini membuatkan pihak-pihak yang memberi perkhidmatan terpaksa menggunakan sumber kewangan mereka sendiri membayar kepada kerajaan.

Jadi, ini kalau kepada memberi perkhidmatan yang besar mungkin tidak mendatangkan masalah, tetapi kalau organisasi sedemikian tidak begitu besar dan tidak berkemampuan untuk membayarkan cukai perkhidmatan ini nescaya ini mendatangkan satu masalah besar kepada mereka. Ini kalau dilihat dalam konteks seorang peguam umpamanya, dalam masa yang sama peguam dikehendaki menghantar semua akaun mereka kepada pihak audit dan audit ini akan melihat akaun ini dibuat dengan rapi dan diurus dengan betul. Tidak ada menunjukkan dalam akaun mereka bahawa penyelewengan berlaku, walaupun penyelewengan ini oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Jadi kalau mereka tidak membuatkan akaun ini begitu rupa, dengan sendirinya mereka tidak akan diluluskan oleh pihak audit. Kalau audit tidak meluluskan akaun ini dengan sendirinya perkhidmatan itu akan tamat begitu sahaja.

Jadi, mekanisme yang ada pada masa sekarang ini belum lagi [*telefon berbunyi*], Tuan Yang di-Pertua, minta maaf telefon mesti kena dengan saya memberitahu cerita audit ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu dikira sudah salah, sepatutnya kena *switch off*.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sebenarnya tadi dia kata kalau Yang Berhormat bercakap beritahu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Isteri panggilkah?.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sekarang saya sudah *switch off*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak apalah. Jadi butirannya memang betul ini daripada Bukit Association Sarawak yang mengatakan bahawa banyak masalah telah berlaku kepada peguam-peguam terutama sekali pihak-pihak yang mempunyai amalan guamannya kecil yang mana masalah pembayaran, mengikut bil mesti dibayar tetapi bagaimana kalau kelambatan pembayaran. Kadang-kadang pihak peguam pun dikehendaki oleh klien mereka supaya jangan *collect* dahulu pembayaran ini tetapi buatlah tuntutan kemudian ataupun terimalah pembayaran mengikut ansuran.

Jadi, dalam masa yang sama pihak kerajaan menentukan bahawa cukai ini mesti dipungut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian adalah orang mengatur satu cara iaitu bil tidak akan dibuat sehingga pembayaran dibuat. Jadi ini adalah tidak tepat sekali, ini adalah perkara yang tidak sepatutnya dibuat. Jadi pada mereka yang patuh kepada etika ini tidak akan dibuat oleh mereka, tetapi dalam masa yang sama mereka mendapati bahawa untuk patuh kepada kehendak undang-undang ataupun garis panduan yang telah dibuat oleh kerajaan, ini adalah hampir mustahil hendak dibuat, kalau tidak menyeleweng nampaknya dalam akaun. Dalam akaun ini pula ia perlu baik oleh kerana pihak audit akan melihat dan mengetahui bahawa ada sedikit sebanyak keadaan yang tidak tertentu dalam akaun mereka. Jadi, mekanisme ini saya berharap pihak kementerian berbincang kepada pihak yang tertentu terutama sekali *service provider* ini supaya dapat macam mana untuk mengatasi masalah ini terutama sekali pembayaran bil yang belum dapat diselesaikan oleh pihak klien mereka ke atas memberikan kepada *service provider*. Jadi, kalau ini tidak boleh diwujudkan nescaya cara mekanisme pungutan cukai ini adalah amat memberi kesan yang kurang baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin bertanya kepada kementerian. Dalam Bajet yang diluluskan baru-baru ini ada struktur baru yang telah dilaksanakan semenjak tahun lepas iaitu berhubung dengan *service tax* ini ataupun mengenai cukai perkhidmatan ini. Dalam *adjustment* yang telah dibuat tahun lepas berapakah keuntungan yang telah didapati oleh pihak kerajaan, kalau dibandingkan dengan pendapatan yang telah dibuat pada tahun-tahun sebelumnya.

Kerana kalau tidak silap saya - data yang tidak tepat tidak ada pada saya sekarang. Pada tahun yang dahulu kalau perkhidmatan itu hanya boleh mendapat pungutan ataupun bil yang menunjukkan bahawa pendapatannya adalah RM300 ribu, ianya akan dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan. Pada masa yang lalu tahun lepas telah diluluskan bahawa siapa yang mempunyai pendapatan RM150 ribu adalah dikehendaki membayar *service tax*. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian banyak mereka yang mempunyai usaha-usaha yang kecil-kecil pun telah kena. RM150 ribu bukan besar sangat, RM10 ribu dalam sebulan *I mean single practitioner* dalam *legal firm* sudah boleh, kena membayar cukai.

Ini menunjukkan ada pungutan kerajaan yang bertambah daripada sektor perkhidmatan. Jadi, saya ingin juga mengetahui apakah penambahan ini telah diterima oleh pihak kerajaan dan berapa jumlahnya dan apakah peningkatan yang akan dilihat oleh pihak kerajaan pada masa yang akan datang. Adakah mekanisme yang dibuat telah memuaskan pihak kerajaan dari segi pemungutan cukai daripada pihak *service provider* ataupun orang yang memberi perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh persoalan *service* ini. Kerana *service* dalam erti kata yang kita fahami *service* ini termasuk bermacam-macam iaitu perkhidmatan peguam, bank, hotel dan sebagainya. Pada masa sekarang kalau kita melihat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lagi 12 minit boleh sambung petang inilah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dijemput teruskan Yang Berhormat Batang Lupar.

2.32 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dia ini macam Speaker di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sengaja kepada Batang Lupar, saya cakap jemput, kalau dipersila berertinya 'patah', itu sebab saya tak hendak persila. *[Ketawa]* Jadi, jemput Batang Lupar, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya masih membawa masalah pembayaran cukai perkhidmatan ini.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, iaitu sistem yang kita ada pada masa sekarang ialah bahawa membangkitkan beberapa masalah. Walaupun perkara ini banyak mendatangkan keuntungan kepada pihak kerajaan, tetapi mendatangkan masalah kepada pengusaha-pengusaha kecil-kecilan sama ada bidang perkhidmatan. Umpamanya, apabila seseorang itu membuat pembayaran bil ataupun untuk dibayar oleh pihak pelanggan, bil ini memang tidak boleh dipertikaikan, maknanya kalau bil itu mengata RM100,000 memang tidak boleh tolak ansur dengan bil itu, mesti dibayar RM100,000.

Umpamanya kalau RM100,000 kena 5%, daripada RM100,000 pembayaran cukai perkhidmatan, jadi kalau pada satu ketika orang itu diberi kelonggaran membayar ada diskaun diberikan, dengan sendirinya berlandaskan bil itu, pihak yang memberi perkhidmatan masih terpaksa membayar kepada kerajaan berlandaskan RM50. Masalah bil tidak kira yang memberi perkhidmatan itu masih boleh bertolak ansur dengan klien mereka.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, memaksa pihak pemberi perkhidmatan tidak boleh bertolak ansur dengan klien mereka, jadi, ini menunjukkan dia tidak begitu friendly kepada masyarakat umum kerana kita terpaksa memaksa orang yang membayar itu mengikut bil yang telah ditetapkan.

Masalahnya pula, apabila ini berlaku, kalau kepada orang kaya memang kalau yang tidak begitu masalah, tetapi di kalangan orang yang kurang berkemampuan, ini satu masalah besar, soalan pembayaran mengikut by instalment, kadang-kadang berlaku, walaupun bil kita hanya RM1,000 tetapi masyarakat umum masih meminta kita supaya bil ini dibayar secara *instalment*, mungkin empat bulan ada juga lima bulan, kalau RM1,000 lima bulan itu RM200 satu bulan.

Pada pandangan servis

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Sri Gading.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini cukai perkhidmatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat berpuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kembali daripada China. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Batang Lupar. Yang Berhormat menyatakan tadi peniaga itu kena bayar 5%. Dan sudah barang tentu beban itu kepada pengguna. Tetapi ada atau tidak kes-kes peniaga itu pula menipu pengguna? Sebenarnya dia beritahu pengguna kena bayar cukai perkhidmatan, cukai servis dan sebagai, tetapi sebenarnya duit itu tidak bayar kepada kerajaan, bagaimana Kementerian memantau dan bagaimana Kementerian hendak mengelakkan penipuan ini. Jadi, yang aniaya ialah kepada pengguna. Pengguna memang kena sahaja, mentang-mentang dia pengguna, memang dia kena guna betul.

Jadi, di samping hendak membela peniaga, tetapi yang kita hendak pentingkan ialah pengguna. Pengguna pun kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, ialah, [Ketawa] fasal saya pernah diberitahu, ramai peniaga yang buat kerja macam ini dan oleh sebab dalam bil kita sudah ada dengan dia punya cukai itu, kita bayar sahajalah, malas hendak bertengkar dan kita tidak bertanya.

Tetapi apakah bil itu akan menjamin untuk perkiraan kepada pihak Perbendaharaan, itu macam mana atau kita tunggu menteri menjawab, wallahualam, tetapi saya tidak tahulah, tetapi saya percaya Batang Lupar memang terkenal dengan kepakaran tentang perkara-perkara inilah, dia boleh menjawab Tuan Yang di-Pertua, saya rasalah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Datuk Sri Gading. Persoalan yang saya cerita tadi ialah masalah pihak pemberi khidmat untuk membayar cukai dalam keadaan yang tertentu, tetapi persoalan yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading ialah situasi yang lain pula iaitu situasi yang mana apabila pengguna telah membayar kepada pihak yang memberi perkhidmatan, pihak pemberi perkhidmatan ini pula tidak membayar cukai yang telah dipungut kepada pihak kerajaan, bahkan mungkin duit ini dimasukkan dalam poket mereka sendiri. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, maknanya yang membayar terkena tetapi pemberi perkhidmatan dapat keuntungan, kerajaan yang rugi.

Tuan Yang di-Pertua, kalam konteks ini saya tidak melihat persoalan lain, hanya pemantauan daripada pihak kerajaan. Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pemantauan, mestilah membuat pemantauan yang lebih rapi lagi, tetapi cara mana untuk mengatasi masalah pemantauan rapi ini, kalau saya duduk di situ, mungkin saya boleh membuat satu sistem, tetapi kalau saya jauh di sini, mungkin panjang sangat hendak dihuraikan cerita ini dalam masa 12 minit ataupun 10 minit, macam mana hendak mewujudkan satu sistem yang boleh mempertahankan supaya pembayaran yang diterima daripada pihak pengguna, diterima oleh pihak pemberi perkhidmatan boleh mendapat saluran semula kepada pihak kerajaan dan semuanya tidak akan teraniya, maknanya pengguna, pembayar mengikut garis undang-undang dan pemberi perkhidmatan juga akan membayar kepada kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak undang-undang.

Tetapi bagaimana pihak kerajaan untuk memantau, kerana setiap satu bil yang telah diberikan, bil ini juga mungkin tidak mempunyai *duplicate* yang tertentu di dalam simpanan dan kerajaan hanya boleh membuat pemantauan menerusi melihat bil-bil yang tertentu, tetapi satu-satu perkhidmatan mungkin beribu-ribu bil satu hari kalau perkhidmatan itu kecil, seperti di kedai kopi di restoran dan sebagainya. Mungkin ini juga mendatangkan satu masalah untuk pihak kerajaan.

Jadi, saya menyerulah pihak yang bertanggungjawab dan diwajibkan supaya membuat satu mekanisme pemantauan yang lebih baik, yang boleh mendatangkan hasil yang lebih tinggi kepada kerajaan dan dalam masa yang sama tidak menipu pihak

pembayar cukai iaitu pengguna perkhidmatan yang telah disebutkan tadi. Ini jawapan daripada Sri Gading.

Jadi, saya terpaksa berbalik kepada masalah saya tadi Tuan Yang di-Pertua, masalah ini berbangkit oleh kerana macam mana, umpamanya seseorang itu menerima satu bil RM1,000 ataupun RM100,000 ataupun RM10,000, lepas itu, dia berbincang pula dengan pemberi perkhidmatan ini mengatakan bolehkah saya membayar perkara ini dalam *instalment*. Tetapi dalam undang-undang kita, dalam masa 30 hari the date from date the bill is made, pembayaran mesti dibuat, kalau tidak dibayar dalam masa 30 hari, pihak kerajaan akan mengena hukum kepada *tax collector* ini iaitu pihak pemberi perkhidmatan ini tadi.

Dalam masa yang sama, pihak pemberi perkhidmatan ini hendak menunjukkan kelonggarannya kepada pengguna, dia hendak beri pengguna ini dengan bayar *instalment*, kerajaan membolehkan mekanisme diwujudkan dengan mengisikan borang, tetapi masalahnya borang ini orang hendak naik ke bulan pun senang sedikit. Borang ini begitu susah sekali, jadi kadang-kadang pengusaha ini kalau hendak buat ini, hendak tolong orang, dia kena isi borang yang begitu *complicated* sekali, kalau tak isi dia kena hukum, jadi apa pilihannya, orang itu dia kata, dia memang dia tidak boleh, bayar RM1,000 ataupun RM1,500 satu kali gus, mungkin gaji dia kurang daripada RM1,000, jadi macam mana, hendak paksakah ataupun tidak.

Kalau mengikut undang-undang, dia mesti dipaksa, kalau dia hendak gadai kedai, dia hendak gadi emas diakah, hendak gadai jam diakah, dia kena bayar dalam masa 30 hari, kalau tidak orang yang pemungut ini tadi, pihak peniaga ini akan terkena dan menggunakan duit dari pokonya sendiri mengeluarkan pembayaran dahulu.

Jadi, mekanisme ini kenapa tidak diubahsuaikan, borang ini dipersenangkan, tak payahlah hendak fotostat copy bill, hendak fotostat copy receipt, semua beri sekali instalment itu, terima sahajalah, buatlah mekanisme mungkin kita lihat semula sistem *collection* ini, sistemnya mungkin kita minta pembayaran dalam masa enam bulan sekali, lepas itu kerajaan menghantarkan pegawai pengauditnya ke tempat-tempat yang tertentu untuk melihat dan mengauditkan bil-bil ini ataupun telah memikirkan bahawa laporan yang diberi berlandaskan laporan yang telah lalu, yang pihak pemberi perkhidmatan ini tidak memberi maklumat-maklumat yang tepat, ataupun cuba hendak menipu kerajaan baru menghantarkan pegawai audit untuk mengauditkan kes-kes yang tertentu dalam masa-masa yang telah ditetapkan.

Tetapi dalam keadaan yang sedemikian bolehlah pihak pemberi perkhidmatan ini berunding ataupun berbincang dengan pihak pengguna, supaya kelonggaran-kelonggaran cara diskaun boleh diberi pembayaran secara instalment, tidak payah isi borang yang begitu kompleks, tidak payah isi borang yang begitu *complicated* yang mana orang fikir, ah lebih bayar sahaja, cari duit sendiri, simpan *standing account* daripada situ keluarkan duit itu bayar cukai dengan kerajaan.

Jadi oleh kerana masalah inilah, kalau kita yang mewujudkan satu sistem yang begitu susah, jadi orang akan cari macam mana hendak tipu kerajaan. Inilah the *viciois circle* yang berlaku, kalau tidak hendak bayar, biarlah tipu sahaja kerajaan. Biar pihak kerajaan terjumpa perkara ini, penipuan telah berlaku, kerana kita sendiri yang buat satu sistem yang tidak menyenangkan. Jadi saya berharap pihak kementerian ini melihat semula soal penggunaan borang ini dan soal sistem ini – soal sistem pungutan *service tax* ini dilihat semula, adakah boleh diikuti cara *time frame* ataupun cara-cara lain yang senang sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Oleh kerana cukai perkhidmatan ini telah dikutip dari pengguna sebagaimana yang disebut oleh Sri Gading, ertinya duit itu telah dikumpulkan oleh peniaga itu cara tunai ataupun cara kredit. Jadi bagaimana Yang Berhormat sebut peniaga itu perlu membayar *instalment* atau ansuran kepada pihak kerajaan sedangkan duit itu telah *collected* dahulu - tunai. Sepatutnya tidak

ada cara yang lain selain daripada cukup masa, mesti bayar. Ini bukan saya hendak jawab bagi pihak Timbalan Menteri Kewangan – tidak. Tetapi daripada segi kemunasabahan, tidak timbul soal mahu menipu kerajaan sebab pengguna jangan digunakan sebagaimana Sri Gading sebut.

Jadi kenapa mesti ada *delay*, kenapa mesti ada *instalment*? Hak mereka sebagai peniaga hendaklah membayar kepada kerajaan. Soalnya, cuma mungkin Yang Berhormat juga setuju, umpamanya kalau restoran layan diri, dia tidak bagi berhutang, kita layan diri kita, kita jadi kuli dan kita jadi pelanggan (*customer*). [Ketawa] [Disampuk] Di mana logiknya - sendiri angkat, sendiri makan, Shah Alam kata. Di mana logiknya cukai perkhidmatan itu harus dikenakan kepada pengguna? Bagaimana? Ini persoalan-persoalan yang harus kita perbahaskan walaupun kita tidak

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *Self service*.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *Self service*, walaupun kita tidak seharusnya membahaskan di waktu berpuasa begini tentang soal-soal makan, tetapi sesuatu yang tidak logik

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pam minyak, pam minyak.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Begitu juga pam minyak. Ini saya menyambung apa yang Sri Gading sebut itulah. Layan diri juga, cukai perkhidmatan ada di dalam harga petrol atau diesel berkenaan. Jadi perkara-perkara macam ini saya fikir Timbalan Menteri harus membawa perkara ini ke Mesyuarat *Post Cabinet* ataupun fikirkan balik apa-apa kaedah yang harus difikirkan. Saya bersetuju dengan Batang Lupar, [Disampuk] [Ketawa] beliau seorang pejuang kepada peniaga kecil sebab ada juga peniaga kecil yang namanya kecil daripada segi urus niaga, besar.

Saya mohon maafkan kepada peniaga gerai jalanan umpamanya. Saya ambil contoh umpamanya gerai nasi lemak di Jalan Tanglin. Daripada segi *transaction*, saya ingat tidak kecil dan kita tidak pernah membayar *service tax*. *Service tax* tidak ada. Berbondong-bondong berbaris-baris. Sri Gading dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:Sungai Benut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Soalan saya hendak tanya, [Disampuk] [Ketawa] dengan Batang Lupar ini, bagaimana kategori syarikat-syarikat yang berniaga secara jalanan begitu juga? Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau saya tidak salah, ada tiga soalan.

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jawab ringkas-ringkas Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tiga. Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, dia kata soalan sebenarnya pemberi perkhidmatan telah menerima bayaran. Ini betul, kalau kita berniaga kedai kopi, jual mee di restoran, kedai kopi dan sebagainya, apa benda jualan murah yang secara *cash transaction*. Memang semua cukai ini telah diterima, tetapi kalau Yang Berhormat *legal practitioner* - *accountants*, *engineers*, ini *services provided* juga. Dia juga akan terkena benda macam ini, tetapi *the delayed payment* berlaku, *instalment negotiation* berlaku. Ini yang saya sebutkan tadi, bukan sektor yang mana *cash payment* berlaku tetapi yang terlibat yang mana ada baiknya kalau sistem baru dibuat *to enable* ataupun memberi ruang untuk pihak pemberi perkhidmatan ini berbincang dengan orang itu sama ada hendak beri diskaunkah, hendak bagi *instalmentkah* dan tidak menyepit dia sendiri. Itu sebab yang saya kata, akhirnya ialah untuk mendatangkan

kesenangan kepada pihak pengguna, bukan kepadaini. Kalau tidak dia tidak kisah, kalau orang berhutang RM100 ribu dengan dia, dia boleh *go to court* and saman, itu sahaja. Dia akan *recover everything*, kos pun termasuk. Jadi masalahnya, hendak paksa ini, tengok kawan ini sudah teruk, sudah jatuh ditimpa tangga lagi Yang Berhormat, ha ini yang kita tidak hendak. Ini soalan yang kedua tadi.

Soalan yang ketiga, apa benda yang tiga itu panjang sangat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup dua Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *Cash transaction.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat pun sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, yang ketiga itu Tuan Yang di-Pertua, ini memang sesuatu dalam keadaan, minta maaflah saya hendak sebut juga ini, satu *is a grey area, one is white, the other is black*. Undang-undang kadang-kadang dia buat macam itu, *there's no grey area*. Jadi apa yang Yang Berhormat bagi Bagan Datok bangkitkan ialah *the grey area* dalam pemungutan soal perkhidmatan ini, ini bukan perkara yang itu, ini perkara serius. Sebenarnya macam mana kalau saya sendiri buat perniagaan, *service* kepada saya, saya yang buat sendiri, *everything is done by me* kenapa pula ada *service tax*?

Tetapi saya selalu bertanya juga Tuan Yang di-Pertua, soal *service tax* ni, siapa yang sebenarnya terima *service tax*? [Ketawa] Sepatutnya kalau saya berniaga, anak buah saya bekerja dengan saya, selepas itu dia potong 5% untuk bayar anak buah inilah yang sepatutnya, bukan bayar kepada kerajaan. Kenapa pula kerajaan yang dapat? Ini saya pun tidak faham rasionalnya. Sepatutnya orang kata, tidak payahlah bagi tips sebab kita sudah bayar *service tax*. Tidak payah *tips*, *service tax* sudah bayar, jangan bagi *tips*. Yang *tips* ini kepada si pembawa beg kita ini, *service tax* kepada yang pembawa beg besar masuk dalam bank kerajaan. Jadi macam mana pula? Itulah saya tanya, ke mana duit itu pergi, adakah duit ini diberi balik semula kepada orang ini? Padahal gaji orang ini bukan *dictate* oleh pihak kerajaan, tetapi *dictate* oleh pihak *employer* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dikira sudah habis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang saya memohon pihak kerajaan melihat yang pertama, berbangkit daripada apa yang Yang Berhormat bagi Bagan Datok sebut iaitu *the grey area* ini difikirkan semula, kenapa pula mesti diadakan *service tax*, yang mana orang itu sendiri buat, semua dia sendiri sampai ke *filling station* cabut ini, masuk kiri pam, masuk keluar, selepas itu dia pergi ke kaunter, bayar di kaunter, tidak apa benda pun, dia seorang sendiri buat semua.

Seorang Ahli: Sendiri cabut, sendiri masuk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sendiri masuk, sendiri cabut.

Ahli Dewan: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu situasi yang kedua [Ahli Dewan masih ketawa]. Saya Tuan Yang di-Pertua, serius saya Tuan Yang di-Pertua, tetapi kawan-kawan suruh, saya hendak ketawalah. Saya memang serius, Tuan Yang di-Pertua.

Situasi yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, ini menghabiskan cerita saya. Situasi yang kedua tadi iaitu sistem pemungutan yang mana membolehkan seseorang itu *negotiate on discount, negotiate on instalment* supaya tidak dibebankan orang yang mahu memberikan kepada consumer itu kemudahan-kemudahan yang tertentu. Walaupun saya tahu kalau ditanya di Sarawak, di Sabah dan Semenanjung ini peguam dia,

renumeration rules is non-negotiable fees, tetapi dalam keadaan yang sama, banyak peguam ini lembut hati dia melihat kawan-kawan yang tidak boleh bayar, dia *negotiate* juga. Jadi kalau hendak buat macam itu, dia kata *issuekan proforma invoice* – bayar dahulu, lepas terima semua duit, baru *date and numbered the bill*. Tetapi ini tidak *honest*lah Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi *we got to produce the mechanism* supaya *dishonesty* tidak berlaku dan jadi satu amalan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Saya bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang yang merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit dari Belanjawan ataupun Bajet 2003. Sebelum saya menghuraikan beberapa perkara di dalam bajet kita, saya hendak membangkitkan mengenai cukai nilai ditambah – *Value Added Tax (VAT)*. Sebab saya sering kali bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Lebih 10 tahun satu dekat yang lepas, Menteri Kewangan pernah cadangkan di dalam Dewan ini semasa membentangkan bajet untuk mengenakan VAT di Malaysia.

Akan tetapi lebih 10 tahun kemudian, kita tidak nampak apa-apa, yang kita nampak cukai perkhidmatan dan cukai jualan. Walaupun satu, dua, tahun ini kita nampak kutipan melalui sistem baru STS dan sebagainya sudah meningkat sedikit dan ini memang terhad. Kita berharap keberkesanan ataupun kecekapan pengutipan ini akan bertambah dan pembayar pun akan bekerjasama untuk membayar dengan cepat tetapi ini adalah terhad. Memang ada had tidak boleh kita melebihi dah. Ini bermakna, kita perlu mencari sistem percukaian yang lain. Percukaian ini tidak langsung ialah VAT.

Mahu tidak mahu, ini satu *subject*, satu tema, yang sangat *sensitive politically* - secara politiknya sangat sensitif kerana yang dimaksudkan ini ialah apabila kita menggunakan sesuatu perkhidmatan atau membeli sesuatu barang, ataupun menggunakan jalan, kita bayar tol, kalau tidak guna, kita tidak bayar. Itulah maksudnya secara tidak langsung dan kebanyakan negara termasuk Singapura dan Thailand pun sudah melaksanakan Sistem VAT dan di negara-negara lain seperti United Kingdom pun ada, tetapi saya nampak sistem mereka bukan begitu sempurna juga.

Walau bagaimanapun, di Malaysia kita mesti ada sistem yang baru kalau kita hendak kutip cukai yang lebih dan kutipan yang lebih munasabah ke atas sesiapa yang menggunakan perkhidmatan atau membeli barang itu dia dikutip. Yang tidak bayar atau tidak menggunakan perkhidmatan, kita tidak kenakan bayaran cukai dan sebagainya. Ini memang satu perkara saya akan bangkit tiap-tiap kali kerana saya pun tahu perkara ini – VAT akan dilaksanakan di negara ini kelak.

Dalam percukaian kita, cukai dalaman merangkumi cukai perkhidmatan dan jualan dan selepas ini kita ada rang undang-undang untuk jualan pula kerana ia bertindih-tindihlah ini. Cukai ini menyumbang kepada 2/3 daripada hasil yang dianggarkan RM23 atau RM25 bilion tahun ini. 2/3 bukan main jumlahlah. Di sinilah saya diberitahu bahawa cukai eksport dan import hanya 1/3 daripada hasil. Saya juga diberitahu bahawa tunggakan cukai perkhidmatan sekarang hampir RM46.8 juta dan saya berharap Yang Berhormat dapat mengutip balik cukai yang tertunggak ini dan juga diharapkan pihak kementerian meneliti apakah sebab musabab wujudnya tunggakan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada empat perkara di sini berbangkit daripada bajet kita sebab itulah kita adakan pindaan ini. Yang pertamanya mengenai cukai perkhidmatan yang kena dibayar oleh pemegang lesen yang perlu dijelaskan kepada kerajaan apabila genap tempoh percukaian yang ditetapkan, walaupun ianya tidak dapat dipungut daripada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini memang cadangan untuk mengurangkan beban kewangan pemegang lesen untuk membayar cukai perkhidmatan dan juga jualan yang telah dijelaskan oleh pemegang lesen dianggap sebagai hutang lapuk. Inilah semata-mata di dalam rang undang-undang itu hutang lapuk, kerana sebelum ini di dalam Akta Cukai Jualan dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang belum lagi dimasukkan cara untuk menyelesaikan hutang lapuk ini.

Di sini ada disebutkan sebagai hutang lapuk dalam keadaan berikut Tuan Yang di-Pertua:

- (i) pemegang lesen tidak dapat memungut hutang daripada pelanggan selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh cukai dijelaskan dan saya anggap ini munasabah kerana dia tidak kutip dianggap sebagai hutang lapuk, itu munasabah. Saya pun ada menerima aduan mengenai hal hutang lapuk ini;
- (ii) pelanggan telah diisytiharkan mufli di bawah Akta Bankrapsi 1967. Ini saya kurang arif dalam hal ini. Walau bagaimanapun dia mufli tidak dapat bayar juga;
- (iii) pelanggan telah diletakkan di bawah penerima *receivership* atau *official assignee* itu pun dia tidak berupaya untuk membayar;
- (iv) pelanggan telah diperintahkan oleh mahkamah untuk penggulangan. Itu pun keadaan yang sama; dan
- (v) pemegang lesen telah memfailkan tuntutan ke mahkamah untuk menuntut hutang cukai berkenaan atau tindakan kebangkrapan telah difailkan di mahkamah terhadap pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lima kategori ini, sudah dianggap sebagai hutang lapuk dan pemegang lesen layak memohon pulang balik cukai berkenaan tertakluk kepada syarat yang akan ditetapkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini jumlah atau amaun yang terlibat di dalam cadangan hutang lapuk untuk membayar cukai perkhidmatan, adakah ini sampai RM100 juta ataupun lebih dan kemudian ada satu cadangan lagi iaitu bajetlah itu mengenai bayaran kepada bukan pemastautin.

Ini memang satu cadangan untuk menggalakkan pelabur. Pada masa ini bayaran perkhidmatan kepada bukan pemastautin dikenakan cukai pegangan 10% dan disifatkan sebagai diperolehi dari Malaysia, jika tanggungjawab untuk membuat bayaran tersebut terletak kepada kerajaan seseorang yang bermastautin atau bayaran tersebut dituntut sebagai perbelanjaan atau wang keluar dalam akaun sesuatu perniagaan yang dijalankan di Malaysia.

Dengan cadangan di dalam rang undang-undang ini ialah dikecualikan, tidak dikenakan cukai pegangan 10% bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan bolehkah Yang Berhormat menjelaskan kepada kita semua bilangan orang yang sedemikian, yang bukan pemastautin yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan lagi dan amaun yang terlibat kerana Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali apabila kita adakan rang undang-undang seumpama ini, kita hendak tahu jumlah wang yang dapat dikutip dan juga wang yang kita akan hilang kerana tidak dikutip. Itu masalah percukaian kita.

Mengenai kajian semula cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengiriman cepat. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pengiriman cepat dikenakan cukai perkhidmatan 5% tidak kira sama ada pengiriman di dalam atau di luar negara. Bagi mengurangkan kos penghantaran ke luar negara adalah dicadangkan perkhidmatan pengiriman cepat dari suatu tempat di dalam Malaysia ke luar Malaysia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu wang yang terlibat ataupun berkaitan dengan cadangan untuk mengurangkan kos penghantaran ini dan sekarang tidak dikenakan cukai perkhidmatan, dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi tahu kita berapakah jumlah wang yang terlibat dengan cadangan tersebut dan yang terakhir lagi

dalam bajet kita ini ialah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberi ke atas syarikat dalam kumpulan yang sama.

Sekarang kita nampak cukai perkhidmatan 5% dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang termasuk perkhidmatan profesional yang diberikan oleh syarikat kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan yang sama. Cadangan ialah bagi mengurangkan kos pengendalian perkhidmatan. Sebelum ini hendak kurangkan kos penghantaran dan sekarang hendak mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Konsep itu baik kerana kita menggalakkan orang berniaga dan orang melabur di negara ini supaya mereka tidak menanggung kos pengendalian yang tinggi dan di dalam cadangan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang baru dan saya tidak nampak dan tidak ketahui setakat ini, kalau kita kutip 5% apakah amaun setiap tahun kita dapat mengutipnya. Kerana bagi saya ini terserah kepada keikhlasan pihak syarikat untuk melaporkan kepada pihak Kastam ataupun pihak lembaga dan macam mana kita dapat mengirakan semua ini? Seumpamanya perkhidmatan profesional, akauntan awam, peguam bela dan peguam cara, jurutera profesional, arkitek, juruukur dan sebagainya.

Macam mana kita dapat mengirakan semua ini. Ini sangat rumit. Kita orang biasa pun tidak tahu, termasuk Tuan Yang di-Pertua juga. Kita berharap Yang Berhormat dapat menerangkan keadaan kerana apa yang saya bangkitkan ini ialah terkandung di dalam rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Teluk Intan dahulu.

3.08 ptg.

Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya bangkitkan. Pindaan yang dicadangkan, pembayaran balik cukai perkhidmatan jika cukai perkhidmatan berhubung dengan perkhidmatan ini telah menjadi hutang lapuk adalah suatu yang bagus, yang akan mengurangkan beban kewangan kepada syarikat-syarikat ini. Soalan saya, apakah *time frame* atau masa untuk Ketua Pengarah membayar balik tuntutan ini.

Saya bangkitkan ini kerana terdapat banyak kes pada masa sekarang di mana syarikat-syarikat dan individu ada *overpayment of tax*, dengan izin dan mereka masih tunggu bayaran untuk mendapat *refund*. Apabila pembayar *tax* lewat bayar, kita terpaksa bayar penalti dan faedah. Oleh itu saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah yang akan diambil supaya cukai perkhidmatan ataupun cukai biasa jika yang berlebihan, untuk meng~~enforce~~enforcekan satu *time frame* di mana kita dapat dibayar balik. Mungkin enam bulan atau satu tahun kerana banyak akaun yang ada kredit di *income tax* tetapi belum dibayar balik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Kluang dahulu.

3.10 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun kerana minat untuk berbahas rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atau dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2002 dan selepas dipersetujui akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2003.

Pada saya memang wajarlah bagi pihak kerajaan meminda akta ini dengan tujuan mana-mana pihak membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah bagi pembayaran balik cukai perkhidmatan, jika cukai perkhidmatan berhubung dengan perkhidmatan dan disediakan oleh pihak berkenaan telah menjadi hutang lapuk, jika beliau ada memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Saya juga bersetuju dengan - sebenarnya saya ingin bangkit tadi, telah pun disoalkan oleh rakan saya bagi Teluk Intan iaitu tentang tempoh untuk membayar balik

sebab kalau mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam tempoh enam tahun kita boleh memohon, soalnya biasa orang awam tanya jika hendak minta balik pembayaran itu, kadang-kadang kita harus tunggu satu masa ataupun tempoh yang cukup lama. Jadi bolehkah kerajaan memberi komitmen kepada pihak awam, orang awam supaya jika ada tuntutan seumpama ini dapat kita pulangkan wang dalam satu tempoh yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Di samping itu, saya percaya dengan pindaan ini, ia dapat menyelesaikan banyak rayuan terhadap perkara ini sebab saya juga menerima ataupun dijumpai oleh banyak pihak yang mengatakan bahawa perkara ini dapat dan harus kita selesai dalam masa singkat ini, jadi saya percaya dengan adanya pindaan ini dapat menyelesaikan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai perkhidmatan yang harus dikenakan kepada sektor perkhidmatan termasuk kedai-kedai makan dan minum termasuklah *coffee house*, termasuklah restoran-restoran dan kedai-kedai kopi pun juga dalam kategori ini. Kalau tidak silap saya, pada Bajet 2002 apabila Yang Berhormat Menteri membentangkan belanjawan, kementerian telah pun menetapkan iaitu jumlah perniagaan ataupun *turnover* sesebuah kedai pada asalnya RM500,000 telah pun diturunkan sehingga RM300,000 kalau tidak silap saya. Masa itu ada banyak aduan termasuklah dalam satu bulan saya rasa banyak peniaga telah pun persoalkan perkara ini.

Persatuan-persatuan termasuk Persatuan Kedai Kopi pun, kalau tidak silap saya pun ada berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan menghantar memorandum kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tangguhkan perkara ini sehingga hari ini, iaitu perkara ini pada saya masih belum selesai lagi, tetapi tidak akan dikenakan cukai pada masa ini.

Saya berharaplah pihak kementerian supaya dapat melihat perkara ini. Saya setuju ada kedai-kedai, walaupun ada kata kedai makan, nampak macam kedai kecil tetapi perniagaan cukup besar, mungkin pendapatan pun lumayan, tetapi pada umumnya kalau kata kedai kopi, saya rasa tidak wajarlah untuk kita kenakan satu kedai minum ataupun kedai makanan yang *turnover* mereka cuma RM300,000 sahaja.

Saya masih ingat pada dua tahun dahulu apabila kita membahaskan satu rang undang-undang mengenai royalti yang dikenakan kepada kedai kopi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna masa itu saya masih ingat membahaskan tentang royalti. Masa itu kita membahaskan sama ada kita dapat mengecualikan royalti itu dan saya percaya banyak pandangan telah pun dikemukakan termasuklah sama ada kita boleh menimbang saiz premis perniagaan mereka ini.

Misalnya kalau cuma satu saiz, satu kedai kopi saja walaupun perniagaan antara RM200,00 hingga RM300,000 dapat kita kecualikan untuk memasukkan kategori ini, sebab saya suka pergi ke kedai kopi tradisional di mana banyak peluang untuk kita berjumpa dengan pengundi-pengundi kita.

Masa isu ini berbangkit ramai pengundi kawasan saya telah pun tanya sama ada lain kali kita masuk kedai kopi ini, pun kena cukai perkhidmatan sedangkan tempat itu untuk kita berjumpa dan menjadi satu tempat orang-orang kampung, menjadi tempat harian untuk mereka berjumpa di kawasan tersebut, dan saya percaya tidak wajar kalau kita kenakan cukai perkhidmatan kepada kedai-kedai yang kata dari RM500,000 dahulu kita turunkan kepada RM300,000.

Pada pandangan saya tidak wajar untuk kita turunkan jumlah perniagaan mereka. Saya rasa kalau kekal RM500,000 ataupun lebih daripada RM500,000 adalah patut untuk kita tentukan. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat jawab. Kalau dapat kita selesaikan perkara ini supaya kedai-kedai kopi ini, peniaga-peniaga kedai kopi dapat memahami dan orang awam tahu apabila pergi ke kedai kopi tidak akan kena cukai perkhidmatan yang disebutkan oleh pihak kerajaan. Saya juga setuju dengan pandangan tadi, dua, tiga rakan saya yang bangkit tentang bayaran cukai ini, apabila kita bayar kepada kedai ini.

Saya kadang-kadang pergi ke restoran-restoran apabila bayar cukai perkhidmatan yang dikenakan ini, pada masa yang sama kita bayar tip juga kepada kedai itu. Jadi, saya rasa bayaran yang kita bagi kepada kedai ini sama ada dia betul-betul sampai kepada pihak kerajaan, saya rasa ramai orang tanya tentang perkara ini, jadi bagaimana kita boleh menentukan bayaran ini betul-betul sampai kepada pihak kerajaan dan kepada kedai mengatakan 'layan diri'.

Saya sebenarnya *confuse* Tuan Yang di-Pertua, kaedah dia, sektor yang boleh menyokong kepada industri pelancongan tempatan. Kadang-kadang kedai-kedai itu ada spesifik perniagaan yang dapat kita menyokong kepada industri pelancongan tempatan, pun kita harus mengambil kira sama ada sektor ini dapat dikecualikan. Tempat-tempat seperti *Seven Eleven*, tempat-tempat yang banyak kita beli, kita pergi ambil dan kita boleh bayar, bayar pun kena beratur.

Jadi, sama ada kategori macam ini pun termasuk ada dikenakan cukai perkhidmatan itu dan saya ingin tahu, dan saya percaya dengan jawapan yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat kita selesaikan, kerana banyak kekeliruan yang akan timbul dan selepas ini dapat kita faham mana-mana yang dapat kita,.....

Tuan Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Tuan Hoo Seong Chang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Bentong. Ya, minta penjelasan ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kluang kerana telah membangkitkan perkara ini dan memang ramai penduduk mengharap-harapkan kerajaan dapat mengkaji semula jumlah yang ditetapkan iaitu RM300,000 bagi kedai-kedai kopi ini. Salah satu yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kluang tadi iaitu sama ada cukai perkhidmatan ini sama ada dibayar oleh pihak syarikat kepada kerajaan atau tidak, ramai daripada *consumer*, pengguna tidak tahu sama ada pihak syarikat bayar atau tidak.

Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memastikan semua pengguna diberikan resit kerana kita masuk kedai kopi memang beli satu cawan kopi ataupun beli barang-barang kebanyakannya tidak ada resit, maka kita bayar, bayaran cukai perkhidmatan ini, tapi kita tidak tahu sama ada bayaran itu diberi kepada kerajaan atau syarikat sendiri yang ambil. Tambahan dari itu kita bagi tip lagi kepada restoran-restoran tersebut. Oleh itu saya cadangkan kalau boleh kerajaan perlu memberi galakan kepada semua pengguna dan juga *consumer* supaya mengambil resit apabila membeli barang-barang. Apakah pendapat Yang Berhormat Kluang?

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Pada pandangan sayalah, kalau kita hendak elakkan perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Bentong tadi, sebab kalau RM300,000 setahun ertinya RM25,000 sebulan. Jadi jumlah ini memang kecil dan akan merangkumi banyak kedai mungkin mencapai RM300,000 setahun ini. Jadi saya minta pihak kerajaan supaya menentukan jumlah perniagaan itu supaya sampai satu *level* yang lebih besar supaya kita dapat elakkan kepada orang awam di mana kita ragu-ragu sama ada kedai ini sudah sampai RM300,000 setahun atau tidak. Jadi kalau satu jumlah yang lebih besar agak dapat kita elakkan soal ini.

Dari segi *machinery* ini saya juga mintalah pihak kerajaan supaya kita dapat menjelaskan kepada orang awam, kita hendak tahu bagaimana bayaran cukai perkhidmatan itu memang sampai kepada pihak kerajaan dan tidak diambil oleh kedai yang tertentu ini sahaja. Jadi, itulah perkara yang ingin saya sampaikan, saya harap dapat penjelasan yang lebih lanjut daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila bagi Yang Berhormat Jeli dan selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

3.20 ptg.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Bagi membincangkan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.2) 2002, saya ingin merujuk kepada senario ekonomi yang berlaku dalam negara kita kerana dalam laporan yang terbaru mengatakan bahawa kutipan daripada caruman KWSP telah menurun lebih daripada 20%, melebihi 20% bagi suku tahun ketiga berbanding dengan suku tahun kedua bagi tahun 2002.

Ini dengan sendirinya menggambarkan satu realiti ekonomi yang berlaku di dalam negara kita. Tambahan pula yang dikeluarkan di muka surat depan, muka depan akhbar *The New Straits Times* bertarikh 7 November, *World Bank* telah menyatakan bahawa kerajaan ataupun pihak *public sector* - kerajaan telah berhutang melebihi 70% daripada GDP negara untuk setakat tahun 2001. Kalau ditambah lagi dengan defisit dua tahun berturut-turut 2002 dan bakal dihadapi pada tahun 2003 maka kalau dikira dari sudut itu hutang *public sector* negara kita mungkin sudah hampir mencecah pada tahun 2003 pada kadar hampir 90% daripada KDNK negara kita dan di dalam laporan itu juga telah memberi amaran kepada kerajaan supaya lebih berhati-hati dan secara cepat melarikan diri, mengelakkan diri daripada terus membentangkan belanjawan yang defisit.

Sehubungan dengan itu dengan berdasarkan kepada senario ekonomi yang dibentangkan tadi, maka kerajaan boleh meramalkan keadaan yang bakal kita hadapi pada tahun 2003, tambahan pula *World Bank* sendiri dan juga MIER sendiri telah pun menurunkan kadar *GDP growth* negara daripada yang diramalkan 6% kepada 3.5%. Seolah-olah MIER dan juga *World Bank* hampir-hampir sependapat dari sudut meramalkan GDP negara untuk tahun 2002 ini.

Ini belum lagi mengambil kira beberapa perkembangan yang tidak sihat, yang berlaku pada salah satu pasaran besar negara yakni Amerika Syarikat, di mana keadaan terbaru di mana Gabenor Bank Negara, *Federal Bank Reserve Amerika Syarikat - Mr. Allan Greenspan* menurunkan lagi kadar faedah kepada satu kadar tidak pernah terfikir oleh ahli-ahli ekonomi Amerika sendiri, mereka menjangkakan penurunannya hanya suku peratus, tapi telah diturunkan kepada separuh peratus iaitu 0.5% dengan harapan untuk menjana ekonomi daripada berlaku *double recession* di Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat merupakan pasaran yang kedua terbesar selepas pasaran ASEAN dan jumlah dagangan antara Malaysia dengan ASEAN dan juga Malaysia dengan Amerika Syarikat hampir sama banyak, hampir, kalau lebih ASEAN pun sedikit sangat.

Jadi sehubungan dengan itu saya ingin memberi cadangan dan menasihatkan pihak Kementerian supaya lebih peka dengan masalah-masalah pengusaha dan mereka yang dikategorikan sebagai pemberi perniagaan, pemberi perkhidmatan kerana seperti mana yang kita telah sedia maklum penalti yang dikenakan kepada peniaga-peniaga ini, saya fikir terlalu tinggi bahkan boleh menyamai penalti ataupun *interest* yang dikenakan oleh ceti itu sendiri kerana dalam masa lima bulan atau dalam masa empat bulan penalti yang dikenakan sudah 50%.

Saya fikir pinjaman bank atau pinjaman mana-mana sekalipun kalau kita buat dalam bentuk tahunan hanya sekitar, sekarang ini 0.5% tapi saya fikir pihak kerajaan hendaklah melihat kepada senario ekonomi yang berlaku sekarang ini kerana apa yang berlaku sekarang ini mereka yang memberikan perkhidmatan ini menghadapi masalah tentang kutipan, mereka sukar untuk mengutip daripada hasil perniagaan mereka, kerana apa yang berlaku sekarang ini kebanyakan peniaga ini yang masih *survive* dengan izin bergantung kepada kerja-kerja yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.

Kalau yang bergantung dengan swasta ini tidak termasuk kedai kopilah, saya fikir, tidak termasuk kedai kopi, mereka ini banyak bergantung kepada sektor kerajaan. Kalau bergantung kepada sektor swasta, kutipan cukup sukar kerana mereka yang menggunakan khidmat-khidmat perunding ini mereka sendiri pun menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman, kerana apa realiti yang berlaku sekarang ini, bank-bank hanya memberi pinjaman

kepada satu perkara yang boleh ada *collateral*, umpamanya pinjaman perumahan, pinjaman kereta.

Benarlah bank-bank ini telah menurunkan kadar faedah untuk kadar pinjaman perumahan dan pinjaman kereta, tetapi pinjaman ini tidak memberi pulangan yang produktif kepada ekonomi negara. Sebab itu dalam mereka hendak menjanakan projek, mereka sukar mendapat pinjaman-pinjaman daripada pihak bank dan kalau dapat pun lambat dan di antaranya banyak syarikat yang mendapat projek kontrak secara *deferred payment*, yang mendapat *deferred payment* ini kadang-kadang dua tahun baru dia dapat bayaran dia balik dan yang menjadi mangsa ialah perunding-perunding.

Kadang-kadang perunding diberi janji bayaran semasa dia dapat bayaran. Selagi mana dia tidak dapat bayaran sangat sukar untuk kontraktor-kontraktor yang mendapat *deferred payment* ini untuk menjelaskan bayaran-bayaran ikhtisas kepada perunding-perunding yang terlibat. Ini banyak berlaku terutama bila Jabatan Kerja Raya khususnya yang memberikan pembinaan jalan-jalan yang sebagainya secara *deferred payment*.

Jadi saya memohonlah kepada pihak kerajaan kalau misal kata, kalau kerajaan sudah terambil wang daripada peniaga, terambil dan dibayar balik. Saya fikir kerajaan tidak dikenakan apa-apa penalti dan juga *interest*, faedah oleh peniaga atau pengusaha itu sendiri. Jadi kalau misal kata peniaga itu sendiri dikenakan penalti yang besar saya fikir ini tidak selari dengan keadaan ekonomi yang ada. Adalah lebih baik saya menasihatkan dan juga mencadangkan kepada pihak kerajaan kalau hendak dikenakan penalti biarlah hampir-hampir selari dengan kadar faedah yang dikenakan oleh bank itu sendiri.

Saya faham dan saya sedar memang sekarang ini Jabatan Kastam dan Eksais Diraja merupakan jabatan yang kedua terbesar dari sudut kutipan hasil untuk negara, dan kita pun sedar memang negara memerlukan hasil-hasil untuk membiayai pembangunan dan juga pengurusan negara. Itu kita sedar, kita tidak nafi. Sesiapa jadi kerajaan pun mereka terpaksa. Cuma sekarang ini kerajaan mungkin boleh melebarkan sektor-sektor yang boleh dikenakan cukai. Tambahan pula saya mungkin ingin menyatakan kepada Yang Berhormat saudara saya daripada Kluang, yang sebenarnya, kalau dahulu mana-mana syarikat yang memperolehi perolehan melebihi daripada setengah juta, tetapi sekarang ini sebenarnya RM150,000. Mana-mana syarikat perkhidmatan yang mendapat hasil mencecah RM150,000, mereka sudah dikategorikan sebagai syarikat yang layak untuk dikenakan cukai perkhidmatan.

Jadi, ada beberapa hal tertentu terutama syarikat-syarikat dalam negara yang berdepan, yang terpaksa berlawan dalam sudut memberi perkhidmatan, dalam sudut memberi khidmat perkhidmatan. Maknanya, dia kategorikan khidmat perkhidmatan ini kadang-kadang tidak berapa *clear*. Kadang-kadang dia agak *vague* kerana kita dapati dalam beberapa hal tertentu mereka yang menjalankan perniagaan yang berjenis sama, mungkin kadang-kadang perkara ini *exposure*, dengan izin, daripada pihak Jabatan Kastam dia tidak sampai, dia tidak faham *exposure* dia. Mungkin kerana kakitangan-kakitangan di Jabatan Kastam itu kemungkinan tidak ada profesional-profesional yang *related* dengan aktiviti-aktiviti tersebut.

Jadi, kemungkinan ada baiknya kementerian boleh memikirkan supaya diletakkan profesional-profesional yang *related* dengan bidang-bidang tersebut. Misal kata, kita senaraikan apakah sektor-sektor dan bidang-bidang yang perlu dikenakan cukai. Jadi alangkah baiknya sebagai satu pasukan – *team*, satu pasukan dalam Jabatan Kastam itu sendiri ada mempunyai pegawai-pegawai dan juga kakitangan, sama ada secara kontrak ataupun secara tetap, sama ada yang sudah pencen, daripada bidang-bidang yang boleh dikategorikan layak dikenakan cukai perkhidmatan, kerana kalau mereka ada, kemungkinan mereka ini boleh memberi pandangan yang lebih *professional*, dengan izin, kerana berlaku dalam beberapa hal tertentu, umpamanya syarikat-syarikat daripada luar negara mereka memberikan satu perkhidmatan, dan syarikat dalam negara juga memberikan satu perkhidmatan yang sama. Tetapi yang anehnya syarikat dalam negara dikenakan cukai, tetapi syarikat yang daripada luar negara ini mungkin mereka berlindung di bawah payung syarikat-syarikat gergasi yang *core business*nya tidak perkara itu, menyebabkan mereka tidak dikenakan cukai. Walhal semasa mereka mengenakan tender, dengan izin, maka bila kita mengenakan tender, sudah tentu kita sukar hendak meletakkan cukai 5%.

Jadi kalau syarikat luar, dia tidak letak 5% - kita letak 5%, sudah tentu kita akan kalah kepada syarikat daripada luar negara. Tetapi oleh kerana syarikat itu mungkin payungnya, umpamanya kita katakan, 'Nispon', umpamanya *Raytheon*, umpamanya *Thales*, di mana mereka ini banyak memberikan khidmat dari sudut perkhidmatan. Yang memberikan khidmat perkhidmatan ini merupakan *subsidiary* dia, menyebabkan dia berpayung kepada *umbrella* syarikat yang tidak dilihat sebagai syarikat yang memberi perkhidmatan. Mungkin kontraktor, mungkin pembekal alat-alat elektronik, mungkin pembekal alat-alat senjata.

Tetapi hakikatnya anak-anak syarikat mereka ini, sama ada bergabung dengan syarikat tempatan dan sebagainya, mereka menjalankan juga khidmat perkhidmatan. Sebab itulah saya memohon kepada pihak kerajaan supaya kalau yang di luar negara itu tidak dikenakan, maka yang dalam negara ini memang mungkin itu *core business*nya, sepatutnya tidak dikenakan, kerana kalau dikenakan maka sudah tentu syarikat yang dalam negara ini tidak boleh bersaing dengan syarikat yang luar negara tersebut. Walaupun payungnya bukan *core business*nya khidmat perkhidmatan.

Dan di samping itu, ada beberapa syarikat yang tersenarai di pasaran saham – Papan Pertama atau Papan Kedua, yang mana *core business*nya bukan khidmat perkhidmatan, tetapi oleh kerana mereka ada juga membuat kerja-kerja seperti ini maka mereka juga hendaklah diintai dan dilihat supaya mereka juga tidak terlepas. Dan satu lagi perkara, kadang-kadang saya fikir banyak pihak tertentu yang tidak jelas dan tidak faham oleh kerana mereka melihat kalau syarikat-syarikat gergasi ini tidak mendaftar diri mereka sebagai syarikat yang layak dikenakan cukai perkhidmatan atas alasan *core business*nya adalah pembekalan, *core business*nya adalah kontraktor, maka saingan dia, pesaingnya daripada negara sudah tentu memikirkan hal yang sama. Kalau yang sana tidak daftar, kenapa dia kena daftar. Sebab itulah kadang-kadang istilah perkhidmatan itu agak tidak *clear*. Mungkin setengah-setengah itu *clear*, kita tahu terang. Tetapi dalam setengah-setengah hal, tidak *clear*.

Umpamanya dalam banyak kes perkhidmatan yang memerlukan sewaan yang besar-besar, kalau sewaan yang besar-besar, sewaan itu merupakan satu bayaran yang dibayar secara mutlak kepada syarikat tersebut – dibayarkan secara mutlak sedangkan bayaran untuk tujuan tersebut tidak dibayar oleh pelanggan kerana kita kena ingat dalam banyak kes, dalam kes kalau tender, kalau dalam banyak kes tender maka saya fikir boleh dikatakan tidak ada orang yang hendak mengenakan cukai perkhidmatan 5% kerana tender, bila dimaksudkan tender mereka mengagak ini sebagai kontrak, bukannya perkhidmatan.

Jadi, sebab itulah saya mohon kepada pihak kerajaan supaya meneliti balik dalam keadaan terutama pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana seperti mana yang telah diberi tahu oleh Tan Sri Dato' Ajit Singh, yang pernah menjadi Setiausaha Sekretariat ASEAN, yang meramalkan sektor-sektor pengusaha kecil dan sederhana Malaysia akan menghadapi masa depan yang agak kabur sekiranya kerajaan tidak memberikan bantuan kepada sektor-sektor ini, kerana kita kena ingat bahawa di dalam negara kita ini, mengikut kajian, 75% GDP ini disumbangkan oleh sektor kecil dan sederhana.

Sebab itulah saya minta, kalau boleh pihak kerajaan memikirkan balik tentang penalti sehingga 50% tersebut, walaupun peniaga tersebut tidak membayar dalam tempoh empat lima bulan supaya diikuti kadar faedah semasa. Itu lebih relevan dengan keadaan semasa kerana bayangkanlah dengan keadaan kutipan yang sukar diperolehi, tiba-tiba terpaksa didenda dengan penalti sebanyak 50%, ini rumit dan menyulitkan. Ini saya sandarkan kepada keadaan ekonomi yang telah dipaparkan oleh laporan-laporan yang saya telah sebutkan, saya nyatakan sumber-sumber laporan tersebut.

Di samping itu, kita juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, dalam kes-kes di mana ada lebih bayaran yang dibuat kepada pihak kerajaan dan kalau boleh pihak kerajaan mesti menetapkan satu tarikh di antara tempoh sekian ke tempoh sekian yang bayaran ini akan diberi balik kepada pembayar tersebut, dan walaupun kita tidak minta faedah tersebut seperti mana yang kerajaan minta faedah kepada peniaga, tetapi biarlah jangan terlalu lama - kalau dua tahun, nilai wang itu sudah jatuh, sudah merosot kerana dua tahun ini, RM1,000 sekarang sudah tidak menjadi RM1,000 lagi dalam dua tahun –

RM1,000 sekarang mungkin sudah menjadi RM750 dalam masa dua tahun lagi. Itu nilai wang tersebut.

Di samping itu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada bersama-sama kita supaya dilihat juga dalam kes-kes yang mana rayuan boleh dibuat ke mahkamah dan saya fikir sendiri kerana perkara mengenakan cukai perkhidmatan ini pun bukan perkara lama, perkara baru kerana kerajaan ingin melebarkan cara-cara hendak mengutip cukai selain daripada hasil pendapatan. Maka saya fikir di mahkamah sendiri pun, sama ada hakim-hakimnya juga belum begitu arif – banyak lagi takrif-takrif yang masih belum *clear*, terutama yang melibatkan perkara-perkara yang profesional – perkataan-perkataan teknikal ini. Sebab itu saya cukup bimbang kita takut keputusan-keputusan yang dibuat itu tidak berdasarkan kepada kefahaman sejati, lebih kepada nama syarikat daripada kefahaman tentang kes itu sendiri. Begitulah daripada saya. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Wassalam. Ya. Timbalan Menteri jawab.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan untuk rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Semua Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai masalah-masalah pembayaran dan juga masalah pelaksanaan cukai perkhidmatan dan selepas itu juga terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan beberapa cadangan untuk memperbaiki sistem pembayaran dan juga sistem kutipan cukai perkhidmatan. Bagi pihak kerajaan dan Perbendaharaan, saya hendak merakamkan ribuan terima kasih dan beberapa cadangan yang difikirkan cukup membina kita akan memberikan perhatian yang serius.

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan sekali lagi bahawa bukan semua restoran diberi hak untuk mengutip cukai perkhidmatan. Cuma mereka yang dilesenkan oleh kastam sebagai ejen baru berhak mengutip cukai perkhidmatan daripada pelanggan. Dan mereka yang dilesen dikehendaki juga mempamerkan lesen di tempat perniagaan mereka, di tempat yang cukup *prominent* supaya pelanggan dapat periksa dengan mudah sama ada perniagaan ini telah dilesenkan oleh pihak kastam sebagai ejen untuk mengutip bagi pihak kerajaan apa jua cukai khususnya cukai perkhidmatan yang saya maksudkan.

Yang Berhormat dari kawasan Batu menyentuh tentang cara kutipan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading.

Dato' Chan Kong Choy: Ya, terima kasih, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya jelas dengan jawapan Yang Berhormat, jelas, terang dan faham tetapi tidak pernah saya nampak dekat restoran lagi benda itu, tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak nampak lesen ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak nampak, saya semenjak jadi Ahli Parlimen Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun duduk hotel, saya tidak ada rumah di sini Tuan Yang di-Pertua, duduk hotel. Belum berani berumah di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak nampak, tidak nampak. Kerana rata-rata mana pergi restoran kena bayar cukai perkhidmatan. Kami tidak nampak beza. Semua restoran dia ada cukai perkhidmatan. Ini yang berlaku dalam masyarakat kita. Jadi apakah

ada penipuan, terang-terang 5% duit rakyat pergi kepada mereka yang melakukan. Boleh dikatakan penipuanlah Tuan Yang di-Pertua, boleh katalah, itu kalau tidak menipu hendak kata lagi, penipulah! Jadi apa yang digambarkan oleh Timbalan Menteri tidak nampak oleh sekurang-kurangnya oleh sayalah, tidak tahulah kalau yang lain nampak, tetapi itu gambarannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin. Sebelum saya dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan saya tidak memberikan perhatian sama ada sesuatu perniagaan ini telah dilesenkan oleh pihak Kastam untuk mengutip cukai perkhidmatan. Tetapi setelah saya dilantik, semasa saya masuk restoran-restoran ataupun perniagaan-perniagaan yang berkenaan saya selalu memberikan perhatian dan memastikan sama ada perniagaan ini telah pun dilesenkan dan saya dapati kebanyakan daripada mereka yang telah dilesenkan pameran lesen di tempat yang cukup *prominent*. Ini pengalaman saya, dan kalau sekiranya Yang Berhormat pada satu masa kelak bila berjumpa dengan restoran-restoran yang telah dilesenkan dan tidak mempamerkan lesen itu saya haraplah semua ini dapat dilaporkan kepada pihak Kastam dan kita akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian.

Saya hendak menegaskan ini di Dewan yang mulia ini iaitu adalah merupakan hak pelanggan untuk memastikan sama ada sesuatu restoran ini sudah dilesenkan oleh pihak Kastam, sebelum membayar cukai perkhidmatan. Ini memang merupakan satu hak pelanggan dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat bersama pihak kerajaan khususnya pihak Kastam dapat memberikan dan menyebarkan maklumat ini seluas-luasnya kepada pelanggan-pelanggan demi kepentingan mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang cara kutipan dan juga cara pemantauan cukai perkhidmatan, sesuatu pemegang lesen dikehendaki supaya mengikrar cukai perkhidmatan dalam penyata bulanan kepada pihak Kastam, dan seterusnya membayar cukai kepada pihak Kastam dan pihak Kastam juga menjalankan *post audit* dengan izin, bagi menentukan dan memastikan sama ada cukai perkhidmatan yang telah dikutip itu dibayar dengan betul. Selain daripada itu pemeriksaan akaun kepada mereka yang telah dilesenkan itu juga akan dijalankan oleh jabatan Kastam sekali dalam dua tahun. Dan saya hendak menegaskan di sini sekali lagi bahawa jika gagal membayar cukai perkhidmatan kepada pihak kerajaan selepas ataupun setelah mengutip cukai perkhidmatan daripada pelanggan adalah merupakan satu kesalahan yang serius dan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan, pelbagai tindakan boleh diambil terhadap mereka yang gagal membayar ataupun menjelaskan bayaran kepada kerajaan. Selain daripada langkah-langkah ini termasuk tindakan *criminal* boleh diambil di bawah Seksyen 29 (A), tindakan *evasion* juga boleh diambil di bawah Seksyen 32 dan selain daripada itu mereka juga akan dikenakan penalti daripada 10% hingga 50% di bawah Seksyen 16 dan adalah mandatori bagi pihak yang telah dilesenkan supaya mengeluarkan invoice dan resit kepada pelanggan. Dan biasanya pembayaran cukai perkhidmatan ini akan dituntut dalam resit ataupun invoice selain daripada cukai ini telah dimasukkan ataupun dicantumkan sekali dengan nilai barangan ataupun nilai perkhidmatan yang dibekal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli. Sila Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, kita fahamlah apa yang Timbalan Menteri bagi tahu maknanya dalam kes cukai tersebut dikutip tetapi lesennya tidak ada. Ini memang satu kesalahan besar saya fikir. Tetapi bagaimana halnya lesen tidak pernah dipohon dan cukai tidak pernah dikutip dan sama ada ianya dikategorikan sebagai syarikat yang layak atau tidak layak - itu masih kabur. Macam mana dalam kes seperti ini, adakah ianya terpaksa dikenakan penalti juga kerana kes itu pun masih kabur. Syarikat yang tidak mendaftar dan pernah mengutip cukai - kalau boleh Timbalan Menteri beri penjelasan tentang keadaan ini. Keadaan tadi patutlah dia kutip - memang masalah, ini dia tidak pernah kutip, dia tidak pernah mendaftar, tetapi tiba-tiba dia dikenakan tambahan dengan penalti. Minta penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Sepatutnya syarikat-syarikat ataupun perniagaan-perniagaan yang dikehendaki berdaftar dengan pihak Kastam di bawah akta dan tidak berbuat demikian, ini memang merupakan satu kesalahan. Tetapi

biasanya pihak Kastam ada memberi kelonggaran, tetapi kita akan memastikan sama ada mereka yang tidak dilesenkan ini pernah mengutip sebarang cukai perkhidmatan. Kalau sekiranya mereka yang tidak dilesenkan tetapi telah mengutip cukai perkhidmatan, dalam keadaan ini memang dia tidak bayar kepada kerajaan kerana dia tidak berdaftar dengan pihak kastam. Maka, ini merupakan satu kesalahan yang cukup serius di mana kita akan mengambil tindakan yang serius juga. Tetapi bagi mereka yang tidak dilesenkan oleh kerana sesuatu sebab mungkin ada mereka yang tidak diberikan nasihat yang betul, mungkin mereka yang tidak dinasihatkan oleh *tax agent* mereka, mungkin ada juga yang tidak mendapat mesej ataupun maklumat yang tepat. Dalam keadaan ini biasanya kita akan memberikan '*leniency*', tetapi selepas itu mereka harus berdaftar dengan pihak kastam dan mengutip cukai perkhidmatan. Tetapi bagi mereka yang telah kutip kita akan mengambil tindakan yang serius supaya mendapat balik apa yang telah dikutip dan kita juga akan mengenakan penalti kepada mereka. Inilah keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyentuh tentang cukai perkhidmatan bagi khidmat guaman yang tidak dibayar *on time* ataupun *default payment* oleh pelanggan. Dalam keadaan ini di bawah Seksyen 14(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kita boleh memberikan kemudahan selama 12 bulan selepas invois dikeluarkan untuk membayar cukai perkhidmatan yang berkenaan.

Tentang diskaun selepas invois dikeluarkan perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Pembayaran cukai boleh menggunakan sistem kontrak di bawah Seksyen 21A, Akta Cukai Perkhidmatan. Permohonan boleh dibuat kepada Pengarah Kastam Negeri dan mesti diluluskan di bawah sistem kontrak. Bayaran ansuran yang telah dibangkitkan juga saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa bayaran ansuran tidak merupakan satu sistem bayaran secara automatik.

Kita membenarkan bayaran dibayar secara ansuran cuma dalam keadaan di mana perniagaan atau orang yang dilesenkan untuk mengutip cukai perkhidmatan gagal untuk mengutip cukai dalam masa yang ditetapkan, dan selepas ini baru kita memberi pertimbangan supaya bayaran ini dibayar secara ansuran dan dia bukan secara automatik. Ini adalah satu cara bayaran yang banyak menimbulkan masalah oleh kerana kita kena mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan bahawa sama ada betulkah cukai perkhidmatan yang dimaksudkan ini betul-betul tidak dikutip oleh pihak yang telah dilesenkan. Maka, kita memang tidak menggalakkan cara pembayaran secara ansuran ini.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga menyeru supaya kita meningkatkan lagi *threshold* kepada perkhidmatan profesional daripada RM150,000 kepada RM300,000. Pihak kerajaan menurunkan *threshold* daripada RM300,000 kepada RM150,000 bagi perkhidmatan profesional adalah merupakan dasar kerajaan untuk melebarkan ataupun meluaskan kutipan hasil kerajaan. Tentang anggaran kenaikan hasil yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, perbandingan kenaikan pungutan cukai perkhidmatan bagi setengah tahun pertama 2002 berbanding setengah tahun pertama 2001 bagi perkhidmatan profesional telah meningkat seperti berikut:

Jenis Khidmat	Peningkatan (%)
Guaman	97
Jurutera	21
Arkitek	23
Juruukur	34
Perunding	39
Pengurusan	79

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan pertanyaan mengenai *grey area*, di mana perkhidmatan juga dikenakan sungguhpun perkhidmatan adalah merupakan jenis layan diri ataupun *self-service*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat cukai perkhidmatan yang dikenakan bukan ke atas perkhidmatan fizikal. Bagi tempat makanan, layan diri cukai perkhidmatan yang dikenakan sebenarnya adalah di atas *provision of meals* dengan izin, perkhidmatan untuk menyediakan makanan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk pelanggan. Perkhidmatan ini sama dengan stesen minyak dan sebagainya perkhidmatan untuk menyediakan satu tempat, satu kemudahan untuk minyak. Maka, *provision of meals* yang memang disediakan oleh kedai makanan walaupun pelanggan kena melayan diri, tetapi khidmat cukai ini bukan untuk khidmat itu, khidmat untuk menyediakan makanan.

Yang Berhormat bagi Kepong sekali lagi membangkitkan cadangan supaya kita mengenakan ataupun melaksanakan sistem VAT. Mengapa tidak VAT? Kita telah memberikan pertimbangan kepada perkara ini dan buat masa ini kerajaan masih belum bersedia untuk mengenakan VAT kerana terdapat banyak implikasi. Antaranya, ia akan membebankan rakyat sebab ianya dikenakan setiap *transaction at consumer level*. Maka kita berpendapat bahawa sistem yang kita jalankan sekarang ini adalah lebih sesuai untuk keadaan Malaysia.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya, apa sebabnya bahawa tunggakan cukai perkhidmatan begitu banyak. Satu faktor yang penting ialah kemelesetan ekonomi dalam dua, tiga tahun kebelakangan ini dan kita harap dengan pindaan yang kita bincang dan bahaskan pada kali ini ke atas hutang lapuk dan setelah pindaan ini diluluskan maka bolehlah dapat kita mengurangkan tunggakan cukai yang tidak dapat dipungut dari pelanggan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya, adakah orang yang bukan bermastautin di Malaysia kena bayar cukai. Jawapannya ialah kena, mereka kena bayar cukai perkhidmatan. Contoh, kalau mereka tinggal di hotel ataupun makan di restoran, mereka bersama dengan rakyat Malaysia mesti bayar cukai. Tetapi sekiranya melibatkan perkhidmatan yang dieksportkan, maka cukai perkhidmatan ini tidak dikenakan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya tentang hutang lapuk, berapa anggarannya. Adalah dianggarkan sebanyak 10% daripada jumlah pungutan cukai perkhidmatan. Misalan, tahun yang lepas iaitu tahun 2001, kita telah mengutip sebanyak RM1.92 bilion, ini untuk cukai perkhidmatan dan biasanya kira-kira 10% daripadanya adalah merupakan hutang lapuk.

Yang Berhormat bagi Teluk Intan bertanya berapa lama diperlukan untuk memproseskan bayaran balik. Biasanya kita memerlukan 30 hari untuk *refund* daripada tarikh sesuatu permohonan dikemukakan kepada pihak Kastam, kalau sekiranya permohonan ini adalah lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki oleh pihak Kastam. Kelewatan selalu adalah kerana butir-butir yang diperlukan ini tidak lengkap semasa sesuatu permohonan dikemukakan kepada pihak Kastam.

Yang Berhormat bagi Kluang bertanya tentang *time frame* bagi mereka untuk memohon bayaran balik ataupun *refund*. Jawapannya adalah permohonan untuk mendapatkan sesuatu bayaran balik mesti dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh 6 tahun. Selepas 6 tahun kita tidak akan memberikan layanan.

Yang Berhormat bagi Kluang juga menyentuh tentang suatu isu yang ramai orang telah memberi perhatian iaitu cukai perkhidmatan dikenakan ke atas restoran, kedai kopi, bar-bar dan lain-lain, di mana telah turun daripada RM500,000 kepada RM300,000. Benar juga selepas kita mengumumkan keputusan baru-baru ini, dalam Bajet 2002, kita telah menerima banyak rayuan daripada pelanggan-pelanggan sendiri, daripada wakil-wakil rakyat. Dalam Dewan ini, ramai ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan perkara ini dan juga kita telah menerima rayuan daripada persatuan-persatuan yang mewakili pengusaha-pengusaha restoran yang berkenaan.

Setelah kita mengkaji, memang kita setuju bahawa berkenaan cukai perkhidmatan kepada restoran di mana *thresholdnya* antara RM300,000 hingga RM500,000, ini akan

membebankan rakyat oleh kerana biasanya mereka yang berpendapatan rendah selalu menjadi pelanggan restoran-restoran ataupun *food outlets* - dengan izin - yang saya maksudkan, maka kita telah buat satu keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan keputusan ini pada 31 Januari 2001.

Sehingga kini kajian masih belum selesai lagi untuk perkara ini. Saya diberitahu oleh pegawai saya daripada pihak Kastam, satu laporan telah pun dikemukakan kepada pihak perbendaharaan dan saya sendiri akan memberi perhatian spesifik kepada perkara ini dan saya harap satu keputusan boleh dibuat oleh pihak kementerian tidak lama lagi mengenai perkara ini.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang kedai *7-Eleven*. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini *7-Eleven* masih belum dilesenkan di bawah cukai perkhidmatan pada masa ini, maka mereka tidak mengutip cukai perkhidmatan. Saya tidak tahu sama ada ini merupakan pengalaman Yang Berhormat, dikenakan juga cukai perkhidmatan di *7-Eleven*. Kalau sekiranya ada, beritahu kepada kita, memang mereka belum lagi dilesenkan.

Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan soalan penalti yang tinggi dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Untuk makluman Yang Berhormat, penalti dikenakan selepas tempoh bercukai dua bulan dan telah berlepas dan biasanya mereka diberi kelonggaran selama 12 bulan lagi untuk memungut cukai daripada tarikh *invoice* dikeluarkan.

Maka, dua bulan campur 12 bulan ini adalah dianggap sebagai satu masa yang cukup panjang bagi mereka untuk mengutip apa yang harus dikutip dan apa yang harus dibayar kepada kerajaan. Ini bagi pihak kerajaan saya berpendapat bahawa ini adalah merupakan satu peraturan yang cukup prihatin dan cukup munasabah.

Penalti ini adalah hanya merupakan satu instrumen bagi kita untuk menggalakkan peniaga membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Penalti ini bukan seolah-olah dikenakan untuk hendak menambah kutipan cukai daripada pelanggan ataupun rakyat, Barisan Nasional cukup prihatin, ini memang bukan (*Disampuk*)

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana kerajaan dikatakan prihatin, jadi kalau dikatakan prihatin mestilah dia selari dengan kadar-kadar faedah yang dikenakan oleh pihak komersial yang lain. Saya fikir Lembaga Hasil Dalam Negeri pun tidak mengenakan cukai penalti begitu tinggi sehingga 50%, tetapi apakah pihak Kastam tidak boleh memikirkan setidak-tidaknya mengikut seperti mana abang kepada Kastam itu sendiri iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana dalam negara ini pengutip cukai terbesar adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi apakah pihak kastam tidak boleh, dengan izin, *follow suit* seperti mana model yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, yakni tidak mengenakan cukai dalam tempoh empat bulan sampai naik 50%. Ini saya fikir terlalu tinggi, kalau empat bulan 50%, [*Ketawa*] berat kepada pengusaha-pengusaha itu hendak cari 50% itu.

So minta penjelasan daripada pihak kementerian - kalau boleh - tolong timbang supaya jangan sampai ke peringkat itu. Kita faham penalti wajib dikenakan kerana kecuaiannya, tetapi sampai 50% itu tidak pernah saya fikir. Ini satu angka yang cukup besar. Sekian terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih atas kefahaman Yang Berhormat mengenai patut kita mengenakan penalti. Kita bukan penalti sebanyak 50% pada kali pertama sahaja. Biasanya selepas tempoh membayar cukai kita akan mengenakan pula penalti secara meningkat: 10% bagi 30 hari yang pertama, selepas itu 10% lagi dalam 30 hari kemudiannya. Apabila pembayar/ejen itu masih degil, kita mengenakan 10% lagi pada 30 hari yang ketiga. Dia degil lagi kita kenakan 10% lagi. Cukup sabar kerajaan! Cukup sabar! Cukup prihatin! Maka bagi saya ini adalah merupakan satu sistem yang cukup baik dan saya harap kalau Kerajaan Kelantan mengenakan penalti kepada rakyat yang gagal membayar cukai bolehlah ikut model ini.

Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda mewujudkan peruntukan baru dalam Akta Cukai-cukai Jualan 1972, Akta 64 bagi melaksanakan dan menguatkuasakan cadangan yang telah diumumkan dalam Bajet 2003 iaitu mengenai penyeragaman kaedah penilaian barangan buatan tempatan dengan barangan yang diimport serta mewujudkan peruntukan baru bagi membenarkan tuntutan pulang balik cukai jualan ke atas hutang lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mempunyai tujuh fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyentuh mengenai permulaan tarikh kuat kuasa pindaan Akta 64 iaitu mulai 1 Januari 2003.

Fasal 2 untuk meminda Seksyen 71 dan 72 bagi tujuan membatalkan kaedah penilaian cukai jualan semasa ke atas barangan buatan tempatan supaya dapat diseragamkan dengan barangan import melalui peraturan yang akan dibuat di bawah akta.

Fasal 4 untuk mewujudkan seksyen baru 31(c) dan 31(d) ke dalam Akta 64 bagi membenarkan pulang balik cukai jualan yang telah dibayar jika sekiranya cukai berkenaan tidak dapat dipungut daripada pihak pelanggan dan telah diakaunkan sebagai hutang lapuk.

Fasal 3, 5 dan 6 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit berikutan dengan kewujudan seksyen baru 31(c) dan 31(d) mengenai hutang lapuk; dan Fasal 7 adalah pindaan kecil yang berbangkit daripada pindaan terhadap 71 dan 72 akta mengenai kaedah penilaian cukai jualan ke atas barangan keluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.16 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ingat Tambun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Kepong ya? Baik, terima kasih, terima kasih. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana ini adalah serupa dengan rang undang-undang yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang sedikit pun tidak apalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang sedikit pun tidak apalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik, saya akan panjangkan kalau dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang sedikit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Panjang sedikit sahaja? Baik, baik terima kasih [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas kita nampak cukai jualan yang tertunggak ialah RM75.7 juta dan ini bermakna kita masih perlu meningkatkan usaha untuk mengutip cukai jualan. Walau bagaimanapun, ada beberapa cadangan di dalam bajet tahun depan untuk memperbaiki keadaannya. Dan di sini saya nampak Fasal 4 sebenarnya serupa dengan pindaan ke atas Rang Undang-undang Perkhidmatan yang diluluskan tadi iaitu untuk menangani masalah hutang lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam cadangan bajet tahun hadapan, kertas berkualiti tertakluk kepada duti import 5% atau 10% dan cukai jualan 10% manakala buku dan lain-lain bahan bacaan tidak dikenakan sebarang cukai. Ini tidak menggalakkan percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan di dalam negara. Adalah baik bagi menggiatkan lagi industri percetakan dan membantu mengurangkan kos percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan dalam negara. Dan juga cadangan duti import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti dimansuhkan.

Dan di sini saya nampak ada kod sedikit sebab ini sangat rumit. Saya pun tidak tahu nombor kod tarif 4810. Saya biasanya tiap-tiap tahun ada bangkitkan hal mengenai kod tarif dan deskripsi barangan seperti di sini, Tuan Yang di-Pertua:

- *Paper and paperboard, coated on one or both sides with kaolin or other inorganic substances with or without a binder and with no other coating, whether or not surface-colored, surface-decorated or printed in rolls, rectangular including square sheets of any size.*
- *Paper and paperboard of a kind used for writing, printing or other graphic purposes not containing fibers obtained by a mechanical or chemi-mechanical process or of which not more than 10% by weight of the total fiber content consists of such fibers".*

Saya seronok juga kerana ini ada beberapa kod lagi, 4810, 1013, 110, 190, 900 dan sebagainya. Saya mengalu-alukan kalau kita hendak mencapai satu masyarakat yang mempunyai rakyat yang suka membaca dan seterusnya meningkatkan pengetahuan. Ini memang baik, dan biasanya apabila kita beli buku Inggeris, kerana saya percaya yang

paling banyak buku yang berkualiti dan bukan berkualiti di dunia ini ialah yang dalam bahasa Inggeris.

Misalnya, baru-baru ini saya meneliti apabila kita beli buku, misalnya *paperbacks* sahaja, dua tiga kali ganda. Kalau dibeli di KLIA misalnya dan kalau berbanding dengan buku yang sama di United Kingdom - kita nampak sangat - dan kalau kita boleh menggalakkan hal seperti ini, duti import dan sebagainya dikecualikan, dimansuhkan dan sebagainya, mungkin kita akan dapat buku-buku yang lebih murah di negara ini dan juga menggalakkan rakyat Malaysia untuk menulis buku dengan lebih banyak. Sekali lagi kita berharap percetakan buku dan lain-lain bahan bacaan di dalam negara akan meningkat.

Selain daripada mengurangkan kos percetakan buku dan pemansuhan duti import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti, kita mestilah, Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan suasana yang baik, suasana untuk pembelajaran, pengajaran dan juga untuk menulis buku. Peningkatan pembelajaran bahasa Malaysia memang perlu, bahasa ibunda dan bahasa Inggeris merupakan faktor yang penting. Seseorang yang fasih dalam bahasa Inggeris mempunyai lebih banyak peluang untuk mendapat pengetahuan dari internet dan lebih 80% adalah di dalam bahasa Inggeris termasuklah ilmu pengetahuan ada kena-mengena dengan Islam pun ada dalam internet. Lebih 80% adalah dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana semua Ahli Parlimen setuju dengan keperluan untuk mempelajari bahasa Inggeris. Sekarang kita tidak tahu kaedah yang paling baik untuk mengajar bahasa Inggeris, sama ada untuk mengajar dengan mata pelajaran semata-mata di dalam bahasa Inggeris ataupun ditambah pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa tersebut. Saya tidak tahu kaedah mana yang lebih sesuai.

Sebab itulah saya berharap pihak kerajaan akan lebih terbuka, sanggup mempertimbangkan alternatif. Bukan saya hendak teliti semuanya, cuma untuk mengambil peluang ini bagi sama-sama kita mewujudkan satu suasana yang lebih sihat untuk semua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak berucap, bangunlah! Jangan berucap semasa duduk!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya! Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya nampak memang dalam satu dua minit saya akan terangkan, bukan hendak ambil kesempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, saya bukan tegur Yang Berhormat. Saya tegur Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, ya!

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana? Tidak main-main! Serius, Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak cakap, bangun! Hendak minta laluan?

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang saya nampak kerajaan sudah membuat keputusan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris bermula dari Tahun 1 sekolah rendah untuk Januari tahun hadapan, termasuk formula 243 untuk SJK(C) dan SJK(T), dan masa pengajaran bahasa ibunda pun dikurangkan sebanyak satu jam setengah seminggu.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang lain pun ada pendapat macam mana kita boleh memperbaiki keadaan dan cadangan-cadangan yang saya dapat ada dikemukakan. Saya pun pernah kemukakan supaya kerajaan pilih sekolah-sekolah yang boleh mewakili kawasan-kawasan dan kita mula dengan kaedah yang berbeza untuk melihat kaedah mana yang lebih berkesan. Saya nampak Lim Kit Siang pun ada formula 123 pula.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua,

Dr. Tan Seng Giaw: Ha!

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tambun, Tambun, kita bersama-sama wujudkan...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Halaman 110...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ini 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa ini buku?

Dr. Tan Seng Giaw: Apa?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta tumpu kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Speaker.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: ...akta ini. Ini sudah cerita bahasa Inggeris, apa semua.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ha, ha. *[Disampuk]* *Standing Order* pula. Dia tidak sebutkan....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tidak bagi dia peluang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat mana satu?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Seorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja dibenarkan bercakap. Yang Berhormat bagi Kepong jauh sangat dia bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jauh!

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tentang bahasa Inggeris, pelaksanaan bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak jauh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jauh!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, jadinya halaman 110 ini, Budget 2003 ini, pemansuhan duti import dan cukai jualan ke atas kertas berkualiti. Kalau tidak ada buku, saya ada satu simpanan di sini. Ha, ada lagi! Ha, bagilah dia tengok sedikit *[Meminta bentara menyerahkan buku kepada Yang Berhormat bagi Tambun]* *[Ketawa]* sebab dia tidak tahu hal yang sebenar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, saya hendak hantar bagi dia tahu sedikit.

Seorang Ahli: Hantar, hantar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hantar kepada siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Kepada Yang Berhormat bagi Tambun *[Ketawa]* kerana dia menggunakan Peraturan Mesyuarat yang salah. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Macam mana maksud *paper* ini. Saya baca sekali lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak menggalakkan pencarian buku dan lain-lain bahan bacaan di dalam negara dan kita hendak menguasai bahasa Inggeris pun dengan maksud, hendak menggalakkan rakyat Malaysia menulis dengan lebih banyak buku dan juga membaca dengan lebih banyak. Bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen membaca dan menulis buku, kita mahu semua orang kalau boleh, kalau mampu menulis dan membaca buku dengan lebih banyak, baik untuk negara ini. Dan saya percaya di dalam Kementerian Kewangan pun semua orang rajin membaca dan menulis pula. *[Memandang ke arah pegawai dari kementerian]* Ha, semua senyum sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sebab saya tidak mahu mengambil kesempatan untuk meneliti apa formula 123 ataupun formula 243 dan sebagainya, cuma saya hendak menyeru kita bersama-sama wujudkan suasana yang tepat, persis dan jitu untuk mengadakan suasana yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhirinya, satu lagi di dalam Fasal 4, pulangan balik hutang lapuk dan 31C, 2B. Jika orang yang disebut dalam subseksyen 1B telah menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai, orang itu boleh membuat tuntutan bagi perbezaan antara cukai jualan yang telah dibayar dengan amaun yang dihitung mengikut formula yang berikut: $a \div b \times c$ di mana:-

- 'a' ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai itu;
- 'b' ialah nilai jualan barang kena cukai itu campur cukai jualan yang kena dibayar; dan
- 'c' ialah cukai jualan yang kena dibayar.

Ini kerana satu formula walaupun bukan 123 ataupun 243 tetapi formula pun rumit. Saya tidak faham. Begitu juga saya nampak formula yang sama di dalam pembayaran semula pulang balik itu, 31D: $(a) \div (b) \times (c)$. Di dalam itu serupa juga. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita macam mana formula ini boleh digunakan untuk maksud dan tujuan rang undang-undang ini.

Seterusnya mengenai penilaian cukai jualan bagi barangan pembuatan tempatan. Ini memang penting mengikut kaedah WTO, 107. Saya harap Yang Berhormat bagi Tambun jangan gunakan Peraturan Mesyuarat lagi. Ini ada di dalam buku kita. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata tadi sedikit, sekarang banyak juga ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi kata sedikit tetapi banyak juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, ya! Saya ada sedikit, saya akan menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Akan gulung, akan gulungkan sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya masih belum minta Yang Berhormat gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, ya, okey!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya hendak tegur sebab yang kata sedikit sahaja tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Sedikit sahaja, ya, ya, ya! Pada masa ini, nilai barangan import bagi tujuan pengiraan cukai jualan adalah sama dengan nilai yang digunakan untuk mengenakan duti import. Nilai barangan import ditentukan mengikut kaedah penilaian *World Trade Organization* yang berdasarkan nilai transaksi. Nilai transaksi tidak boleh diubah kecuali mempunyai bukti. Bagi barangan pembuatan tempatan, penentuan nilai bagi

maksud cukai jualan adalah berdasarkan penilaian konsep nasional yang menggunakan harga pasaran terbuka, di mana nilai barangan boleh dinaikkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Tanggungjawab membuktikan harga pasaran terbuka terletak di pihak penilai.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah penilaian yang berbeza boleh menjadikan barangan pembuatan tempatan dikenakan cukai jualan yang lebih tinggi. Ini memang satu perkara yang tidak baik dan saya setuju bahawa bagi mengurangkan beban cukai jualan barangan pembuatan tempatan serta meningkatkan daya saingnya, adalah dicadangkan kaedah penilaian bagi barangan tersebut diseragamkan dengan kaedah penilaian barangan import yang berdasarkan nilai transaksi.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu buat, bukan sahaja mengurangkan cukai jualan, bahkan kita mesti teliti sebab barang-barang tempatan kita belum lagi boleh bersaing dengan semua orang termasuklah dengan negara China. Sekarang sangat kuatlah di dalam membuat barangan untuk eksport secara berskala besar. Di sinilah, kita perlu meninjau keadaan dan mengadakan satu sistem yang lebih sempurna untuk menggalakkan pembuatan tempatan supaya kita dapat bersaing dan secocok dengan syarat-syarat tersebut. Di sinilah, saya sekali lagi ingin menyeru supaya pihak kerajaan boleh mempertingkatkan usaha untuk mengkaji di mana kilang tempatan yang lebih sesuai untuk Malaysia. Kalau kita nampak, banyaklah terutamanya perabot, banyak kilang ditutup, diberhentikan kerana tidak dapat menyaingi dengan negara-negara seperti China.

Di sinilah letaknya tanggungjawab kita semua untuk membuka pasaran yang baru, untuk mengadakan kilang-kilang jenis yang baru supaya pembuatan tempatan dapat dipelbagai dan dipertingkatkan hasilnya. Saya berharap cadangan saya diterima dan kita bersama-sama memajukan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

4.38 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membahas tentang pindaan kepada Akta Cukai Jualan (Pindaan) (No. 2) 2002. Memang daripada pindaan ini, nampaknya pihak kerajaan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh para peniaga, yang mana mereka sudah bayar cukai terlebih dahulu dan kemudian mereka hadapi masalah bahawa, kutipan wang daripada jualan yang telah diadakan, telah jadi hutang lapuk. Ini satu beban kepada mereka dan ini boleh dikatakan pihak kerajaan prihatin tentang hal ini dan satu perkara yang baik. Saya memang sokong.

Di sini, saya ingin minta pihak Kementerian Kewangan terutama Jabatan Kastam tentang pihak Kastam pernah keluar surat kepada *Malaysian Bakery Biscuit Confectionery dan Mee Merchant Association* pada tahun 2001, 6 Jun, iaitu nasihatkan supaya semua pengusaha meehoon, kuetiau dan mee kuning yang masak supaya mereka pohon lesen cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan dan tentang hal ini, dalam surat itu ada katakan kerana sebelum ini, mereka dikenakan surat amaran supaya bayar tunggakan daripada tahun 1998 hingga 2000. Dalam surat itu, kata ditanggihkan.

Saya ingin tahu, setakat ini sama ada ia ditanggihkan atau dimansuhkan sekali gus, tidak pungut cukai tunggakan. Di sini, saya ingin bertanya, kerana tadi telah dibahaskan Akta Cukai Perkhidmatan dan sekarang Akta Cukai Jualan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti misalnya meehoon *cook instant*, kuetiau dan mee kuning, dikira sudah masak. Sebab itu, pihak Jabatan Kastam kenakan cukai jualan lima peratus, daripada pengilang jual kepada pembeli. Pembeli kena bayar 5% untuk barangan yang mereka beli. Dikira pihak pengilang, ia kutip cukai itu bagi pihak Jabatan Kastam. Selepas itu, pembeli itu dia jual.

Kalau dijual di sebuah restoran yang mana jumlah perniagaannya lebih RM500,000, dia kena lesen cukai perkhidmatan, lima peratus lagi. Adakah ini satu perkara yang mana menimbulkan *double taxation* atas satu barang iaitu seperti mee sudah dikenakan cukai jualan lima peratus, kerana dikira adalah barangan yang sudah masak, ada satu perkhidmatan yang telah diberikan dan sudah dipungut lima peratus. Kemudian, bila dijual, sama ada layan diri atau dilayan di restoran, perlu bayar cukai perkhidmatan lima peratus. Adakah ini menimbulkan *double taxation* terhadap suatu barang? Yang kedua,

adakah ini satu beban kepada orang ramai kerana seperti mee kuning, kuetiau dan meehoon ini adalah bahan-bahan karbohidrat yang boleh dikatakan dimakan oleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu mee sama mee kuning, ada bezakah?

Tuan Chang See Ten: Memang mereka kata ada beza. Di sini ada sebut kuetiau.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, bukan, soalan kata mee. Tadi, Yang Berhormat sebut mee, mee kuning.

Tuan Chang See Ten: Ya. Mee kuning *cook*, meehoon dan kuetiau. Ya, Tuan Yang di-Pertua, terang tidak tentang tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskanlah.

Tuan Chang See Ten: Teruskan? Ia ada ia punya kod. Kalau kuetiau Kod 190230900, yang mee kuning *cook* – 190230100 – meehoon *cook instant* – 190230210. Semua lima peratus, dikenakan cukai kerana dikira ini adalah sudah masak. Sebab itu, saya tanya ini masak bila diproseskan, kena lima peratus. Bila jual, lima peratus lagi. Cuma nama tukar kepada cukai perkhidmatan. So, bagaimana ini sudah jadi satu beban orang ramai dan ini adalah bahan karbohidrat yang diperlukan oleh orang ramai dan dimakan oleh rakyat biasa berbilang kaum. Sama ada kita perlu hapuskan cukai ini kerana ini adalah makanan orang ramai dan seperti yang saya pernah bahas di sini, minta supaya tauhu dikecualikan pada masa dahulu dan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tolong, sudah hapuskan semua cukai jualan terhadap barang-barang yang diperbuat daripada soya bean, semua dihapuskan kerana itu ada *protein*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Chang See Ten:....*vegetable protein* yang penting untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mahu faham peraturankah?

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat kata, Timbalan Menteri tolong. Jadi, permintaan itu dihapuskan.

Seorang Ahli: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat kata, atas desakan Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri hapuskan cadangan Yang Berhormat itu.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, bukan atas desakan saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan Yang Berhormat hendak....

Tuan Chang See Ten: Bukan atas desakan saya. Saya bawa perkara ini dalam Parlimen. Saya bawa, bukan disebabkan saya. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sangat prihatin. Dia terus ambil keputusan bahawa ini adalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jika Yang Berhormat tidak bawa, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu. Baiklah. Hentikan perkara inilah. Teruskan ucapan.

Tuan Chang See Ten: Ya, Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama berusaha untuk menjaga kepentingan orang ramai. Saya sebagai wakil rakyat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cuma membantu Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun banyak tolong, memberikan banyak nasihat kepada saya, kerana dapat dwi penjual di kawasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:Parlimen Senai yang mana mereka pun menghadapi masalah. Oleh kerana Yang Berhormat Speaker tidak ada peluang hendak cakap, sebab itu nasihatkan saya, kalau boleh dalam Parlimen pun bawa perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan kata saya tidak ada peluang bercakap. Saya sentiasa jumpa Timbalan Menteri, maklumkan masalah rakyat kepada mereka.

Tuan Chang See Ten: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama usahalah. Sebab itu, pihak Kementerian Kewangan sudah hapuskan semua cukai jualan atas bahan-bahan yang diperbuat daripada soya bean ini kerana termasuk tempe sama, semua sekali. Saya harap sama ada kali ini boleh timbang untuk menghapuskan cukai jualan atas mee kuning *cook*, meehoon *cook instant* dan kuetiau *cook* supaya tidak jadi dua kali kenakan cukai kepada satu bahan makanan, kerana ini dikirakan suatu beban kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya ingin minta supaya tindakan untuk bayar balik kepada pihak yang meminta supaya cukai yang mereka sudah bayar tetapi itu adalah kerana hutang lapuk, mereka minta pulangkan, saya harap boleh dapat dikembalikan kepada pihak pemohon secepat mungkin.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun, selepas Tambun, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

4.48 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya menyokong Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Kita tahu bahawa cukai jualan dikenakan di atas sebahagian makanan dan sebahagian tidak dikenakan. Jadi, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, dalam keadaan ekonomi sekarang ini, ada orang berhenti kerja, ada yang kena potong gaji dan sebagainya, mana-mana cukai jualan ke atas makanan terutama yang digunakan oleh masyarakat, dapat kerajaan timbangkan. Kalau tidak dihapuskan langsung, dikurangkan daripada lima peratus kepada kadar yang lebih bawah.

Mengenai dengan akta ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan pemulangan balik cukai jualan. Saya tidak jelas daripada sistem ini. Mungkin daripada ini, dapat saya gambarkan bahawa cukai jualan ini ada dua bentuk. Satu, dalam bentuk jualan yang dibuat secara *cash* dan satu secara *accrual*, dijual berhutang, ada *debtors* dalam *balance sheet* syarikat dan yang pemulangan baliknya adalah berkaitan dengan pendapatan untuk tujuan cukai dibuat secara *accrual*. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana tidak begitu jelas.

Sekiranya kalau dikatakan hutang lapuk kalau dibayar secara *cash* sudah tidak ada berhutang, hutang lapuk ini bermakna jual secara berhutang. Jadi sehubungan itu sekiranya sesuatu firma dia mengutip jualan *cash* dikenakan cukai jualan 5%. Kemudian lagi satu dari segi *actual* dia belum lagi dapat pendapatan tersebut untuk diisytiharkan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kemudian dia juga kena membayar cukai. Jadi, nampaknya semacam tidak seimbang kalau itu berlaku. Bermakna yang menjual secara berhutang ini lain kaedah untuk pembayaran cukai tersebut.

Di samping itu dari segi pembayaran dipulangkan balik oleh kerana hutang itu hutang lapuk *write-off* di dalam *profit and loss*, kemudian pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri memulangkan semula. Kemudian hutang tersebut dikutip balik ini bermakna kena bayar balik kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi dari segi kaedah ini siapa yang

bertanggungjawab dalam soal ini, adakah pihak firma yang membayar ataupun dari segi orang yang memungut dan sekiranya firma ini diam sahaja macam manakah mekanisme supaya pemulangan balik berlaku.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sekarang ini dunia sudah memasuki sempadan IT. Manusia menggunakan IT dalam pelbagai bentuk melalui e-mail dan sebagainya. Melalui IT juga hasil dan juga perkhidmatan dibuat. Jadi saya ingin menyentuh mengenai dengan perkara ini kerana pada pandangan saya perniagaan serta perkhidmatan melalui IT ini akan meningkat daripada tahun ke setahun. Sekiranya daripada sekarang pihak kerajaan tidak bersedia bagaimana untuk mengutip cukai jualan termasuklah juga cukai perkhidmatan yang *transaction* dibuat melalui *online* melalui IT apabila saiz perniagaan dan perkhidmatan melalui IT menjadi besar dan masa itu kita akan berhadapan dengan masalah untuk mengutip cukai.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi undang-undang kita, dari segi prosedur kita tentang hendak mengutip cukai berasaskan *online sale* dan *on line service* ini, macam mana? Kita tahu melalui *online sale* ini cukup banyak *electronic commerce* cukup banyak, dari segi jualan bermacam-macam jualan. Kadang-kadang melibatkan juga *double taxation* di sini, orang daripada luar negara membeli, jadi perkara-perkara ini yang perlu kita lihat perkhidmatan dalam internet juga begitu banyak. Kalau kita hendak menonton wayang pun ada di dalam internet. Jadi macam mana dari segi cukai, kalau kita pergi ke panggung wayang ada *service tax* tetapi melalui Internet kita menonton wayang. Cukup banyak maklumat dalam internet yang berbentuk jualan dan juga berbentuk perkhidmatan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai dengan perkara itu.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa perbincangan mengenai dengan *sales tax* tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada juga menyentuh mengenai dengan di panggil sebagai *hidden economy* terutama dari segi cukai jualan, konsep *hidden economy* ini banyak berlaku, yang saya maksudkan *transaction* melalui *cash* ini. Banyak laporan menyatakan bahawa apa yang dikutip akhirnya dengan kutipan sebenar oleh *transaction* dilakukan oleh firma dengan pembeli itu berbeza kerana apabila dijual, dikeluarkan resit dan tidak semestinya semua orang mendapat resit tersebut. Jadi, tidak semua orang ataupun tidak semua *transaction* ini yang resit dikeluarkan.

Jadi, dari segi kerajaan macam manakah kerajaan hendak memastikan bahawa semua *transaction* tunai ini 100% *transaction* tersebut cukai 5% ke atas *transaction* tersebut dapat diperolehi dalam bentuk cukai kerajaan. Apakah mekanisme yang dibuat oleh kerajaan. Macam manakah struktur organisasi dari segi pemantauan pelaksanaannya dibuat oleh kerajaan supaya dapat Yang Berhormat maklumkan kepada Parlimen supaya kita tahu perkara ini sama ada dibuat dengan baik atau tidak dan kita berasa amat berpuas hati.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu sahaja perkara lagi iaitu mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang *value-added tax* ini, macam mana dalam konteks negara kita barang yang dibawa masuk kemudian dia membuat *value-added* sedikit sahaja dan cukai dikenakan di atas *value-added* tersebut. Macam mana *practice* di negara kita supaya *consumer* akhirnya mendapat *value* ataupun nilai untuk wang yang dibelanjakan bagi tujuan disebabkan satu-satu *transaction*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian merakamkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

Sebenarnya kebanyakan fasal ataupun pindaan yang dikemukakan adalah pindaan berbangkit ataupun *consequential* atas pindaan kepada Akta Cukai

Perkhidmatan selain daripada satu fasal iaitu mengenai kaedah penilaian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh tentang duti import dan juga cukai jualan ke atas buku dan semua ini harus dihapuskan untuk mewujudkan satu suasana yang baik untuk pelajaran. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong pada masa ini buku ataupun bahan bacaan tidak dikenakan sebarang cukai. Pihak kerajaan memang sedar bahawa adalah sangat penting bagi kita mewujudkan satu suasana seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah bertanya tentang surat kepada pengusaha mee, bihun, kuetiau dan juga mee kuning berkenaan dengan tunggakan cukai jualan, perkara ini masih ditangguhkan lagi. Walau bagaimanapun, kita akan memberikan semasa kita membuat keputusan kita akan berhati-hati supaya keputusan ini tidak akan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada soalan juga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mee?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya memang berharap apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Gelang Patah itu dipertimbangkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu masalah mee.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masalah mee, kuetiau, bihun. Ini memang makanan orang ramai dan memang patut dan munasabah benda-benda daripada kacang soya sudah pun dimansuhkan. Mee mamak, jadi dalam mee mamak ada kena cukai, ada tidak kena cukai. So, satu kalilah, jadi semuanya tidak dikenakan cukai. Itu tauhu tidak kena cukai tetapi mee itu kena cukai. Jadi dimasak di dalam satu kualiti tetapi ada yang kena cukai dan ada yang tidak kena cukai. Jadi, saya fikir ini bulan puasa cerita makan memang sedap, cerita mee mamakkah apa. Saya ingat mee berkat bulan Ramadan, Datuk jawab terus beri mansuhlah, habis cerita. Ini semua orang mesti menyokong. Lagi pun ini Barisan Nasional akan untung, PAS sangat takut sekiranya kita mansuhkan, pasal rakyat semua akan menyokong kita. Kita mendapat sokong rakyat dan PAS 'liau' lah, habislah! [Ketawa]. Saya ingat teruskan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Perkara ini telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Tambun. Saya bersetuju bahawa makanan ini adalah sumber yang sangat penting, sumber protein dan karbohidrat yang penting kepada rakyat. Oleh kerana itu kita akan mengkaji dengan secara serius tentang beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Seperti dahulu apabila Yang Berhormat bagi Gelang Patah mencadangkan supaya makanan yang dibuat daripada soya bean supaya dimansuhkan cukai jualan, kita telah menerima dan maka cadangan yang sama ini kita akan mengkaji dengan semangat yang sama dan saya berjanji bahawa kita akan membuat satu keputusan tidak lama lagi tentang perkara ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga mengatakan bahawa makanan kuetiau dan sebagainya bila dikenakan cukai jualan tetapi masa dijual di peringkat restoran dikenakan cukai perkhidmatan pula. Ini adalah merupakan *double taxation* tetapi ini tidak boleh dikira *double taxation* kerana ia dikenakan di bawah akta yang berlainan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan dan saranan yang dikemukakan beberapa Ahli Yang Berhormat ini adalah untuk mempertahankan kepentingan rakyat. Dalam konteks dan semangat ini kita sedia memberikan pertimbangan yang cukup serius untuk membuat satu keputusan demi menjaga kepentingan rakyat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyentuh tentang cukai jualan yang telah dibayar kerana hutang lapuk boleh dikembalikan dengan segera. Untuk makluman

Yang Berhormat, sekiranya amaun permohonan dan juga dokumen teratur dan lengkap maka dipulang balik seperti mana yang saya janjikan bila saya menjawab dalam perbincangan Akta Cukai Perkhidmatan pulangan balik akan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyentuh tentang cukai jualan dikenakan ke atas mee, bihun dan sebagainya. Perkara ini saya telah pun menjawab tanpa mengemukakan beberapa cadangan, pandangan dan meminta penjelasan. Sekali lagi saya hendak meminta maaf kerana ini masalah pendengaran masih berterusan kerana Yang Berhormat bercakap begitu lembut maka terdapat beberapa perkara yang saya kurang dengar tetapi saya akan bergantung kepada maklumat yang diberikan kepada saya oleh pegawai-pegawai saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Dato'. Satu pertanyaan yang mudah, ini pau kena cukai atau tidak, Dato'? *[Ketawa]*

Dato' Chan Kong Choy: Apa pau?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pau, macam pau Air Hitam di kawasan saya memang terkenal sedap, satu Malaysia kenal. Pau Tanjong Malim..

Seorang Ahli: Oh! pau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kuih paulah, ada nama lainkah? Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, ada nama lainkah ataupun pau juga?

Tuan Mohamad bin Sabu: Apam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apam lain, ini kuih pau

Seorang Ahli: Apam kukus! *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apam lain. Timbalan Menteri Penerangan punya apam lain. *[Ketawa]* Pau ini ialah satu makanan yang digemari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dekat Air Hitam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dekat Air Itam sedap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cuma satu kedai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu satu kedai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat dia membekalkan pau untuk Batu Pahat dan Kluang. Kita sentiasa apabila lalu di kawasan sana kita memang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang di kedai itu memang sedap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ingin.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Air Hitam dalam kawasan Parlimen Sri Gading. Memang yang sedap-sedap semua dalam Parlimen Sri Gading. Senai tidak ada semua ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan cabar saya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan cabar, saya menceritakan tentang pau. Saya hendak minta.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pau saya kalahlah, yang lain saya boleh menang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey [*Ketawa*] terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat sama ada pau ini dikenakan cukai bergantung kepada tempat yang menjualkan pau itu, kalau pau itu dijual di restoran di mana *threshold* nya melebihi 500,000 setahun, ia dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 5% dan sebaliknya ia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun bertanya tentang cara kutipan cukai jualan secara online, perkara ini masih dalam kajian pihak kementerian oleh kerana ini merupakan satu perkara yang baru. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini untuk perhatian kementerian.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang mekanisme untuk pulang balik cukai jualan yang dianggap telah lapuk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengilang yang telah menjual produknya wajib menjelaskan cukai jualan yang terlibat sama ada jualan tunai ataupun jualan kredit dalam tempoh 28 hari selepas tempoh bercukai iaitu selama dua bulan dan dari tarikh invoice dan sekiranya kemudian tidak dapat pungut, maka kerajaan akan beri *refund* atas permohonan kes-kes yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga menyentuh tentang mekanisme ataupun...
.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa cukai jualan ini perlu dibayar, sama ada syarikat menjual cara tunai ataupun cara hutang, dari segi kerajaan, tidakkah kerajaan meletakkan syarat yang berbeza antara yang tunai dengan yang hutang ini, kerana kita tahu yang hutang ini dia jual secara hutang. Dia tidak ada duit lagi, kemudian dia bayar tunai berdasarkan kepada jualan, bermakna kalau firma yang jual secara tunai dapat RM1 juta, yang jual secara hutang dapat RM1 juta, jadi ia berbeza,. Jadi tidakkah kerajaan membuat perbezaan dari segi peraturan pembayaran, juga dari segi kadar bayaran tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Memang setakat ini kita tidak membuat perbezaan, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa perbezaan ini akan mendatangkan *effect* yang besar kepada pihak yang berniaga, kita akan juga memberikan kajian tentang perkara ini.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang mekanisme ataupun pemantauan oleh kerajaan menyeru supaya kerajaan mengenal pasti transaksi tunai dapat dipungut cukai jualan.

Dalam Akta Cukai Jualan, maka adalah diwajibkan supaya syarikat itu mengeluarkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak boleh dihantar secara bertulis.

Dato' Chan Kong Choy: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau susah diharap boleh dihantar secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Tambun.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, boleh, boleh baca. Adalah diwajibkan supaya syarikat mengeluarkan invoice kepada pelanggan dan selepas itu membayar cukai jualan kepada pihak kerajaan. Maka untuk memastikan bahawa apa yang telah dikutip itu dibayar kepada kerajaan, invoice dan resit mesti dikeluarkan dan ini adalah perkara yang mandatori, kecuali dapat dikecualikan oleh Ketua Pengarah Kastam. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda dan menambah beberapa peruntukan dalam Akta Eksais 1976 sedia ada bagi membolehkan duti eksais dikenakan juga ke atas barangan import.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 55 fasal seperti berikut:-

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas akta dan permulaan tarikh kuat kuasa pindaan ke atas akta yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2003.

Fasal 3 adalah mengenai pindaan ke atas subseksyen 6(1) bagi memperuntukkan kuasa kepada Menteri mengenakan duti eksais ke atas barangan import.

Fasal 4 adalah mengenai pindaan ke atas Seksyen 8 yang merupakan pindaan berbangkit kepada Fasal 3 untuk memberikan kuasa kepada pegawai kastam menetapkan penjenisan barangan berduti.

Fasal 5 adalah Seksyen baru 8A bagi tujuan membenarkan duti ke atas barangan yang diimport dibayar secara bantahan atas sebab-sebab tidak berpuas hati dengan penjenisan dan penilaian barangan. Manakala Seksyen baru 8P memperuntukkan supaya pegawai kastam berkaitan menyediakan laporan berkaitan penjenisan untuk keputusan Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari.

Fasal 6 adalah mengenai pindaan Seksyen 11 untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan apa-apa fi atau caj lain yang ditetapkan seperti yang ditentukan di bawah Akta Kastam bagi barangan import.

Fasal 7 mengenai Seksyen baru 11A yang memberikan kuasa kepada Menteri meremitkan duti eksais atau apa-apa fi atau caj lain yang ditetapkan di bawah akta ini.

Fasal 9 adalah mengenai pindaan Seksyen 16 bagi menetapkan pengiraan duti eksais dan kadar terpakai ke atas barangan yang diimport; dan

Fasal 8 serta 10 hingga 55 adalah pindaan berbangkit daripada pengenaan duti eksais ke atas barangan import.

Pindaan ini adalah berkaitan peraturan dan prosedur pengawasan, penguatkuasaan, perundangan dan aspek-aspek pentadbiran jabatan kastam berkaitan barangan import yang tertakluk kepada duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Eksais Tahun 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

3.19 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun dan menoleh ke belakang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, tidak perlu tengok kebelakanglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya tengok sebab Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta Eksais ini adalah panjang nampaknya dan wang yang terlibat itu banyak - berbilion-bilion ringgit dan saya tidak akan melepaskan tanpa perbincangan dan saya berharap Tambun pun boleh mengambil bahagian di dalam duti eksais.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia pun bangun juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak bangun, saya tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun, dia bangun, tidak betul-betul bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tunggu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Dia seganlah untuk berucap, dia nampak hendak tunggu orang lain pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun tunggu dia tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak ada. Saya dok bacalah tu, kita hendak berbahas dengan berkesan, kita mesti baca seperti Fasal 45 hingga 55 bertujuan untuk memasukkan peruntukan khas tambahan mengenai perkara-perkara import yang berhubungan dengan Labuan, Langkawi, Tioman, Sabah dan Sarawak serta kawasan pembangunan bersama yang serupa dengan peruntukan yang sedia ada dalam Akta Kastam 1967. Di sini, saya hendak mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai barang-barang yang didapati di kawasan-kawasan bebas cukai termasuk di Langkawi.

Memang banyak negara akan mengambil kesempatan untuk menjual barang-barang di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Misalnya pada suatu ketika, saya ada mengunjungi kedai-kedai di Langkawi, saya dapati barang-barang seperti batik. Kalau kita tengok batik Malaysia tidak nampak sangat, tetapi batik Indonesia banyak. Mengapa harus demikian berlaku? Takkan Malaysia tidak keluarkan batik langsung. Ini masalah dan ini bermakna dengan ada pindaan tersebut, kita pun mesti sentiasa berwaspada supaya barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia pun dipamer dan akan dijual di tempat-

tempat bebas cukai kita. Jangan kita membiarkan barang-barang negara yang lain termasuk Indonesia, dijual di kawasan-kawasan itu sahaja.

Dan memang saya nampak pun Tambun sekarang dia hendak cari bahan untuk membahaskan pula. Dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan sebut dia, nanti dia bangun gunakan Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu kali dia pun sudah mengetahui jangan kita bangkitkan Peraturan Mesyuarat dengan begitu sahaja tanpa meneliti isi kandungannya. Dan kita nampak Fasal 5, 8A – Pembayaran dan Duti Eksais Dengan Bantahan - Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan pegawai yang hak di bawah Seksyen 8(1) tentang sama ada mana-mana barang tertentu termasuk atau tidak termasuk dalam satu kelas barang yang terdapat dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah sub-seksyen 6(1) atau dengan penilaian, penimbangan, penyukatan atau pemeriksaan mana-mana barang boleh membayar duti eksais yang dilevi dengan bantahan.

Saya tidak begitu faham mengapa dia terpaksa bayar dahulu, kemudian bantah atau bantah dahulu dan sehingga pihak Ketua Pengarah mengakui bahawa bantahan itu munasabah dan sebagainya. Apakah maksud pindaan itu Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada samar-samarlah di sini *[Disampuk]*. Biasanya Sri GadingSri Gading dia sibuk sekarang. Saya diberitahu bahawa dia sibuk, sibuk dengan TNB pula sekarang. Menjelajah ke dunia untuk hal TNB sekarang ini, sibuk sangat.

Tuan Kerk Kim Hock: Duit siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak tahulah duit siapa itu? Yang tahunya dia ada Honda Civic. Baik jugalah Honda Civic, tidak begitu mewah.

Tuan Kerk Kim Hock: Ada bayar saman?

Dr. Tan Seng Giaw: Hah?

Tuan Kerk Kim Hock: Duit saman dia ada bayar?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bayar dia.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak kenalah dengan

Dr. Tan Seng Giaw: Dia segan, Honda Civic ditunda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:undang-undang yang kita bangkit.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia ada *traffic summon*kah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ditarik, ditunda ke depot DBKL, itu masalahnya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ikut undang-undanglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ikut, memang tidak ikut. Tidak ikut undang-undang langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau ada apa-apa Yang Berhormat bersama Kota Melaka boleh keluar, bincang luar.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Oleh kerana ada bunyi daripada Sri Gading, kita pun bagilah komen sedikit. Saya berharaplah jangan kita gunakan wang rakyat untuk ke luar negara bagi urusan TNB. Apa pasal TNB dengan Dewan Rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa pasal TNB dengan Rang Undang-undang yang kita baca sekarang ini?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa] [Dewan gamat dengan ketawa].* Itulah, rang undang-undang di Dewan Rakyat kita ini sekarang ini mengenai eksais sebab itu saya sebutkan kalau ada bantahan, adakah pihak yang membantah terpaksa bayar dahulu, kemudian membantah. Biasanya di dalam undang-undang, mereka itu tidak kiralah sesiapa, kalau peruntukan itu sedemikian, pihak berkaitan mestilah mematuhi dahulu, kemudian buat bantahan. Ketua Pengarah hendaklah menentukan persoalan tentang penjenisan dan penilaian. Jika duti eksais telah dibayar secara bantahan, pegawai yang hak hendaklah dalam masa 30 hari daripada pembayaran itu dibuat merujuk apa-apa persoalan mengenai penjenisan atau penilaian barang-barang kepada Ketua Pengarah untuk keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu tempoh 30 hari, kalau kita meneliti hal ini kita nampak kadangkala bukan 30 hari, pihak Ketua Pengarah mungkin mengambil masa yang lebih, bukan 30 hari. Dan di sini saya hendak menekankan bahawa kita mesti berlaku adil, kalau benda itu sudah dibayar dah kemudian apabila bantahan itu berjaya wang faedah pun tidak ada. Dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun mengatakan pagi ini bahawa untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) apabila pihak pembayar cukai bayar lebih tidak ada faedah kerana tidak ada peruntukan di dalam undang-undang dan begitu juga kita nampak *[Ketawa]* dengan berat sebelah. Memang berat sebelah undang-undang negara kita. *[Ketawa]* Kalau Ketua Pengarah dia betul, dia tidak payah bayar faedah. Kalau dia tidak betul, membuat penilaian yang salah dan bantahan itu berjaya, dia tidak dikenakan faedah langsung. Di sini dia katakan 30 hari. Saya berharaplah tempoh ini dipatuhi.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan berkenaan dengan duti yang perlu atau tidak perlu dikenakan. Saya ada satu pengalaman di mana seorang kawan saya dia pengusaha sebuah farmasi. Beliau mengimport kayu untuk memeriksa lidah.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Itu kayu bukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya,

Tuan Lim Hock Seng: Panjang macam ini *[Menunjukkan jari]* dia tekan kepada lidah...

Dr. Tan Seng Giaw: Tekan, tekan, tekan.

Tuan Lim Hock Seng: ...di mana dia boleh tengok kerongkongnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kayu mulut.

Tuan Lim Hock Seng: Tetapi mengikut farmasi ini sebarang peralatan atau ubat-ubatan untuk perubatan atau kesihatan dilepaskan cukai. Tetapi pegawai Kastam di Pulau Pinang ini, apabila dia periksa barang ini, dia kata ini kayu untuk membuat air krim. Hah!.... Kayu untuk membuat ais krim, dia kecil, pendek tetapi ini untuk ubatan, untuk doktor yang pakai itu, dia tebal, dia panjang sedikit. Ini pun dia tidak boleh bezakan dan dia memaksa pengimport itu membayar duti import dahulu.

Dia kata ini memang untuk kesihatan. Dia kata ini memang kena bayar duti. Jadi macam mana? Dia terpaksa membayar. Lepas membayar lebih kurang melebihi RM10,000 untuk satu kontena besar, dia menuntut atau membuat bantahan tetapi sampai berbulan-bulan pun tidak dapat apa-apa jawapan. Saya terpaksa meminta Timbalan Menteri Kewangan untuk menolong dalam perkara ini. Tidak tahulah sehingga sekarang saya pun tidak jumpa kawan saya tidak tahu sama ada kes ini sudah selesaikan belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Untuk mengelakkan masalah ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjangkah soalan?

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah kita minta Timbalan Menteri supaya menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai kanan tempatan iaitu di tempat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tanya Yang Berhormat Kepong atau tanya Timbalan Menteri?

Tuan Lim Hock Seng: Tanya Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat Kepong tahu boleh turunkan kuasa?

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya memang tanya kepada Yang Berhormat Kepong supaya minta beliau menanyakan kepada Timbalan Menteri supaya memberi kuasa kepada pegawai kanan tempatan untuk menyelesaikan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta Yang Berhormat Kepong susah sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, niat Yang Berhormat bagi Bagan pun baik juga hendak memperbetulkan keadaan yang tidak betul. Ini bermakna latihan ke atas pegawai itu kurang. Ataupun jika ada latihan tidak berkesan. Tidak berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah. Panjang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu baru mula sahaja itu, saya tengok dua fasal sahaja. Ini fasal yang kedua dan fasal kedua itu tepat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kira sedikitlah ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Hah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lapan minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ah bolehlah, 39 fasal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lapan minit boleh sambung besoklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Baiklah Tuan Yang di-Pertua, ini fasal yang kedua sahaja. 39 fasal di dalamnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, lapan minit boleh sambung besok.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.